

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Tadabbur Surah Pilihan

SURAH AL-MULK

“PELINDUNG DARIPADA AZAB KUBUR”

PEMBUKA KATA

Bismillahirrahmanirrahim.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT atas limpah rahmat-Nya, sesi tadabbur al-Quran secara dalam talian ini dapat dilaksanakan dan dihipunkan dalam bentuk e-book.

Tujuan utama sesi ini adalah untuk mendekatkan diri dengan al-Quran melalui pemahaman ayat-ayat-Nya, khususnya surah-surah pilihan yang mengandungi pelbagai pengajaran tentang iman, kehidupan, dan harapan.

Saya mengalu-alukan semua pembaca dan peserta untuk menelusuri tadabbur ini dengan hati yang terbuka. Semoga ia memberi manfaat, ketenangan, dan menjadi asbab hidayah buat kita semua.

Wassalam.



Ustaz Dr Waafi

Ustaz Anwar Hafey 



ISI KANDUNGAN

01 Pendahuluan 1

02 Kelebihan Surah Al-Mulk 2

03 Tadabbur Surah Al-Mulk

Ayat 1 5

Ayat 2 9

Ayat 3 15

Ayat 4 19

Ayat 5 21

Ayat 6 27

Ayat 7 29

Ayat 8 30

Ayat 9 34

Ayat 10 36

Ayat 11 39

ISI KANDUNGAN

○	Ayat 12	41
○	Ayat 13	44
○	Ayat 14	46
○	Ayat 15	48
○	Ayat 16	54
○	Ayat 17	57
○	Ayat 18	59
○	Ayat 19	61
○	Ayat 20	64
○	Ayat 21	67
○	Ayat 22	70
○	Ayat 23	73
○	Ayat 24	80
○	Ayat 25	82

ISI KANDUNGAN

○	Ayat 26	84
○	Ayat 27	87
○	Ayat 28	92
○	Ayat 29	95
○	Ayat 30	98
04	Kesimpulan	100

1. PENDAHULUAN

Surah Al-Mulk adalah surah **ke-67** dalam al-Quran, mengandungi **30 ayat**, dan termasuk dalam kategori **Surah Makkiyyah** (yang diturunkan sebelum Nabi berhjrah). Para ulama bersepakat bahawa ia diturunkan di Mekah, namun terdapat dua (2) pandangan utama tentang **waktu penurunannya**:

1. **Pandangan Pertama – Awal Dakwah** di Mekah. Pandangan ini berasaskan gaya bahasa surah yang ringkas namun padat dengan peringatan. Ayat-ayatnya mengajak manusia berfikir, merenung, dan menyedari tanda-tanda kebesaran Allah ﷻ di sekeliling mereka. Gaya seperti ini adalah ciri khas surah-surah awal Mekah yang menekankan tauhid dan asas iman.
2. **Pandangan Kedua – Penghujung Dakwah** di Mekah. Pandangan ini melihat Surah Al-Mulk sebagai wahyu yang diturunkan ketika penentangan kaum Musyrikin Quraisy memuncak. Ayat-ayatnya sarat dengan ancaman azab dan peringatan tegas, seolah-olah amaran terakhir sebelum pintu hati mereka tertutup rapat.

Bayangkan suasana Mekah ketika itu, sebuah kota yang aman dari segi fizikal, namun bergelora dari segi jiwa. Di tengah-tengah hiruk-pikuk pasar, urusan dagang, dan ritual penyembahan berhala, wahyu Allah ﷻ turun laksana dentuman yang menggugah hati.

Bagi mereka yang masih tenggelam dalam kegelapan syirik, ayat-ayat ini hadir sebagai **panggilan kecemasan untuk segera kembali kepada kebenaran**. Ia mengajak manusia melihat keindahan langit yang tanpa retak, bumi yang tersusun rapi, dan kehidupan yang penuh keteraturan, semuanya bukti kekuasaan Allah ﷻ yang tiada tandingan.

Nama **Al-Mulk** berasal daripada perkataan Arab "al-Mulk" yang bermaksud **kerajaan atau kekuasaan mutlak**. Sama ada ia diturunkan pada awal atau penghujung tempoh Mekah, mesejnya tetap sama *"Renunglah tanda-tanda kekuasaan Tuhanmu, insafilah tujuan hidupmu, dan kembalilah kepada-Nya sebelum tibanya saat penyesalan yang tiada berguna lagi."*

2. KELEBIHAN SURAH AL-MULK

Walaupun hadis tentang Rasulullah ﷺ membaca Surah al-Mulk sebelum tidur tidak kuat, para sahabat besar seperti **Abdullah Ibn Mas'ud** sangat menekankannya. Beliau menyebut, **sesiapa yang membacanya setiap malam akan mendapat perlindungan daripada azab kubur**. Kerana itu, para sahabat menamakan surah ini sebagai *al-Māni'ah* (penghalang daripada seksa kubur).

Hadis-hadis tentang fadhilat ini dinilai berbeza oleh para ulama. Kebanyakannya berstatus *dhaif*, namun ada yang mencapai darjat *hasan*, itu pun dalam bentuk *mauquf* iaitu hanya sampai kepada **sahabat**. Walaupun begitu, mesejnya tetap jelas iaitu Surah al-Mulk adalah **pelindung yang mengingatkan kita tentang kehidupan selepas mati**, menghidupkan hati dengan kesedaran bahawa setiap nafas adalah pinjaman, dan setiap amal akan dihisab.

Maka, apabila kita membaca Surah al-Mulk sebelum tidur, ia bukan sekadar rutin malam. Ia adalah **latihan jiwa** untuk menyerahkan diri kepada Allah ﷻ, memohon perlindungan daripada azab, dan mengakhiri hari dengan zikrullah yang menghidupkan hati.

2.1 HADITH-HADITH BERKAITAN SURAH AL-MULK

2.1.1 Syafa'at sehingga diampunkan pembacanya (Sahih)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: إِنَّ سُورَةَ مِنَ الْقُرْآنِ ثَلَاثُونَ آيَةً شَفَعَتْ لِرَجُلٍ حَتَّى غُفِرَ لَهُ، وَهِيَ سُورَةُ تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمَلِكُ

Daripada Abu Hurairah, bahawa Nabi ﷺ bersabda: "Sesungguhnya terdapat satu surah di dalam al-Qur'an yang terdiri daripada tiga puluh ayat, yang memberi syafaat kepada seorang lelaki sehingga dia diampuni. Surah itu adalah Tabārakalladzī biyadihil-mulk (Surah al-Mulk)."

(Riwayat at-Tirmidzi no. 2891, Abu Dawud no. 1400, Ibnu Majah no. 3786, Ahmad 2/299)

Status: Sahih (Al-Albani), Hasan (At-Tirmidzi).

2.1.2 Pelindung daripada azab kubur (Hasan Mauquf)

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: مَنْ قَرَأَ {تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمَلِكُ} كُلَّ لَيْلَةٍ مَنَعَهُ اللَّهُ بِهَا مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، وَكُنَّا فِي عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ نَسْمِيهَا الْمَانِعَةَ، وَإِنِهَا فِي كِتَابِ اللَّهِ سُورَةٌ، مَنْ قَرَأَ بِهَا فِي كُلِّ لَيْلَةٍ فَقَدْ أَكْثَرَ وَأَطَابَ.

Daripada 'Abdullah bin Mas'ud: "Barangsiapa membaca Tabārakalladzī biyadihil-mulk (Surah al-Mulk) setiap malam, Allah akan menghalangnya daripada seksa kubur. Kami pada zaman Rasulullah ﷺ menamakan surah ini sebagai al-Māni'ah (penghalang daripada seksa kubur). Ia adalah salah satu surah di dalam Kitabullah. Barangsiapa membacanya setiap malam, maka dia telah memperbanyak kebaikan dan berbuat amal yang baik."

(Riwayat an-Nasa'i dalam al-Kabīr, 6/179 dan al-Hākim. Al-Hākim menilai sanadnya sebagai sahih, dan disepakati oleh adz-Dzahabi.)

Status: Hasan Mauquf (Al-Albani), sanad sahih (Al-Hākim).

2.1.3 Surah al-Mulk sebagai al-Munjiyah (Dhaif)

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ ضَرَبَ بَعْضُ أَصْحَابِ النَّبِيِّ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- خِيَاءَهُ عَلَيَّ قَبْرٍ وَهُوَ لَا يَحْسِبُ أَنَّهُ قَبْرٌ فَإِذَا فِيهِ إِنْسَانٌ يَقْرَأُ سُورَةَ تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمَلِكُ حَتَّى خْتَمَهَا فَاتَى النَّبِيَّ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي ضَرَبْتُ خِيَاءِي عَلَيَّ قَبْرٍ وَأَنَا لَا أَحْسِبُ أَنَّهُ قَبْرٌ فَإِذَا فِيهِ إِنْسَانٌ يَقْرَأُ سُورَةَ تَبَارَكَ الْمَلِكُ حَتَّى خْتَمَهَا. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- « هِيَ الْمَانِعَةُ هِيَ الْمُنْجِيَةُ تَنْجِيهِ مَنْ عَذَابِ الْقَبْرِ ».

Daripada Ibnu Abbas, dia berkata: "Sebahagian sahabat Nabi membuat khemah di atas kubur, ternyata dia tidak tahu yang itu adalah kubur, tiba-tiba ada seseorang membaca surat Tabaarokalladzi bi yadihil mulk (Maha Suci Allah yang di tangan-Nyalah segala kerajaan), sampai selesai. Kemudian dia datang kepada Nabi ﷺ dan berkata; "Wahai Rasulullah sesungguhnya, aku membuat khemahku di atas kuburan dan saya tidak sangka tempat tersebut adalah kuburan, kemudian ada seseorang membaca surat Tabarok (surat) Al Mulk sampai selesai". Rasulullah ﷺ bersabda, "Dia adalah penghalang, dia adalah penyelamat yang menyelamatkannya daripada seksa kubur".

(Riwayat at-Tirmidzi no. 2890, at-Tirmidzi berkata dari jalur ini, hadith ini hasan gharib, kerana dalam bab ini ada hadith daripada Abu Hurairah.)

Status: Dhaif - sebab Yahya bin Amru bin Malik (dhaif). Yahya bin Ma'in, Abu Zur'ah, Abu Daud dan An-Nasai menilainya dhaif.

2.1.4 Nabi ﷺ membaca Surah As-Sajdah & Surah Al-Mulk sebelum tidur (Dhaif)

عَنْ جَابِرٍ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ لَا يَنَامُ حَتَّى يَقْرَأَ (الْم تَنْزِيلُ) وَ (تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ)
Daripada Jabir berkata bahawa : "Nabi ﷺ tidak tidur hingga membaca Surah As-Sajdah dan Surah Al-Mulk."

(Riwayat at-Tirmidzi no. 2892, ad-Darimi no. 3429)

Status: Dhaif – sebab perawi Abu Az Zubair (mudallis) & Laits bin Abu Sulaim (dhaif).

3. TADABBUR SURAH AL-MULK

3.1 AYAT 1

تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

“Maha Suci Allah yang di tangan-Nyalah segala kerajaan, dan Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu.”

(Surah al-Mulk:1)

تَبَارَكَ

Kalimah **تَبَارَكَ** berasal daripada akar kata **بَرَكَ** yang membawa maksud “berkat” atau “keberkatan”. Bentuk **تَفَاعَلَ** pada kalimah ini memberi maksud **mubalaghah** (sangat-sangat berkat). Biasanya wazan **تفاعل** melibatkan interaksi antara dua pihak, namun apabila digunakan untuk Allah ﷻ tanpa pihak kedua, ia membawa makna kesempurnaan dan pengagungan yang mutlak.

Di Nusantara, sebahagian terjemahan menterjemahkan **تَبَارَكَ** sebagai “Maha Suci Allah”. Walaupun maksudnya mengagungkan Allah ﷻ, terjemahan **“Maha Suci”** sebenarnya lebih tepat untuk perkataan **سُبْحَانَ اللَّهِ**. Dalam konteks ayat ini, makna yang lebih tepat ialah **“Allah ﷻ yang Maha Berkat”**.

3.1.1 Apakah maksud berkat (barakah)?

Berkat merangkumi dua unsur utama iaitu **كثرة الخير ودوامها** :

1. **Pertambahan kebaikan** – kebaikan itu sentiasa bertambah.
2. **Kekekalan kebaikan** – kebaikan itu kekal dan tidak hilang.

Maka, keberkatan daripada Allah ﷻ adalah kebaikan yang sentiasa bertambah dan kekal. Kefahaman ini membentuk keyakinan bahawa rezeki dan kejayaan tidak hanya bergantung kepada sebab-musabab duniawi (cause and effect), tetapi boleh dilipatgandakan oleh Allah ﷻ tanpa batas. Sebagai contoh, dalam logik biasa $1 + 1 = 2$, namun dengan keberkatan daripada Allah ﷻ, hasilnya boleh jauh melebihi itu.

الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ

Frasa **بِيَدِهِ** secara bahasa bermaksud “di tangan-Nya”. Dalam konteks ayat ini, ia membawa maksud “**dalam kekuasaan-Nya**”. Ahli tafsir menjelaskan bahawa tidak perlu kita membayangkan bentuk tangan Allah ﷻ, kerana tangan-Nya adalah sifat yang layak bagi keagungan-Nya. Tangan boleh difahami sebagai kekuasaan, tetapi hakikatnya Allah ﷻ benar-benar memiliki sifat tangan yang sesuai dengan keagungan-Nya, bukan seperti makhluk.

Menariknya, di dalam al-Qur’an terdapat juga ayat lain yang menggunakan frasa **وَلَهُ الْمُلْكُ** (“**dan kerajaan itu milik-Nya**”) seperti firman Allah dalam Surah al-An’ām: 73.

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ وَيَوْمَ يَقُولُ كُنْ فَيَكُونُ قَوْلَهُ الْحَقُّ وَلَهُ الْمُلْكُ يَوْمَ ينفخ فِي الصُّورِ عِلْمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ وَهُوَ الْحَكِيمُ الْخَبِيرُ

“Dan Dialah yang menciptakan langit dan bumi dengan kebenaran. Dan pada hari Dia berfirman: ‘Jadilah!’ maka jadilah ia. Firman-Nya adalah benar. Dan milik-Nyalah kerajaan pada hari ditiup sangkakala. Dia mengetahui yang ghaib dan yang nyata. Dan Dialah Yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui.”

(Surah al-An’ām: 73)

Walaupun maknanya hampir sama, ungkapan **بِيَدِهِ الْمُلْكُ** membawa makna yang **lebih kuat dan langsung**, ibarat seseorang berkata:

- “Pisau itu milik saya” (mungkin pisau itu berada jauh di atas meja), berbanding
- “Pisau ini di tangan saya” (pisau itu berada dalam genggamannya dan boleh digunakan bila-bila masa).

Perbezaan ini memberi gambaran bahawa **seluruh kerajaan dan kekuasaan berada dalam genggamannya langsung Allah ﷻ**, dan Dia mengurus serta mentadbirnya dengan kehendak mutlak.

Apabila Allah ﷻ menyebut **بِيَدِهِ الْمُلْكُ** (di tangan-Nya kerajaan), ia bermaksud kekuasaan mutlak hanya milik Allah ﷻ. Dialah yang memberi kerajaan kepada sesiapa yang Dia kehendaki, dan Dialah yang mencabutnya bila-bila masa yang Dia mahu. Kerajaan yang zahirnya hebat dan berkuasa boleh runtuh sekelip mata, sedangkan insan yang dianggap lemah boleh diangkat menjadi pemimpin.

Allah berfirman:

قُلِ اللَّهُمَّ مَالِكَ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ
بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai Tuhan yang memiliki kerajaan! Engkau memberi kerajaan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkau mencabut kerajaan dari sesiapa yang Engkau kehendaki; Engkau memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkau menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam tangan-Mu segala kebaikan; Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu."

(Surah Ali 'Imran: 26)

Manusia berlumba-lumba merebut kuasa hingga **sanggup menipu dan menindas**, sedangkan kuasa itu tidak kekal. **Firaun yang angkuh pun binasa**, sementara Nabi Musa عليه السلام yang lemah dimenangkan Allah جلَّ جلاله. Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْمَعِزُّ وَهُوَ الْمُدِلُّ

"Sesungguhnya Allah-lah yang memberi kemuliaan dan Dialah yang memberi kehinaan."

(Riwayat al-Bukhari)

Kalimah الْمُلْكُ bukan sekadar bermaksud "kerajaan" tetapi juga meliputi **kekuasaan, kebesaran, kehebatan dan keagungan**. Semua ini hanya milik Allah جلَّ جلاله. Kuasa manusia hanyalah pinjaman sementara. Allah جلَّ جلاله mengingatkan:

تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ

Engkau memberi kerajaan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki.

(Surah Ali 'Imran: 26)

وَاللَّهُ غَالِبٌ عَلَىٰ أَمْرِهِ

Dan Allah tetap menguasai urusan-Nya.

(Surah Yusuf: 21)

Bagi orang beriman, ayat ini memberi ketenangan. Jika taat kepada Allah جلَّ جلاله, pertolongan-Nya pasti bersama, kerana kuasa dunia hanya sementara sedangkan kerajaan Allah kekal selamanya."

وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Ayat ini menegaskan bahawa **kekuasaan Allah ﷻ meliputi semua perkara, besar mahupun kecil**, nyata mahupun tersembunyi. Tidak ada satu pun makhluk atau urusan yang terlepas daripada kehendak dan kekuasaan-Nya. Allah ﷻ bukan sekadar memiliki kerajaan seluruh alam, bahkan Dialah yang mengatur setiap butiran pasir di bumi dan setiap bintang di langit. Firman Allah:

وَلِلَّهِ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

"Dan kepada Allahlah kerajaan langit dan bumi, dan Allah Maha Berkuasa atas segala sesuatu."

(Surah Ali 'Imran: 189)

إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ

"Sesungguhnya perintah-Nya apabila Dia menghendaki sesuatu hanyalah berkata kepadanya: 'Jadilah!', maka terjadilah ia."

(Surah Yasin: 82)

Terdapat juga hadith Nabi ﷺ yang menyatakan:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: كُنْتُ خَلْفَ النَّبِيِّ ﷺ يَوْمًا فَقَالَ: يَا غُلَامُ، إِنِّي أَعْلَمُكَ كَلِمَاتٍ: احْفَظِ اللَّهَ يَحْفَظَكَ، احْفَظِ اللَّهَ تَجِدْهُ تُجَاهَكَ، إِذَا سَأَلَ فَاسْأَلِ اللَّهَ، وَإِذَا اسْتَعَانَ فَاسْتَعِنِ بِاللَّهِ

"Wahai anak muda, aku akan mengajarkan kepadamu beberapa perkataan: Peliharalah Allah, nescaya Dia akan memeliharamu; peliharalah Allah, nescaya engkau akan mendapati-Nya di hadapanmu. Apabila engkau meminta, mintalah kepada Allah; apabila engkau memohon pertolongan, mohonlah kepada Allah..."

(Riwayat at-Tirmidzi – hasan sahih)

Meyakini bahawa Allah ﷻ berkuasa mutlak akan membuatkan **kita bergantung penuh kepada-Nya**, bukan sekadar pada sebab-musabbab semata-mata. Raja dunia mungkin hanya berkuasa untuk tempoh tertentu, tetapi kekuasaan Allah ﷻ **tiada awal dan tiada akhir**. Dialah yang menentukan rezeki, ajal, dan segala ketentuan hidup kita.

3.2 AYAT 2

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ۗ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ

"Dialah yang telah menjadikan adanya mati dan hidup – untuk menguji kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Dia Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun"

(Surah al-Mulk:2)

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ

3.2.1 Mengapa "Mati" Disebut Dahulu?

Walaupun secara zahir kita hidup dahulu kemudian mati, ayat ini mendahulukan الْمَوْتَ (mati) kerana:

1. **Kita asalnya tidak hidup** – sebelum kelahiran, kita berada dalam keadaan mati.
2. **Kematian lebih hampir kepada manusia hidup** – sebagai peringatan bahawa hidup ini akan berakhir.
3. **Bahasa al-Quran penuh hikmah** – mendahulukan yang lebih memberi kesan kepada jiwa.

Dalil lain yang menyokong konsep ini:

كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَكُنْتُمْ أَمْوَاتًا فَأَحْيَاكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

"Bagaimana kamu kufur kepada Allah, padahal kamu dahulunya mati lalu Dia menghidupkan kamu, kemudian Dia mematikan kamu, kemudian Dia menghidupkan kamu semula, kemudian kepada-Nyalah kamu dikembalikan."

(Surah al-Baqarah: 28)

Pada ayat lain, orang **kafir** juga **dianggap mati (مَيِّتًا)**, kerana tanpa iman dan hidayah hati mereka tidak bernyawa walaupun jasadnya hidup. Firman Allah ﷻ:

أَوَمَنْ كَانَ مَيِّتًا فَأَحْيَيْنَاهُ وَجَعَلْنَا لَهُ نُورًا يَمْشِي بِهِ فِي النَّاسِ كَمَنْ مَثَلُهُ فِي الظُّلُمَاتِ لَيْسَ بِخَارِجٍ مِنْهَا ۗ كَذَلِكَ زِينٌ لِلْكَافِرِينَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

"Dan apakah orang yang telah mati, lalu Kami hidupkan dia dan Kami jadikan untuknya cahaya yang dengannya dia berjalan di tengah-tengah manusia, sama seperti orang yang berada dalam kegelapan yang dia tidak dapat keluar daripadanya? Demikianlah diperhiaskan bagi orang-orang kafir apa yang mereka kerjakan."

(Surah al-An'ām: 122)



3.2.1.1 Kematian Sebagai Peringatan Terawal

Kematian adalah janji Allah kepada setiap makhluk:

إِنَّكَ مَيِّتٌ وَإِنَّهُمْ مَيِّتُونَ

"Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan mati, dan sesungguhnya mereka juga akan mati."

(Surah az-Zumar: 30)

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّوْنَ أَجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

"Setiap yang bernyawa pasti akan merasai mati, dan hanya pada hari kiamat sajalah akan disempurnakan balasan kamu."

(Surah Āli 'Imrān: 185)

Hadith peringatan Nabi ﷺ:

أَكْثَرُوا ذِكْرَ هَازِمِ اللَّذَاتِ

"Perbanyaklah mengingati pemutus segala kelazatan (iaitu mati)."

(Riwayat at-Tirmidzi, no. 2307)

3.2.1.2 Tidur – “Kematian Sementara”

Allah ﷻ mengingatkan bahawa tidur adalah tanda kebesaran-Nya dan peringatan tentang kematian:

اللَّهُ يَتَوَفَّى الْأَنْفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَالَّتِي لَمْ تَمُتْ فِي مَنَامِهَا

"Allah mengambil nyawa ketika matinya, dan nyawa yang belum mati ketika tidurnya..."

(Surah az-Zumar:42)

Doa bangun tidur yang diajar Nabi ﷺ:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحْيَانَا بَعْدَ مَا أَمَاتَنَا وَإِلَيْهِ النُّشُورُ

"Segala puji bagi Allah yang menghidupkan kami setelah mematikan kami, dan kepada-Nyalah kami akan dibangkitkan."

(Riwayat al-Bukhari, no. 6312)

3.2.1.3 Kematian Adalah Makhluk Ciptaan Allah

Berbeza dengan ayat lain yang menyebut mematikan atau menghidupkan, dalam ayat ini Allah ﷻ menyebut bahawa **Dia menciptakan kematian (خَلَقَ الْمَوْتَ)**.



Sebagai Pencipta, Allah ﷻ berkuasa meniadakan kematian, sebagaimana disebut dalam hadith sahih:

يُؤْتِي بِالْمَوْتِ كَهَيْئَةِ كَبْشٍ أَمْلَحَ، فَيُنَادِي مُنَادًا: يَا أَهْلَ الْجَنَّةِ! فَيُشْرِبُونَ وَيَنْظُرُونَ، فَيَقُولُ: هَلْ تَعْرِفُونَ هَذَا؟ فَيَقُولُونَ: نَعَمْ، هَذَا الْمَوْتُ، وَكُلُّهُمْ قَدْ رَأَاهُ، ثُمَّ يَنَادِي: يَا أَهْلَ النَّارِ! فَيُشْرِبُونَ وَيَنْظُرُونَ، فَيَقُولُ: هَلْ تَعْرِفُونَ هَذَا؟ فَيَقُولُونَ: نَعَمْ، هَذَا الْمَوْتُ، وَكُلُّهُمْ قَدْ رَأَاهُ، فَيَذْبَحُ، ثُمَّ يَقُولُ: يَا أَهْلَ الْجَنَّةِ، خُلُودَ فَلَا مَوْتَ، وَيَا أَهْلَ النَّارِ، خُلُودَ فَلَا مَوْتَ، فَيَزِدَادُ أَهْلَ الْجَنَّةِ فَرَحًا إِلَى فَرَحِهِمْ، وَيَزِدَادُ أَهْلَ النَّارِ حُزْنَ إِلَى حُزْنِهِمْ.

“Kematian didatangkan dalam rupa seekor kambing jantan berwarna putih belang hitam, lalu penyeru berseru: ‘Wahai penghuni syurga!’ Mereka pun mendongak dan melihat. Ditanya: ‘Tahukah kamu apakah ini?’ Mereka menjawab: ‘Ya, ini adalah kematian.’

Kemudian diseru kepada penghuni neraka, dan mereka juga menjawab: ‘Ya, ini adalah kematian.’

Lalu kematian itu disembelih, kemudian penyeru berkata: ‘Wahai penghuni syurga, kekallah kamu dan tiada lagi kematian. Wahai penghuni neraka, kekallah kamu dan tiada lagi kematian.’ Maka bertambahlah kegembiraan penghuni syurga di atas kegembiraan mereka, dan bertambahlah kesedihan penghuni neraka di atas kesedihan mereka.”

(Riwayat al-Bukhari, no. 6548)

وَالْحَيَاةَ

Selepas kematian, datanglah kehidupan. Allah ﷻ hanya menyebut mati dan hidup kerana kedua-duanya sudah merangkumi keseluruhan perjalanan seorang insan.

Allah ﷻ berfirman:

كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَكُنْتُمْ أَمْوَاتًا فَأَحْيَاكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

“Bagaimana kamu tergamak kufur kepada Allah, sedangkan kamu dahulu mati (belum lahir), lalu Dia menghidupkan kamu; kemudian Dia mematikan kamu, lalu Dia menghidupkan kamu semula (di akhirat); akhirnya kepada-Nya kamu dikembalikan.”

(Surah al-Baqarah: 28)

Ayat ini menggambarkan kitaran hidup manusia: **tiada** → **hidup** → **mati** → **hidup semula** → **kembali kepada Allah**.

Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّ اللَّهَ أَذَلَّ بَنِي آدَمَ بِالْمَوْتِ، وَجَعَلَ الدُّنْيَا دَارَ حَيَاةٍ ثُمَّ دَارَ مَوْتٍ، وَجَعَلَ الْآخِرَةَ دَارَ جَزَاءٍ ثُمَّ دَارَ بَقَاءٍ

"Sesungguhnya Allah menghinakan anak keturunan Adam dengan kematian. Allah menjadikan dunia sebagai tempat kehidupan, kemudian menjadi tempat kematian; dan akhirat sebagai tempat balasan, kemudian menjadi tempat kekal."

(Riwayat Ibnu Abi Hatim, no. 18928 – sanadnya dhaif menurut Ibnu Kathir)

3.2.2 Hikmah Disebut "Mati" Sebelum "Hidup"

Allah ﷻ mendahulukan kematian kerana ia lebih **memberi kesan mendalam kepada manusia. Kehidupan membawa kegembiraan, tetapi kematian membangkitkan kesedaran, kesedihan, penyesalan, dan kerinduan.** Mengingatnkan kita juga akan melalui saat itu, lalu dihidupkan semula untuk perhitungan di akhirat seperti firman Allah ﷻ:

وَالَّذِينَ كَفَرُوا لَهُمْ نَارُ جَهَنَّمَ لَا يُقْضَىٰ عَلَيْهِمْ فَيَمُوتُوا وَلَا يُخَفَّفُ عَنْهُمْ مِنْ عَذَابِهَا كَذَلِكَ نَجْزِي كُلَّ كَافِرٍ

"Dan orang-orang yang kafir, bagi mereka neraka Jahannam; mereka tidak dimatikan sehingga mati (terlepas seksa), dan tidak pula diringankan azabnya. Demikianlah Kami membalas setiap orang yang melampaui batas kufurnya."

(Surah Fatir: 39)

Imam Ibnu Kathir menjelaskan bahawa kehidupan dan kematian adalah ciptaan Allah yang **unik** bahkan **tiada makhluk yang mampu menirunya.** Manusia boleh meniru ciptaan teknologi atau binaan, tetapi tidak bagi kematian atau menghidupkan kembali sesuatu yang mati.

لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا

Allah ﷻ menilai **kualiti** amalan, bukan sekadar **kuantiti.** Amalan yang sedikit tetapi ikhlas dan betul lebih mulia daripada banyak tetapi sambil lewa. Di akhirat, amalan **ditimbang, bukan dikira,** sebagaimana firman Allah ﷻ:

فَمَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

"Barangsiapa berat timbangan kebaikannya, maka merekalah orang yang beruntung."

(Surah al-Mu'minun: 102)



Ayat ini juga menegaskan bahawa tujuan Allah ﷻ menciptakan hidup dan mati adalah untuk menguji kita siapa yang **paling baik** amalnya, **bukan** siapa yang **paling banyak** amalnya. Ujian ini adalah sunnatullah, seperti firman-Nya:

إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى الْأَرْضِ زِينَةً لِّهَا لِنَبْلُوهُمْ أَيُّهُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا

"Sesungguhnya Kami telah jadikan apa yang ada di muka bumi sebagai perhiasan baginya, kerana Kami hendak menguji mereka, siapakah di antara mereka yang lebih baik amalnya."

(Surah al-Kahf: 7)

Allah ﷻ memerintahkan kita bersaing dalam kebaikan, bukan dalam kebanggaan dunia:

فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ

"Berlumba-lumbalah kamu dalam mengerjakan kebaikan."

(Surah al-Baqarah: 148)

3.2.3 Beberapa pandangan Ulama ketika menjelaskan ayat ini:

- **Al-Imam Fudhail bin 'Iyadh:** "Yang dimaksud dengan 'lebih baik amalnya' ialah amalan yang dilakukan dengan **ikhlas kerana Allah ﷻ dan benar mengikut Sunnah Rasulullah ﷺ**." (Syarh Arba'in An-Nawawi, hlm. 25)
- **Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah:** "Amal tanpa ikhlas dan ittiba' (mengikut Sunnah) ibarat **musafir yang memenuhi kantung airnya dengan pasir; ia hanya memberatkan tanpa memberi manfaat.**" (Al-Fawaid, hlm. 49)
- **Ibn Kathir رحمه الله** menegaskan: "Amal diterima jika memenuhi dua syarat iaitu **ikhlas kerana Allah ﷻ dan benar sesuai Syariat.**" (Tafsir Ibn Kathir, 1/389)

Hidup ini adalah **pentas ujian**. Siapa yang memahami tujuan ini akan mengatur hidupnya dengan bijak dan memperbaiki diri setiap hari, bersaing dalam kebaikan serta memastikan amalnya diterima di sisi Allah ﷻ dengan ikhlas serta mengikut Sunnah. **Akhirat adalah tempat keputusan** diumumkan sama ada kita berjaya atau gagal.

Sifat الْعَزِيزُ bermaksud Allah ﷻ **berkuasa penuh menghukum sesiapa yang gagal** dalam ujian hidup, dan tiada yang mampu menghalang-Nya. Ia juga bermaksud Allah ﷻ **pemberi kemuliaan (العِزَّة)** kepada siapa yang Dia kehendaki. Firman-Nya:

وَاللَّهُ الْعِزَّةُ لِرَسُولِهِ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَكِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ

"Kemuliaan itu hanya milik Allah, Rasul-Nya dan orang-orang beriman, tetapi orang-orang munafik tidak mengetahuinya."

(Surah Al-Munāfiqūn: 8)

Manusia yang mencari kemuliaan selain Allah akan terhina :

مَنْ كَانَ يَرِيدُ الْعِزَّةَ فَلِلَّهِ الْعِزَّةُ جَمِيعًا ۖ إِلَيْهِ يَصْعَدُ الْكَلِمُ الطَّيِّبُ وَالْعَمَلُ الصَّالِحُ يَرْفَعُهُ ۚ وَالَّذِينَ يَمْكُرُونَ السَّيِّئَاتِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ وَمَكْرُ أُولَئِكَ هُوَ يَبُورُ

"Barangsiapa yang menghendaki kemuliaan, maka bagi Allah-lah kemuliaan itu semuanya. Kepada-Nya naik perkataan-perkataan yang baik, dan amal yang soleh, Dia angkat (ke hadapan-Nya). Dan orang-orang yang merencanakan kejahatan, bagi mereka azab yang berat, dan rancangan jahat mereka akan binasa."

(Surah Fāṭir: 10)

Sifat الْغَفُورُ pula menunjukkan Allah ﷻ **sentiasa mengampuni**, walau sebesar mana dosa, bagi yang bertaubat dengan ikhlas.

قُلْ يَا عِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا ۚ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

"Katakanlah: 'Wahai hamba-hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampuni semua dosa. Sungguh, Dia-lah Yang Maha Pengampun, Maha Penyayang'."

(Surah Az-Zumar: 53)

Bentuk **mubalaghah** pada **kalimah ini** bermakna pengampunan Allah bukan sekali-sekala, tetapi **berterusan**. Seperti sabda-Nya:

كُلُّ بَنِي آدَمَ خَطَّاءٌ، وَخَيْرُ الْخَطَّائِينَ التَّوَابُونَ

"Setiap anak Adam melakukan kesalahan, dan sebaik-baik orang yang bersalah ialah mereka yang banyak bertaubat."

(Riwayat al-Tirmidzi, no. 2499), Ibn Majah, no. 4251, dinilai hasan oleh al-Albani)

3.3 AYAT 3

الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ طِبَاقًا ۚ مَا تَرَىٰ فِي خَلْقِ الرَّحْمَنِ مِن تَفَوتٍ ۚ فَارْجِعِ الْبَصَرَ هَلْ تَرَىٰ مِن فُطُورٍ

"Yang telah menciptakan tujuh langit berlapis-lapis. Tidak akan kamu lihat pada ciptaan Tuhan Yang Maha Pemurah sesuatu yang tidak seimbang. Maka pandanglah sekali lagi, adakah kamu melihat sesuatu yang cacat?"

(Surah al-Mulk: 3)

الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ طِبَاقًا

Perkataan **طِبَاقًا** berasal daripada kata dasar **ط ب ق** yang membawa maksud **menutupi, menyelubungi, menyusun** sesuatu sehingga sesuai dan muat dengan sempurna, serta **tersusun bertindih** seperti lapisan yang rapi. Ia menggambarkan langit yang berada satu di atas yang lain, saling menutupi, seolah-olah kubah di atas kubah, membentuk lapisan yang sempurna tanpa sempadan yang jelas (*seamless*).

Bintang dan galaksi yang tidak terhitung hanyalah sebahagian kecil daripada **langit pertama**. Setiap lapisan langit terbentang luas, ibarat syiling kecil di tengah padang pasir yang tiada penghujung. Di atas langit ketujuh terbentang Kursi Allah, dan di atasnya Arasy-Nya yang Maha Agung bukti tanda kebesaran dan keagungan-Nya yang tiada tara.

Para ulama menggambarkan keluasan ini dengan hadis-hadis dan atsar. **Imam al-Alusi رحمه الله** berkata:

"Bumi berbanding langit dunia seperti cincin di tengah padang pasir. Begitu juga setiap langit dibandingkan dengan langit di atasnya, dan semua langit serta bumi dibandingkan dengan Kursi seperti cincin di padang pasir. Kursi berbanding Arasy juga demikian."

(Ruh al-Ma'ani, 11/53)

Al-Qari رحمه الله pula menegaskan perkara yang sama dalam Mirqah al-Mafatih (10/268), dan **Ibn Kathir رحمه الله** dalam al-Bidayah wa al-Nihayah (1/15) membawakan hadis Abu Zar رضي الله عنه bahawa Nabi ﷺ bersabda:

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ مَا السَّمَاوَاتُ السَّبْعُ وَالْأَرْضُونَ السَّبْعُ عِنْدَ الْكُرْسِيِّ إِلَّا كَحَلْقَةٍ مُلْقَاةٍ بِأَرْضٍ فَلَآءَ ،
وَإِنَّ فَضْلَ الْعَرْشِ عَلَى الْكُرْسِيِّ كَفَضْلِ الْفَلَآءِ عَلَى تِلْكَ الْحَلْقَةِ

"Demi Tuhan yang jiwaku di tangan-Nya, tidaklah tujuh langit dan tujuh bumi itu dibandingkan dengan Kursi melainkan seperti cincin di padang pasir. Dan kelebihan Arasy berbanding Kursi seperti padang pasir berbanding cincin tersebut."

Kita tidak perlu menafsirkan bentuk dan susunan langit mengikut sains moden yang sentiasa berubah. Cukuplah kita beriman bahawa langit itu tujuh lapis. Seperti kata **Sayyid Qutb** رحمه الله dalam Fi Zilal al-Qur'an, *"Iman menerima berita Allah sebagaimana ia datang, tanpa cuba menggambarkan apa yang ghaib."*

Perkataan طَبَقًا dikaitkan Allah dalam Surah al-Insyiqaq:

لَتَرْكَبُنَّ طَبَقًا عَنْ طَبَقٍ

"Sesungguhnya kamu pasti melalui tingkat demi tingkat (dalam kehidupan)."

(Surah al-Insyiqaq:19)

Ini menggambarkan **perjalanan** manusia dari **hidup, mati, dibangkitkan, hingga menuju akhirat**. Allah berfirman:

كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَكُنْتُمْ أَمْوَاتًا فَأَحْيَاكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٨﴾ هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ أَسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّاهُنَّ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

"Bagaimana kamu kufur kepada Allah, padahal kamu dahulu mati, lalu Dia menghidupkan kamu; kemudian Dia mematikan kamu, lalu menghidupkan kamu semula, kemudian kepada-Nya kamu dikembalikan. Dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian Dia menuju ke langit lalu menyempurnakan tujuh lapis langit; dan Dia Maha Mengetahui segala sesuatu."

(Surah al-Baqarah:28-29)

Nabi ﷺ juga bersabda tentang tujuh lapis langit:

« مَا السَّمَاءُ الدُّنْيَا فِي السَّمَاءِ الَّتِي فَوْقَهَا إِلَّا كَحَلْقَةٍ مُلْقَاةٍ فِي فَلَآءَ، وَفَضْلُ الْكُرْسِيِّ عَلَى السَّمَاءَاتِ « كَفَضْلِ تِلْكَ الْفَلَآءِ عَلَى تِلْكَ الْحَلْقَةِ »

"Langit dunia dibandingkan dengan langit di atasnya hanyalah seperti sebuah cincin yang dilemparkan di padang pasir. Dan kelebihan Kursi atas langit-langit itu seperti padang pasir atas cincin tersebut."

(Riwayat Ibn Hibban, al-Bayhaqi – sahih)



مَا تَرَى فِي خَلْقِ الرَّحْمَنِ مِنْ تَفَوُّتٍ

Kalimah *تَفَوُّتٍ* bermaksud **kekurangan, kepincangan, atau ketidaksesuaian**. Ayat ini menegaskan bahawa seluruh ciptaan Allah ﷻ adalah rapi, seimbang, melengkapinya tanpa kecacatan.

Penggunaan **nama الرَّحْمَنِ (Ar-Rahman)** menunjukkan bahawa alam semesta ini dijadikan atas sifat **pemurah dan kasih sayang** Allah ﷻ. Walaupun orang musyrik Mekah menolak nama ini ketika peristiwa Hudaibiyyah seperti yang disebut dalam Hadith:

Ketika menulis perjanjian damai antara kaum muslimin dan kaum musyrikin di Hudaibiyyah, datanglah Suhail bin 'Amr. Suhail yang berkata, "Marilah kita tulis perjanjian antara kami dan kalian."

Nabi ﷺ lalu memanggil juru tulis baginda. Nabi ﷺ bersabda,

اَكْتُبْ بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

"Tulislah bismillaahi ar-rahmaan ar-rahiim."

Suhail berkata, "Adapun nama Allah Ar-Rahmaan, maka demi Allah, aku tidak mengenal siapa dia." Mereka (orang-orang musyrik) berkata, "Kami tidaklah mengenal nama Ar-Rahman, kecuali Rahmaan Al-Yamaamah."

(Riwayat al-Bukhari no. 2731, 2732)

Lalu Allah ﷻ menegaskan dalam Surah Ar-Ra'd:

وَهُمْ يَكْفُرُونَ بِالرَّحْمٰنِ قُلْ هُوَ رَبِّيْ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَاِلَيْهِ مَتَابِ

"Dan mereka kafir kepada Tuhan Yang Maha Pemurah. Katakanlah: Dialah Tuhanku, tiada tuhan selain Dia; kepada-Nyalah aku bertawakal dan kepada-Nyalah tempat kembaliku."

(Surah Ar-Ra'd: 30)

Pada ayat lain, Allah menyuruh manusia merenung langit sebagai bukti kekuasaan dan rahmat Allah ﷻ walaupun hanya **Dia yang mengetahui rahsianya**.

اَفَلَمْ يَنْظُرُوْا اِلَى السَّمٰوٰتِ فَوْقَهُمْ كَيْفَ بَنَيْنَاهَا وَزَيَّنَّاهَا وَمَا لَهَا مِنْ فُرُوْجٍ

"Tidakkah mereka melihat ke langit di atas mereka, bagaimana Kami membinanya dan menghiasinya, dan tiada padanya sebarang celah kekurangan?"

(Surah Qaf: 6)

فَارْجِعِ الْبَصَرَ

Allah ﷻ memerintahkan kita untuk **meneliti kembali** langit dan ciptaan-Nya bukan sekadar melihat dengan mata, tetapi **memerhati dengan hati dan akal**, mencari tanda rahmat, kesempurnaan, dan keindahan sifat-Nya. Arahan “فَارْجِعِ” bermaksud melihat semula dengan sudut pandang baharu, lebih mendalam dan penuh kesedaran.

الْبَصَرَ di sini merangkumi **penglihatan fizikal dan renungan intelektual**. Setiap kali kita mengulang pandangan terhadap alam, kita akan **menemui keajaiban dan kekaguman baharu**. Pada ciptaan-Nya tergambar sifat-sifat Allah ﷻ **Kesempurnaan (Kamal), Keindahan (Jamal), dan Kemuliaan (Jalal)** yang membangkitkan rasa syukur, cinta, dan tunduk kepada-Nya. Allah berfirman:

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ بَدَأَ الْخَلْقَ ثُمَّ اللَّهُ يُنشِئُ النَّشْأَةَ الْآخِرَةَ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Katakanlah: “Berjalanlah di bumi, lalu perhatikanlah bagaimana Allah memulai penciptaan, kemudian Allah mengulanginya. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu.”

(Surah Al-'Ankabut: 20)

أَفَلَا يَنْظُرُونَ إِلَى الْإِبِلِ كَيْفَ خُلِقَتْ وَإِلَى السَّمَاءِ كَيْفَ رُفِعَتْ وَإِلَى الْجِبَالِ كَيْفَ نُصِبَتْ وَإِلَى الْأَرْضِ كَيْفَ سُطِحَتْ

“Maka apakah mereka tidak memperhatikan unta, bagaimana ia diciptakan; langit, bagaimana ia ditinggikan; gunung, bagaimana ia ditegakkan; dan bumi, bagaimana ia dihamparkan?”

(Surah Al-Ghashiyah: 17–20)

هَلْ تَرَىٰ مِنْ فُطُورٍ

Kalimah فُطُورٍ bermaksud **retak, terbelah, atau cacat**. Allah ﷻ menegaskan bahawa ciptaan-Nya bebas daripada sebarang kekurangan, berbeza dengan ciptaan manusia yang pasti memiliki kelemahan. Hadith Nabi ﷺ :

عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ

(Sesungguhnya Allah itu indah dan menyukai keindahan.)

(Riwayat Muslim, no. 91)

3.4 AYAT 4

ثُمَّ ارْجِعِ الْبَصَرَ كَرَّتَيْنِ يَنْقَلِبْ إِلَيْكَ الْبَصَرُ خَاسِئًا وَهُوَ حَسِيرٌ

“Kemudian ulangilah pandangan (mu) berkali-kali, nescaya pandanganmu itu akan balik kepadamu dengan hampa (daripada melihat sebarang kecacatan), sedang ia pula berkeadaan lemah lesu (kerana habis tenaga dengan sia-sia).”

(Surah al-Mulk: 4)

ثُمَّ ارْجِعِ الْبَصَرَ كَرَّتَيْنِ

Dalam ayat ini, Allah ﷻ mengarahkan manusia untuk terus mengamati ciptaan-Nya, bukan sekadar sekali pandang, tetapi **berkali-kali**.

Perkataan **ثُمَّ** dalam bahasa Arab bukan sahaja bermaksud “kemudian” secara masa yang dekat, tetapi **menunjukkan jarak waktu yang agak lama**. Ini memberi isyarat bahawa pemerhatian terhadap alam tidak terhad kepada satu masa sahaja, bahkan perlu dilakukan dari **semasa ke semasa** memerhati perubahan alam dari tahun ke tahun.

Kalimah **كَرَّتَيْنِ** secara literal bermaksud “dua kali”, namun penggunaannya dalam bahasa Arab klasik adalah ungkapan kiasan yang bermaksud **“berulang kali” atau “banyak kali”**. Maka perintah ini membawa maksud: **“Perhatikanlah alam ini berkali-kali sehingga kamu benar-benar yakin dan menyedari kesempurnaan ciptaan Allah.”**

يَنْقَلِبْ إِلَيْكَ الْبَصَرُ خَاسِئًا

Pandangan kita akan **kembali dalam keadaan hampa dan kecewa** kerana **tidak** menemui sebarang **kecacatan pada ciptaan Allah ﷻ** walaupun diteliti dengan bersungguh-sungguh.

Perkataan **خَاسِئًا** juga bermaksud **kehinaan, seperti perasaan hina yang dialami seseorang apabila menyedari kelemahan dirinya** di hadapan kebesaran Tuhan seperti firman-Nya:

قَالَ اخْسِئُوا فِيهَا وَلَا تُكَلِّمُونِ

“Allah berfirman: Tinggallah kamu di dalamnya (neraka) dengan penuh kehinaan, dan janganlah berbicara dengan-Ku.”

(Surah Al-Mu’minun: 108)



Kemudian Allah ﷻ menutup ayat ini dengan perkataan **وَهُوَ حَسِيرٌ**, iaitu dalam keadaan **penat dan lemah lesu**. Perkataan ini khusus digunakan untuk menggambarkan **kepenatan setelah memerhati atau meneliti sesuatu dalam jangka masa yang panjang**. Ini melambangkan bahawa walau berapa kali pun kita cuba mencari kelemahan ciptaan-Nya, kita hanya akan kembali dengan rasa kagum, rendah diri, dan letih kerana usaha tersebut sia-sia.

Dua (2) ayat ini mengajar kita bahawa tanda-tanda kebesaran Allah ﷻ di alam ini sudah cukup untuk membuktikan keagungan-Nya. Namun, kaum Musyrikin Mekah tetap meminta mukjizat lain yang luar biasa. Allah ﷻ sebut dalam Surah Al-Isra':

وَقَالُوا لَنْ نُؤْمِنَ لَكَ حَتَّى تَفْجُرَ لَنَا مِنَ الْأَرْضِ يَنْبُوعًا

"Dan mereka berkata: Kami sekali-kali tidak akan beriman kepadamu hingga engkau memancarkan mata air dari bumi untuk kami."

(Surah Al-Isra': 90)

Sedangkan di sekeliling mereka sudah ada banyak bukti kekuasaan Allah. Allah ﷻ mahu kita menggunakan mata, akal, dan hati untuk melihat tanda-tanda-Nya. Jika benar-benar mengenal Allah, kita akan mudah tunduk dan taat. Sebagaimana firman Allah ﷻ:

إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ

"Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hambanya hanyalah orang-orang yang berilmu."

(Surah Fatir: 28)

3.5 AYAT 5

وَلَقَدْ زَيَّنَّا السَّمَاءَ الدُّنْيَا بِمَصَابِيحَ وَجَعَلْنَاهَا رُجُومًا لِلشَّيْطَانِ وَأَعْتَدْنَا لَهُمْ عَذَابَ السَّعِيرِ

“Dan demi sesungguhnya! Kami telah menghiasi langit yang dekat (pada penglihatan penduduk bumi) dengan bintang-bintang, dan Kami jadikan bintang-bintang itu punca rejaman terhadap Syaitan-syaitan; dan Kami sediakan bagi mereka azab neraka yang menjulang-julang.”

(Surah Al-Mulk: 5)

وَلَقَدْ زَيَّنَّا السَّمَاءَ الدُّنْيَا بِمَصَابِيحَ

Allah ﷻ menyebut bahawa langit dunia (langit pertama) dihiasi dengan **bintang-bintang**, yang diibaratkan seperti **lampu-lampu**. Kalimah مَصَابِيح (lampu) dipilih untuk menggambarkan sifat bintang yang memancarkan cahaya, menerangi langit sebagaimana lampu menerangi rumah. Allah berfirman:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسَ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا

“Dialah yang menjadikan matahari bersinar terang (ḍiyā’) dan bulan bercahaya (nūr).”

(Surah Yunus: 5)

- ☀ Matahari → Cahaya asli (ḍiyā’).
- 🌙 Bulan → Cahaya pantulan (nūr).
- ★ Bintang → Cahaya asli (misbah / lampu).

Menariknya, semua bintang yang dapat dilihat dengan mata kasar atau teleskop termasuk galaksi Bima Sakti dan jutaan galaksi lain masih berada dalam **langit pertama**. Ini menunjukkan betapa luasnya ciptaan Allah ﷻ yang tidak mungkin dapat diterokai sepenuhnya oleh manusia.

Allah ﷻ juga menggunakan perkataan زَيَّنَّا (Kami menghiasi) untuk menunjukkan bahawa alam ini bukan sekadar ciptaan biasa, tetapi **dihiasi dengan penuh keindahan**. **Sebelum dihiasi**, Allah ﷻ terlebih dahulu menjadikannya **sempurna tanpa cacat**, seperti disebut dalam ayat sebelumnya.

وَجَعَلْنَاهَا رُجُومًا لِلشَّيْطَانِ

Salah satu fungsi bintang dalam Al-Qur'an ialah sebagai **rejaman kepada syaitan** yang cuba mencuri dengar percakapan para malaikat di langit. Hal ini dijelaskan dalam firman Allah ﷻ:

وَأَنَا لَمَسْنَا السَّمَاءَ فَوَجَدْنَاهَا مُلْتَأَتْ حَرَسًا شَدِيدًا وَشُهَبًا ۖ وَأَنَا كُنَّا نَقْعُدُ مِنْهَا مَقَاعِدَ لِلسَّمْعِ فَمَنْ يَسْتَمِعِ الْآنَ يَجِدْ لَهُ شُهَابًا رَصَدًا

“Dan sesungguhnya kami telah menyentuh langit, lalu kami mendapati ia penuh dengan pengawal yang sangat kuat kawalannya serta panah-panah api. Dan sesungguhnya kami dahulu biasa menduduki tempat-tempat di langit untuk mendengar, tetapi sekarang sesiapa yang cuba mendengar pasti akan mendapati panah api yang menunggu merejamnya.”

(Surah al-Jinn: 8-9)

Ayat ini diperkuatkan lagi dengan firman-Nya:

لَّا يَسْمَعُونَ إِلَى الْمَلَأِ الْأَعْلَى وَيُقَذَفُونَ مِن كُلِّ جَانِبٍ

“(Supaya) syaitan-syaitan itu tidak dapat mendengar perbicaraan para malaikat, dan mereka dilempari dari segala penjuru.”

(Surah al-Saffat: 8)

3.5.1 Hikmah Rejaman Syaitan

Para mufassir menjelaskan bahawa syaitan berusaha mencuri dengar perbualan malaikat tentang **urusan takdir atau berita wahyu**. Mereka kemudian mencampur-adukkan maklumat itu dengan pembohongan untuk **menyesatkan manusia**. Namun Allah ﷻ menjaga wahyu-Nya dengan menghalang syaitan daripada mendekati langit melalui rejaman api.

Peristiwa rejaman ini **berlaku di langit**, menunjukkan bahawa bukan sahaja urusan musuh di bumi berada dalam kawalan Allah ﷻ, bahkan makhluk ghaib di langit sekalipun tidak mampu melepaskan diri daripada pengawasan-Nya.

3.5.2 Bagaimana Rejaman Itu Berlaku?

Ulama berbeza pandangan:

- Ada yang berpendapat ia bukan bintang itu sendiri yang dilontarkan, tetapi **pecahan atau api dari bintang yang dijadikan panahan.**
- Ada pula yang memahami ia sebagai **fenomena kosmik, seperti sinar atau pancaran tenaga dari bintang.**

Sebahagian pakar sains Islam, seperti **Abdurrahman Syahab**, menolak teori bahawa meteor itulah rejaman syaitan, kerana meteor adalah batu angkasa yang pergerakannya agak perlahan. Beliau lebih cenderung menafsirkan rejaman itu sebagai **sinar kosmik berkelajuan tinggi** yang terpancar dari bintang-bintang.

3.5.3 Tujuan Utama Syaitan Mencuri Dengar.

1. **Menghalang kebaikan sampai kepada manusia** dengan cara memesongkan maklumat.
2. **Menyokong tukang sihir dan dukun** dengan sedikit kebenaran yang bercampur dengan banyak kebohongan.
3. **Menipu manusia** supaya percaya kepada mereka dan terjerumus dalam amalan syirik serta meninggalkan tawakal kepada Allah.

Rasulullah ﷺ menyebut tentang perkara ini di dalam satu hadith:

عَنِ الزُّهْرِيِّ، قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ جَالِسًا فِي نَفَرٍ مِنْ أَصْحَابِهِ، فَرُمِيَ بِنَجْمٍ فَاسْتَنَارَ، فَقَالَ ﷺ: «مَا كُنْتُمْ تَقُولُونَ إِذَا كَانَ مِثْلَ هَذَا فِي الْجَاهِلِيَّةِ؟»
قَالُوا: كُنَّا نَقُولُ يُولَدُ عَظِيمٌ أَوْ يَمُوتُ عَظِيمٌ.
فَقَالَ ﷺ: «إِنَّهَا لَا يَرْمِي بِهَا لَمُوتٍ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ، وَلَكِنْ إِذَا قَضَى اللَّهُ أَمْرًا سَبَّحَ حَمَلَةُ الْعَرْشِ، ثُمَّ سَبَّحَ أَهْلَ السَّمَاءِ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ، حَتَّى يَبْلُغَ التَّسْبِيحَ أَهْلَ السَّمَاءِ الدُّنْيَا، فَيَسْأَلُ أَهْلَ السَّمَاءِ الَّذِينَ يَلُونَ حَمَلَةَ الْعَرْشِ: مَاذَا قَالَ رَبُّكُمْ؟ فَيُخْبِرُونَهُمْ، ثُمَّ يُخْبِرُ أَهْلَ كُلِّ سَمَاءٍ مِنْ تَحْتِهِمْ، حَتَّى يَبْلُغَ الْخَبْرَ هَذِهِ السَّمَاءِ، فَتَخْطِفُ الْجِنُّ السَّمْعَ، فَيَقْذِفُونَ، فَمَا جَاءُوا بِهِ عَلَى وَجْهِهِ فَهُوَ حَقٌّ، وَلَكِنَّهُمْ يَحْرِفُونَهُ وَيَزِيدُونَ»

Pada suatu hari Rasulullah ﷺ duduk bersama para sahabat, lalu mereka melihat bintang meluncur di langit. Baginda bertanya: "Apakah yang kalian katakan ketika melihat fenomena ini pada zaman Jahiliyyah dahulu?"

Para sahabat menjawab: "Kami menyangka ia tanda kelahiran seorang tokoh besar atau kematian seorang besar."

Lalu Rasulullah ﷺ menjelaskan bahawa bintang itu bukanlah dilemparkan kerana lahir atau matinya seseorang, tetapi sebenarnya apabila Allah ﷻ menetapkan sesuatu perkara, para malaikat yang memikul 'Arasy bertasbih, kemudian diikuti malaikat langit yang di bawahnya, sehingga sampai ke langit dunia.

Apabila malaikat langit bertanya sesama mereka: "Apakah yang difirmankan Tuhanmu?", mereka pun menyampaikan berita itu sehinggalah khabar sampai ke langit dunia. Pada waktu itu, jin cuba mencuri dengar berita tersebut, lalu mereka dilempari dengan bintang yang menyala. Kadangkala mereka berjaya mencuri sedikit berita benar, tetapi mereka akan mencampurinya dengan penipuan sebelum disampaikan kepada tukang sihir atau dukun.

(Riwayat Muslim, no. 2229)

Fenomena ini turut diperjelaskan oleh Allah ﷻ dalam firman-Nya:

حَتَّىٰ إِذَا فُزِعَ عَنْ قُلُوبِهِمْ قَالُوا مَاذَا قَالَ رَبُّكُمْ قَالُوا الْحَقُّ وَهُوَ الْعَلِيُّ الْكَبِيرُ

"Sehingga apabila telah dihilangkan ketakutan dari hati mereka, mereka (para malaikat) berkata: 'Apakah yang difirmankan oleh Tuhanmu?' Mereka menjawab: '(Perkataan) yang benar.' Dan Dialah Yang Maha Tinggi lagi Maha Besar."

(Surah Saba' : 23)

Rasulullah ﷺ menjelaskan dalam hadis riwayat Abu Hurairah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ tentang bagaimana jin mencuri dengar berita dari langit.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: إِذَا قَضَى اللَّهُ الْأَمْرَ فِي السَّمَاءِ ضَرَبَتْ الْمَلَائِكَةُ بِأَجْنِحَتِهَا خَضَعَانًا لِقَوْلِهِ، كَأَنَّهُ سِلْسَلَةٌ عَلَى صَفْوَانٍ، فَإِذَا فُزِعَ عَنْ قُلُوبِهِمْ قَالُوا: مَاذَا قَالَ رَبُّكُمْ؟ قَالُوا لِلَّذِي قَالَ: الْحَقُّ، وَهُوَ الْعَلِيُّ الْكَبِيرُ، فَيَسْمَعُهَا مُسْتَرِقُ السَّمْعِ، وَمُسْتَرِقُ السَّمْعِ هَكَذَا بَعْضُهُ فَوْقَ بَعْضٍ - وَوَصَفَ سَفِيَانٌ بِكَفِّهِ فَحَرْفُهَا وَبَدَدٌ بَيْنَ أَصَابِعِهِ - فَيَسْمَعُ الْكَلِمَةَ، فَيَلْقِيهَا إِلَى مَنْ تَحْتَهُ، ثُمَّ يَلْقِيهَا الْآخِرُ إِلَى مَنْ تَحْتَهُ، حَتَّى يَلْقِيهَا عَلَى لِسَانِ السَّاحِرِ أَوْ الْكَاهِنِ، فَرِيْمَا أَدْرَكَهُ الشَّهَابُ قَبْلَ أَنْ يَلْقِيَهَا، وَرِيْمَا أَلْقَاهَا قَبْلَ أَنْ يَدْرِكَهُ، فَيَكْذِبُ مَعَهَا مِائَةَ كَذِبَةٍ، «فَيَقَالُ: أَلَيْسَ قَدْ قَالَ لَنَا يَوْمَ كَذَا وَكَذَا وَكَذَا؟ فَيُصَدِّقُ بِتِلْكَ الْكَلِمَةِ الَّتِي سَمِعَ مِنَ السَّمَاءِ».

"Apabila Allah ﷻ menetapkan suatu urusan di langit, para malaikat menundukkan sayap mereka kerana tunduk kepada firman-Nya. Suara itu terdengar seperti gemercingan rantai di atas batu yang licin.

Apabila rasa takut telah diangkat dari hati mereka, para malaikat saling bertanya:

'Apakah yang difirmankan oleh Tuhanmu?'

Mereka menjawab:

'Firman-Nya adalah kebenaran. Dia Maha Tinggi lagi Maha Besar.'

Pada ketika itu, jin-jin pencuri dengar cuba menyambar berita tersebut. Mereka berdiri bertindih-tindih, satu di atas yang lain."

(Sufyan رضي الله عنه menggambarkan dengan tangannya, merenggangkan jari-jemarinya).

"Syaitan yang paling atas mendengar sepatah kalimat, lalu menyampaikannya kepada yang di bawahnya. Kemudian disampaikan lagi kepada syaitan berikutnya, hingga akhirnya sampai kepada tukang sihir atau dukun.

Ada kalanya syaitan itu terkena lontaran api (syihab) sebelum sempat menyampaikannya. Ada kalanya pula dia berjaya menyampaikannya sebelum dilempar. Dengan satu kalimat benar itu, tukang sihir atau dukun mencampurnya dengan seratus kedustaan.

Lalu orang-orang berkata:

'Bukankah pada hari sekian si dukun telah memberitahu kita bahawa akan terjadi begini dan begini?'

Maka mereka mempercayainya hanya kerana satu kalimat benar yang didengarnya dari langit."

(Hadith Riwayat al-Bukhari, no. 4800)

3.5.4 Tujuan Penciptaan Bintang

Menurut **Qatadah** bintang dijadikan untuk tiga (3) tujuan utama:

1. Sebagai **hiasan** langit.
2. Sebagai **rejaman** untuk syaitan.
3. Sebagai **petunjuk arah bagi musafir**.

Allah ﷻ berfirman:

وَعَلَّمَتْهُمُ الْاِسْمَانَ وَالنَّجْمِ هُمْ يَهْتَدُونَ

"Dan (Dia ciptakan) tanda-tanda (penunjuk jalan). Dan dengan bintang-bintang itulah mereka mendapat petunjuk."

(An-Nahl: 16)

Qatadah menegaskan, selain tiga tujuan ini, tidak ada sebab lain penciptaan bintang. Maka, penggunaan **bintang untuk menilik nasib atau horoskop adalah perbuatan yang batil dan termasuk dalam syirik**.

وَأَعْتَدْنَا لَهُمْ عَذَابَ السَّعِيرِ

Ayat ini menegaskan bahawa azab neraka telah **disediakan khusus dan secukupnya** untuk golongan syaitan dan mereka yang bersifat seperti syaitan sama ada daripada kalangan jin atau manusia.

Perkataan **أَعْتَدْنَا** bermaksud **persediaan yang rapi dan mengikut bilangan**, menunjukkan setiap penghuni neraka akan menerima balasan yang setimpal.

Syaitan bukan hanya jin, tetapi juga manusia yang menyesatkan orang lain. Maka, sesiapa yang menolak kebenaran akan bersama mereka dalam neraka.

Bagi persoalan mengapa makhluk dari api disiksa dengan api, jawapannya mudah iaitu **Allah Maha Berkuasa menyediakan azab yang sesuai**. Api neraka disebut sebagai **السَّعِيرِ** iaitu api yang menyala **marak, tidak akan padam**, dan azabnya tidak sama dengan api dunia.

3.6 AYAT 6

وَالَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ عَذَابُ جَهَنَّمَ وَسَاءَ الْمَصِيرُ

Dan bagi orang-orang yang kufur ingkar terhadap Tuhan mereka, disediakan azab neraka Jahannam, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali.

(Surah Al-Mulk: 6)

وَالَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ

Selepas menyebut tentang syaitan, Allah ﷻ menghubungkan **kekufuran manusia dengan bisikan syaitan** yang menyesatkan. Maka orang kafir akan dikumpulkan bersama syaitan di neraka, sebagaimana firman-Nya:

لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنْكَ وَمِمَّن تَبَعَكَ مِنْهُمْ أَجْمَعِينَ

"Sesungguhnya Aku pasti akan memenuhi neraka Jahannam dengan engkau (syaitan) dan orang-orang yang mengikutimu, semuanya sekali."

(Surah Sad: 85)

Kufur (كفر) secara bahasa bermaksud menyorok sesuatu. Ia berlawanan dengan غفر (ghufrān) yang juga bermakna menutup, namun dalam konteks Allah menutup dosa hamba-Nya. **Kufur** pula bermakna **menyorok iman dan fitrah mengenal Allah ﷻ**, meskipun manusia telah mengenal-Nya sejak alam roh.

Dalam Surah al-Mulk, kekufuran ini khususnya berkaitan dengan salah faham terhadap *barakah* menyangka makhluk memiliki keberkatan sendiri, sedangkan *barakah* adalah milik Allah ﷻ semata-mata.

Pemilihan lafaz رَبِّهِمْ (**Rabb mereka**), bukan Allah, menunjukkan penekanan bahawa Dialah yang **mencipta, menjaga, dan memberi rezeki**. Maka, kufur terhadap Rabb yang telah banyak berjasa kepada manusia adalah satu bentuk kedurhakaan yang paling besar.

Azab bagi mereka yang kufur dan ingkar adalah **Jahannam**, tempat siksaan yang amat menggerunkan. Ramai tidak merasa takut kerana tidak mengenalinya, sedangkan ketidaktahuan tentang wahyu menjadikan hati berani berbuat dosa.

Perkataan **جَهَنَّمَ** dalam bahasa Arab membawa maksud **telaga yang dalam**. Orang Arab menyebut **بِئْرُ جَهَنَّمَ** أو **بِئْرُ جَهَنَّمَ**. Ia lambang kehinaan kerana ahli neraka dianggap seperti sampah yang dicampakkan ke dalamnya.

Ulama bahasa seperti **Ibn Khalawyh** dan **Ibn Manzur** menegaskan ia adalah istilah Arab yang telah lama digunakan, walaupun sebahagian berpandangan ia berasal dari bahasa asing.

Tentang kedalaman neraka, Rasulullah ﷺ bersabda yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah:

كُنَّا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذْ سَمِعَ وَجِبَةً فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَدْرُونَ مَا هَذَا قَالَ قُلْنَا اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَالَ هَذَا حَجَرٌ رَمِيَ بِهِ فِي النَّارِ مِنْذُ سَبْعِينَ خَرِيفًا فَهُوَ يَهْوِي فِي النَّارِ الْآنَ حَتَّى انْتَهَى إِلَى قَعْرِهَا

“ Kami pernah bersama Nabi ﷺ tiba-tiba beliau mendengar seperti suara benda jatuh ke dasar. Nabi ﷺ bertanya, ‘Tahukah kalian suara apa itu?’ Kami menjawab, ‘Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui.’ Bagida bersabda, ‘Ini adalah batu yang dilemparkan ke neraka sejak 70 tahun yang lalu dan sekarang baru mencapai dasarnya’ ”

(Sahih Muslim No. 2844)

Ayat ini memberi peringatan tegas bahawa neraka adalah tempat kembali yang paling buruk bagi orang-orang yang kufur dan ingkar. Bahkan *mufasssir* menyebut, neraka disebut lebih banyak daripada syurga kerana manusia lebih mudah tersentuh dengan ancaman berbanding janji.

- **Neraka** dengan pelbagai nama seperti **جَهَنَّمَ، السَّعِير، الحُطْمَة، سَقْر،** disebut kira-kira **126 kali** dalam al-Qur’an.
- **Syurga** dengan pelbagai nama seperti **الْجَنَّة، الْفِرْدَوْس، جَنَّاتُ النَّعِيم،** disebut kira-kira **66 kali**.

3.7 AYAT 7

إِذَا أُلْقُوا فِيهَا سَمِعُوا لَهَا شَهيقًا وَهِيَ تَفورُ

“Apabila mereka dicampakkan ke dalamnya, mereka mendengar suara jeritannya meraung-raung, sedang ia menggelegak.”

(Surah Al-Mulk: 7)

إِذَا أُلْقُوا فِيهَا

Perkataan أُلْقُوا bermaksud **dilemparkan dengan hina**. Ini menggambarkan bahawa ahli neraka dimasukkan bukan dengan mulia, tetapi dicampakkan seperti sesuatu yang tidak berguna lagi. Mereka tidak berdaya menolak atau melarikan diri.

سَمِعُوا لَهَا شَهيقًا

Mereka akan mendengar شَهيقًا (raungan/helaan nafas):

1. **Bunyi neraka itu sendiri** – neraka bernafas, meraung seperti binatang buas yang menunggu mangsanya.
2. **Bunyi ahli neraka** – jeritan dan raungan mereka akibat kesakitan azab.
3. **Disamakan dengan bunyi himar (keldai) yang hampir mati** – ia adalah suara paling buruk, penuh kesakitan dan keputusasaan.

Dalam firman Allah ﷻ yang lain:

فَأَمَّا الَّذِينَ شَقُوا فِي النَّارِ لَهُمْ فِيهَا زَفِيرٌ وَشَهيقٌ

“Adapun orang-orang yang celaka, maka tempatnya di dalam neraka; di dalamnya mereka mengeluarkan suara helaan dan raungan.”

(Surah Hud: 106)

وَهِيَ تَفورُ

Allah menambah lagi dengan firman-Nya *dan ia menggelegak*. Neraka digambarkan seperti **lautan api yang mendidih**, semakin membara apabila penghuni baru dilemparkan ke dalamnya. Semakin **ramai yang masuk, semakin panas dan dahsyat** lagi azabnya.

3.8 AYAT 8

تَكَادُ تَمَيِّزُ مِنَ الْغَيْظِ كُلَّمَا أُلْقِيَ فِيهَا فَوْجٌ سَأَلَهُمْ خَزَنَتُهَا أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَذِيرٌ

Hampir-hampir ia pecah berkecai-kecai kerana kuat marahnya. Tiap-tiap kali dicampakkan ke dalamnya sekumpulan besar (daripada orang kafir), bertanyalah penjaga-penjaga neraka itu kepada mereka: "Tidakkah kamu pernah didatangi seorang Rasul pemberi ingatan dan amaran (di dunia dahulu)?"

(Surah Al-Mulk: 8)

تَكَادُ تَمَيِّزُ مِنَ الْغَيْظِ

Ayat ini menggambarkan kemarahan neraka terhadap penghuni yang ingkar kepada Allah ﷻ. Perkataan تَمَيِّزُ bermaksud **hampir meletup** sehingga pecah-pecahannya bertaburan, manakala الْغَيْظِ bermaksud **kemarahan yang meluap-luap**, melebihi sekadar marah biasa.

Neraka marah kerana kedegilan manusia dan jin yang kufur. Bahkan neraka sendiri merasa sakit dengan kepanasannya, sebagaimana dalam hadis sahih:

اشتكت النار إلى ربها فقالت: يا رب أكل بعضي بعضا، فأذن لها بنفسين، نفس في الشتاء، ونفس في الصيف، فهو أشد ما تجدون من الحر وأشد ما تجدون من الزمهرير

"Neraka mengadu kepada Tuhannya: 'Wahai Rabbku, sebahagianku telah memakan sebahagian yang lain.' Maka Allah mengizinkannya dua hembusan: hembusan panas di musim panas dan hembusan dingin di musim dingin. Itulah panas paling terik yang kalian rasakan, dan dingin paling dahsyat yang kalian alami."

(Riwayat al-Bukhari & Muslim)

Jika neraka sendiri boleh merasa sakit, maka penderitaan ahli neraka jauh lebih dahsyat. Kemarahan neraka itu menjadi azab tambahan ke atas mereka, menunjukkan bahawa **penyiksaan bukan sahaja dengan api, tetapi juga dengan kemurkaan neraka** itu sendiri. Hal ini ditegaskan lagi dalam firman Allah ﷻ:

يَوْمَ نَقُولُ لِجَهَنَّمَ هَلِ امْتَلَأَتْ وَتَقُولُ هَلْ مِنْ مَّزِيدٍ

"(Ingatlah pada) hari ketika Kami bertanya kepada Jahannam: 'Apakah engkau sudah penuh?' Ia menjawab: 'Adakah masih ada tambahan?'"

(Surah Qaf: 30)



كُلَّمَا أُتِيَ فِيهَا فَوْجٌ

Perkataan فَوْجٌ bermaksud **satu kumpulan besar manusia**, seperti satu batalion tentera. Allah ﷻ menggambarkan bahawa ahli neraka akan dimasukkan berbondong-bondong tanpa mampu menghalang diri mereka, walau seramai dan sekuat mana pun mereka di dunia. Contohnya, pembesar Quraisy yang menyangka bilangan dan kedudukan mereka dapat menewaskan dakwah tauhid, akhirnya akan diheret ke neraka secara hina.

Hal ini ditegaskan dalam firman Allah ﷻ:

وَسِيقَ الَّذِينَ كَفَرُوا إِلَىٰ جَهَنَّمَ زُمَرًا

"Dan orang-orang kafir akan dihalau ke neraka Jahannam dengan berpasuk-pasukan..."

(Surah Az-Zumar: 71)

3.8.1 Bagaimana Mereka Dikelompokkan?

Para mufassir menyebut dua (2) pandangan utama:

1. Mengikut **kaum atau bangsa** – contohnya orang Arab bersama Arab, orang Melayu bersama Melayu.
2. Mengikut **jenis dosa** – contohnya pembunuh bersama pembunuh, penzina bersama penzina, dan seterusnya.

Kalimah فَوْجٌ disebut dalam bentuk **nakirah (umum)**, menunjukkan bahawa **tiada nama atau darjat khusus** bagi mereka. Apa sahaja kemuliaan, pangkat atau kuasa di dunia akan lenyap. Mereka yang dahulu berbangga dengan kedudukan sosial akan tetap dihimpunkan dalam kelompok ahli neraka, tanpa sebarang keistimewaan.

سَأَلَهُمْ خَزَنَتُهَا

Kalimah خَزَنَةٌ adalah *jamak* kepada خازن yang bermaksud **penjaga atau pengawal**. Dalam konteks ini, ia merujuk kepada **Malaikat Zabaniyah**, iaitu para malaikat yang ditugaskan menjaga neraka. Mereka tidak memiliki sifat rahmat atau belas kasihan, sebaliknya keras dan ganas, sebagaimana disebut dalam firman Allah ﷻ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ
اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ

“Wahai orang-orang beriman! Peliharalah dirimu dan keluargamu daripada api neraka yang bahan bakarnya manusia dan batu; dijaganya oleh malaikat-malaikat yang kasar lagi keras, yang tidak menderhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan kepada mereka, dan mereka tetap melakukan segala yang diperintahkan.”

(At-Tahrim: 6)

3.8.2 Nama dan Bilangan Malaikat Penjaga:

1. Malaikat Zabāniyah:

سَدَعُ الزَّبَانِيَةِ

“(Jika dia enggan taat), kelak Kami akan memanggil malaikat Zabāniyah.”

(Surah Al-‘Alaq: 18)

2. Jumlah mereka **19** malaikat:

عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشَرَ

“Di atasnya ada sembilan belas (malaikat penjaga).”

(Surah Al-Muddaththir: 30)

3. **Ketua** mereka bernama **Mālik**:

وَنَادُوا يَمْلِكُ لِيَقْضِ عَلَيْنَا رَبُّكَ قَالَ إِنَّكُمْ مَكِثُونَ

“Dan mereka berseru: ‘Wahai Mālik! Biarlah Tuhanmu mematikan kami (agar azab ini berakhir)!’ Mālik menjawab: ‘Sesungguhnya kamu tetap kekal (dalam azab itu).’”

(Surah Az-Zukhruf: 77)

3.8.3 Hikmah Pertanyaan Malaikat Neraka

Pertanyaan malaikat **bukanlah untuk mendapatkan jawapan, tetapi sebagai tambahan azab emosi**. Ahli neraka bukan sahaja disiksa dengan azab jasmani, malah ditimpa azab jiwa berupa **rasa hina, sesal dan cercaan**. Sindiran pedih ini menambahkan penderitaan batin, yang seringkali lebih berat dan berpanjangan berbanding azab fizikal. Contohnya, apabila murid dirotan, sakit fizikal hilang cepat, tetapi kata-kata hinaan kekal melukakan jiwa.



أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَذِيرٌ

Pertanyaan malaikat ini menunjukkan bahawa Allah ﷻ tidak akan mengazab seorang pun kecuali setelah sampai kepadanya hujah dan peringatan. Hal ini ditegaskan dalam firman-Nya:

وَمَا كُنَّا مُعَذِّبِينَ حَتَّى نَبْعَثَ رَسُولًا

“Dan Kami tidak akan mengazab sebelum Kami mengutus seorang rasul.”

(Surah Al-Isra': 15)

Kalimah نَذِيرٌ berbeza dengan مُنذِرٌ. Bezanya adalah:

- مُنذِرٌ = orang yang sedang beri peringatan.
- نَذِيرٌ = orang yang dengan kehadirannya sahaja sudah buat orang ingat Allah.

Semua orang boleh jadi *nadhir* dengan nasihat atau contoh baik. Jangan peduli jika orang merendahkan contohnya “Siapa kau nak nasihat aku?”

3.9 AYAT 9

قالوا بلى قد جاءنا نذير فكذبنا وقلنا ما نزل الله من شيء إن أنتم إلا في ضلالٍ كبيرٍ

Mereka menjawab: "Ada! Sebenarnya telah datang kepada kami seorang Rasul pemberi ingatan, lalu kami dustakan serta kami katakan (kepadanya): Allah tidak menurunkan sesuatu pun, kamu hanyalah berada dalam kesesatan yang besar!"

(Surah Al-Mulk: 9)

قالوا بلى قد جاءنا نذير

Imam al-Qurtubi menegaskan "Perkataan mereka (ahli neraka) 'بلى' adalah pengakuan yang lahir setelah tertutup semua alasan. Namun pengakuan ketika itu sudah tidak memberi manfaat lagi." (al-Jami' li Ahkam al-Qur'an, 18/205)

Bahkan terdapat Hadith sahih menguatkan makna ayat ini bahawa setiap manusia akan berbicara langsung dengan Allah, tanpa alasan boleh diberikan lagi:

قال رسول الله ﷺ: «مَا مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا سَيَكَلِمُهُ اللَّهُ، لَيْسَ بَيْنَهُ وَبَيْنَهُ تَرْجَمَانٌ، فَيَنْظُرُ أَيْمَنَ مِنْهُ فَلَا يَرَى إِلَّا مَا قَدَّمَ، وَيَنْظُرُ أَشْأَمَ مِنْهُ فَلَا يَرَى إِلَّا مَا قَدَّمَ، وَيَنْظُرُ بَيْنَ يَدَيْهِ فَلَا يَرَى إِلَّا النَّارَ تَلْقَاءَ وَجْهِهِ، فَاتَّقُوا النَّارَ وَلَوْ بِشِقِّ تَمْرَةٍ»

Rasulullah ﷺ bersabda: "Tidak ada seorang pun di antara kamu melainkan Allah akan berbicara dengannya, tanpa ada penerjemah antara dia dengan Allah.

Ia akan melihat ke sebelah kanannya, maka dia tidak melihat kecuali amal yang telah dikerjakannya.

Ia melihat ke sebelah kirinya, maka dia tidak melihat kecuali amal yang telah dikerjakannya.

Ia melihat ke hadapannya, maka tidak ada yang dilihatnya kecuali neraka yang berada di hadapannya.

Maka takutlah kamu kepada neraka, walaupun hanya dengan (bersedekah) separuh biji kurma."

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Perkataan نذير bermaksud pemberi peringatan. Ia boleh jadi seorang Nabi, guru, pendakwah, seorang yang menasihati, bahkan al-Qur'an itu sendiri. **Imam al-Tabari** menafsirkan bahawa نذير merangkumi **segala bentuk peringatan** yang sampai kepada manusia sama ada melalui Rasul, kitab atau orang yang mengingatkan kepada kebaikan.



Mereka juga tidak menjawab dengan **kalimah أَتَانَا (datang), tetapi جَاءَنَا yang lebih kuat.** Ini menunjukkan pendakwah yang datang benar-benar menyampaikan dengan jelas dan bersungguh-sungguh, bukan sambil lewa.

Ibn al-Qayyim rahimahullah menyebut: *"Hati manusia tidak akan hidup melainkan dengan dua perkara: berita gembira yang membuatnya rindu (kepada syurga), dan peringatan keras yang membuatnya takut (daripada neraka)."*

فَكَذَّبْنَا

Mereka bukan sekadar tidak menerima, tetapi **menolak dengan penuh penentangan.** Segala nasihat, wahyu Allah, bahkan hari kiamat, mereka dustakan. Allah berfirman tentang sikap kaum terdahulu:

فَكَذَّبُوهُ فَأَخَذَهُمُ الْعَذَابُ

"Lalu mereka mendustakannya, maka azab menimpa mereka."

(Surah al-Shu'ara': 139)

وَقُلْنَا مَا نَزَّلَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ

Mereka menuduh ajaran tauhid yang dibawa pendakwah hanyalah rekaan manusia. Kalimah **مِنْ شَيْءٍ** menegaskan mereka **menolak secara total**, walau sedikit pun. Firman Allah:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنَّ هَذَا إِلَّا إِفْكٌ افْتَرَاهُ

"Orang-orang kafir berkata: 'Al-Qur'an ini hanyalah kebohongan yang dia ada-adakan.'"

(Surah Saba': 43)

إِنَّ أَنْتُمْ إِلَّا فِي ضَلَالٍ كَبِيرٍ

Perkataan **أَنْتُمْ** menunjukkan **pendakwah yang datang itu ramai**, bukan seorang dua. Ada juga pendapat yang menyatakan frasa **إِنَّ أَنْتُمْ إِلَّا فِي ضَلَالٍ كَبِيرٍ** adalah **kata-kata malaikat penjaga neraka yang menghina mereka.** Mereka menuduh para pendakwah sesat, sedangkan ajaran yang dibawa adalah al-Qur'an dan Sunnah. Hakikatnya, yang **gemar menuduh orang lain sesat tanpa ilmu itulah golongan sesat.**

3.10 AYAT 10

وَقَالُوا لَوْ كُنَّا نَسْمَعُ أَوْ نَعْقِلُ مَا كُنَّا فِي أَصْحَابِ السَّعِيرِ

"Dan mereka berkata: "Kalaulah kami dahulu mendengar dan memahami (sebagai orang yang mencari kebenaran), tentulah kami tidak termasuk dalam kalangan ahli neraka".

(Surah Al-Mulk: 10)

وَقَالُوا لَوْ كُنَّا نَسْمَعُ

Ayat ini menggambarkan **penyesalan ahli neraka**. Mereka mengakui dan sesalan ini tidak lagi berguna, ia menjadi azab mental bagi mereka. Nikmat maksiat yang mereka kecapai dahulu hanyalah sekejap, tetapi balasan azabnya kekal lama. Allah ﷻ berfirman:

وَهُمْ يَصْطَرِّخُونَ فِيهَا رَبَّنَا أَخْرِجْنَا نَعْمَلْ صَالِحًا غَيْرَ الَّذِي كُنَّا نَعْمَلُ

"Dan mereka menjerit di dalam neraka: 'Wahai Tuhan kami, keluarkanlah kami, nescaya kami akan beramal soleh, bukan seperti yang dahulu kami amalkan.'"

(Surah Fathir: 37)

Dalam bahasa Arab, "سمع" bukan sekadar mendengar bunyi, tetapi bermaksud **mendengar, memahami, dan mengikut nasihat**. Contohnya bila kita kata "Kau tak dengar cakap aku", maksudnya bukan dia tak dengar, tetapi dia tak ikut.

Kalimah نَسْمَعُ di sini umum, tidak disebut objeknya. Maksudnya mereka tidak mendengar:

- Wahyu Allah ﷻ (al-Qur'an),
- Nasihat para Nabi dan pendakwah,
- Peringatan keluarga dan sahabat.

Yang paling penting untuk didengar ialah al-Qur'an. Dengar dengan **penuh perhatian, faham maksudnya, dan amalkan**. Akibatnya, ramai umat Islam hanya membaca dan menghafal al-Qur'an, tetapi tidak memahami tafsirnya.

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

"Dan apabila al-Qur'an dibacakan, maka dengarkanlah ia serta diamlah (untuk mendengar dengan tenang), agar kamu dirahmati."

(Surah al-A'raf: 204)



Rasulullah ﷺ bersabda:

عَنْ أَبِي مَالِكٍ الْأَشْعَرِيِّ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:
«وَالْقُرْآنُ حِجَّةٌ لَكَ أَوْ عَلَيْكَ»

"Al-Qur'an itu akan menjadi hujah bagimu (jika diamalkan), atau hujah atasmu (yang membantahmu jika diabaikan)."

(Riwayat Muslim, no. 223)

Ramai yang tidak mahu mendengar hujah al-Qur'an dan hadith akan **menjadikan hati mereka tertutup**. Di akhirat nanti, mereka akan menyesal kerana tidak mahu mendengar dengan ikhlas. Bahkan Allah berfirman :

وَمَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا كَمَثَلِ الَّذِي يَنْعِقُ بِمَا لَا يَسْمَعُ إِلَّا دُعَاءً وَنِدَاءً صُمُّ بُكْمٌ عُمْيٌ فَهُمْ لَا يَعْقِلُونَ

"Perbandingan orang kafir yang tidak beriman itu, samalah seperti binatang ternakan yang dipanggil, tidak mendengar selain suara dan jeritan. Mereka itu pekak, bisu, dan buta, maka mereka tidak berakal."

(Surah al-Baqarah:171)

Jangan jadi seperti orang munafik. Mereka berkata: "Kami dengar," padahal mereka tidak mendengar dengan hati.

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ قَالُوا سَمِعْنَا وَهُمْ لَا يَسْمَعُونَ

"Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang berkata: 'Kami mendengar,' padahal mereka tidak mendengar."

(Surah al-Anfal: 21)

إِنَّ شَرَّ الدَّوَابِّ عِنْدَ اللَّهِ الصُّمُّ الْبُكْمُ الَّذِينَ لَا يَعْقِلُونَ

"Sesungguhnya makhluk yang paling buruk di sisi Allah ialah mereka yang pekak, bisu dan tidak berakal."

(Surah al-Anfal: 22)

أَوْ نَعِقُ

Mereka menyesal kerana mereka lalai menggunakan anugerah akal yang Allah ﷻ berikan. Dari sudut bahasa, 'aqal bermaksud **menambat atau mengikat**. Begitu juga akal sepatutnya **menambat nafsu, supaya tidak dikuasai syahwat**. Malangnya ramai manusia menjadikan nafsu lebih berkuasa daripada akal.

Rasulullah ﷺ bersabda:

الْكَيْسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ، وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ، وَالْعَاجِزُ مَنْ أَتَبَعَ نَفْسَهُ هَوَاهَا، وَتَمَنَّى عَلَى اللَّهِ
«الْأَمَانِيُّ»

"Orang yang bijak ialah yang mengawal dirinya dan beramal untuk kehidupan selepas mati. Dan orang yang lemah ialah yang menurut hawa nafsunya, lalu hanya berangan-angan kepada Allah."

(Riwayat al-Tirmidzi, no. 2459 – hasan sahih)

Bijak sebenar ialah yang **menggunakan akal untuk tundukkan nafsu, bukan sebaliknya**. Akal yang sepatutnya digunakan untuk tadabbur al-Qur'an dan mencari kebenaran, menjadi sia-sia.

Disebabkan itu Allah berfirman:

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ أَمْ عَلَى قُلُوبٍ أَقْفَالُهَا

"Tidakkah mereka mentadabbur al-Qur'an? Atau hati mereka sudah terkunci?"

(Surah Muhammad: 24)

مَا كُنَّا فِي أَصْحَابِ السَّعِيرِ

Ayat ini menunjukkan penyesalan ahli neraka di dalam api dan frasa **مَا كُنَّا فِي أَصْحَابِ السَّعِيرِ** menunjukkan **mereka sudah berada dalam neraka ketika menyesal**. "As-Sa'ir" bermaksud **api yang menyala-nyala dan membakar tanpa henti**. Bayangkan, mereka mengaku salah sambil tubuh mereka sedang dibakar oleh api neraka. Firman Allah ﷻ dalam al-Qur'an:

كُلَّمَا خَبَتْ زِدْنَاهُمْ سَعِيرًا

"Setiap kali api itu hampir padam, Kami tambahkan lagi nyalaannya."

(Surah al-Isra': 97)

Ayat ini menekankan dua (2) kunci selamat iaitu **dengar (nasihat/wahyu) dan gunakan akal (fikir dan ikut)**. Mengabaikan kedua-duanya membawa ke neraka Sa'ir. Jadikan akal sebagai pengikat nafsu, bukan hamba kepada nafsu.

3.11 AYAT 11

فَاعْتَرَفُوا بِذَنبِهِمْ فَسُحْقًا لِأَصْحَابِ السَّعِيرِ

"Akhirnya mereka mengakui dosa-dosa mereka (sebagai orang-orang yang kufur ingkar), maka tetaplah jauhnya rahmat Allah daripada ahli neraka."

(Surah Al-Mulk: 11)

فَاعْتَرَفُوا بِذَنبِهِمْ

Di akhirat kelak, orang kafir dan pendosa akan **mengaku kesalahan mereka**, tetapi ketika itu sudah terlambat.

Menariknya, perkataan ذنب (dosa) digunakan dalam bentuk *mufrad* (tunggal) walaupun dosa mereka sangat banyak (kufur, syirik, enggan mendengar kebenaran, dan bermaksiat). Ulama tafsir menjelaskan bahawa dosa paling besar yang dimaksudkan ialah **tidak mahu mendengar dan menerima kebenaran**, kerana dari situlah terbuka jalan kepada semua dosa lain.

Dalam bahasa Arab, ذنب juga bermaksud **"ekor"**. Seperti ekor yang sentiasa mengikuti tuannya, dosa juga akan terus bersama pelakunya ke mana pun ia pergi. Ia **tidak pernah hilang, bahkan menjadi beban di akhirat melainkan dengan taubat**.

وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

"Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya."

(Surah An-Nur:31)

Rasulullah ﷺ bersabda:

«كُلُّ بَنِي آدَمَ خَطَّاءٌ، وَخَيْرُ الْخَطَّائِينَ التَّوَّابُونَ»

"Setiap anak Adam itu banyak melakukan kesalahan, dan sebaik-baik orang yang bersalah ialah mereka yang bertaubat."

(Riwayat at-Tirmidzi, no. 2499 – sahih)

فَسُحْقًا لِأَصْحَابِ السَّعِيرِ

Perkataan سُحْقًا adalah bentuk **laknat dan pengusiran**. Ia menggambarkan kehinaan yang ditimpakan kepada penghuni neraka. Mereka dihalau jauh daripada rahmat Allah ﷻ, tidak diberi peluang untuk merayu, bahkan cercaan ini datang daripada para malaikat penjaga neraka.

Perkataan ini juga digunakan dalam bahasa Arab ketika **menghalau sesuatu yang menjijikkan**. Begitulah ahli neraka, mereka akan diusir dengan penuh kehinaan dan tidak akan pernah mencium bau syurga.

Dalam al-Qur'an disebut **punca utama** mereka sebegini adalah:

أُولَئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الضَّلَالََةَ بِالْهُدَىٰ فَمَا رَبِحَت تِّجْرَتُهُمْ وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ

"Mereka itulah orang-orang yang membeli kesesatan dengan petunjuk, maka tidaklah bermanfaat bagi mereka perdagangan itu, dan mereka tidak mendapat petunjuk."

(Surah Al-Baqarah:16)

3.12 AYAT 12

إِنَّ الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِالْغَيْبِ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ كَبِيرٌ

"Sesungguhnya orang-orang yang takut Tuhannya semasa mereka tidak dilihat orang dan semasa mereka tidak melihat azab Tuhan, mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar."

(Surah Al-Mulk: 12)

إِنَّ الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِالْغَيْبِ

Takut (خشية) ialah rasa gentar yang lahir daripada **ilmu, iman dan kesedaran terhadap kebesaran Allah ﷻ**. Takut untuk melakukan dosa dan maksiat. Takut meninggalkan perintah Allah ﷻ. Takut dengan azab neraka, kecewa tidak mendapat syurga, atau malu apabila dosa-dosa didedahkan di hadapan manusia pada hari akhirat. Allah ﷻ menyatakan **takut kepada Allah adalah tanda keilmuan dan kefahaman agama yang sebenar.**

إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ

"Sesungguhnya yang benar-benar takut kepada Allah di antara hamba-hamba-Nya hanyalah ulama."

(Surah Fāṭir: 28)

Ayat sebelum ini menekankan peranan akal نَسْمَعُ أَوْ نَعْقِلُ (mendengar dan berfikir). **Akal** adalah untuk **mengawal dan menimbang**. Emosi **takut** pula adalah **pendorong untuk menjauhi maksiat**.

Jika takut tidak dikawal akal, ia boleh melampau (takut pada makhluk, benda khurafat). Sebaliknya, jika **akal tanpa rasa takut, manusia mudah sombong**. Maka, gabungan ilmu dan takut itulah kunci keselamatan.

3.12.1 Maksud "Bil-Ghaib" (بالغيب) adalah:

1. **Takut kepada Allah walaupun tidak nampak-Nya** – kerana Allah ﷻ itu ghaib daripada pandangan mata. Namun, kewujudan-Nya nyata melalui tanda-tanda ciptaan.
2. **Takut walaupun bersendirian** – orang beriman tidak berani melanggar larangan Allah ﷻ meskipun tiada siapa melihat.

Disebut dalam potongan hadith yang sahih:

وَرَجُلٌ دَعَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ فَقَالَ إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ

"Seorang lelaki yang diajak berzina oleh seorang wanita yang cantik dan berkedudukan, lalu dia berkata: Sesungguhnya aku takut kepada Allah."

(Riwayat al-Bukhārī no. 660, Muslim no. 1031)

Contoh paling jelas ialah **kisah Nabi Yusuf**, yang menolak ajakan Zulaikha kerana kesedaran bahawa Allah ﷻ Maha Melihat:

قَالَ مَعَاذَ اللَّهِ إِنَّهُ رَبِّي أَحْسَنَ مَثْوَايَ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الظَّالِمُونَ

"Aku berlindung kepada Allah, sesungguhnya tuanku telah melayan aku dengan baik. Sesungguhnya orang-orang zalim tidak akan berjaya."

(Surah Yusuf: 23)

Orang yang benar-benar takut kepada Allah ﷻ akan beramal dengan ikhlas, tanpa mengharap pujian manusia:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: سَبْعَةٌ يَظْلَهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ: إِمَامٌ عَادِلٌ، وَشَابٌ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ اللَّهِ، وَرَجُلٌ مَعَلَّقٌ بِالمَسَاجِدِ، وَرَجُلَانِ تَحَابَّا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ دَعَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ فَقَالَ: إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ بِصَدَقَةٍ فَأَخْفَاهَا حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِمَالَهُ مَا تَنَفَّقَ يَمِينَهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ.

"Tujuh golongan yang akan mendapat naungan Allah pada hari tiada naungan kecuali naungan-Nya ialah: Imam (pemimpin) yang adil. Pemuda yang tumbuh dalam beribadah kepada Allah. Lelaki yang hatinya terpaut dengan masjid. Dua lelaki yang saling mengasihi kerana Allah, berkumpul dan berpisah kerana-Nya. **Lelaki yang diajak oleh seorang wanita yang cantik lagi berkedudukan, lalu ia berkata: 'Sesungguhnya aku takut kepada Allah'. Lelaki yang bersedekah dengan sembunyi hingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang diberi oleh tangan kanannya. Lelaki yang berzikir mengingati Allah ketika bersendirian, lalu berlinanglah air matanya."**

(Riwayat. al-Bukhārī, no. 1423; Muslim, no. 1031)

- Lelaki yang menolak zina kerana takut Allah.
- Orang yang bersedekah secara sembunyi.
- Orang yang berzikir sendirian hingga berlinangan air mata.

لَهُمْ مَغْفِرَةٌ

Perkataan مَغْفِرَةٌ dalam bahasa Arab memberi maksud **pengampunan total**. Ia bukan sekadar pengampunan biasa, tetapi penghapusan dosa secara menyeluruh, walau sebanyak mana sekalipun dosa yang dilakukan, asalkan disertai dengan taubat yang benar.

3.12.2 Mengapa Allah menyebut 'keampunan' dahulu?

- **Kerana kaitan dengan ayat sebelumnya.** Ayat-ayat sebelumnya menggambarkan ancaman neraka. Untuk selamat daripadanya, dosa perlu diampunkan. Jika tidak, seseorang akan dihukum dahulu sebelum masuk syurga.
- **Kerana keampunan lebih utama daripada ganjaran.** Seperti baju kotor yang mesti dibasuh dahulu sebelum diseterika, dosa juga perlu dihapuskan dahulu sebelum menerima pahala.

Rasulullah ﷺ bersabda:

التَّائِبُ مِنَ الذَّنْبِ كَمَنْ لَا ذَنْبَ لَهُ

"Orang yang bertaubat daripada dosa seperti orang yang tidak berdosa sama sekali."

(Riwayat Ibn Mājah, no. 4250 – hasan)

وَأَجْرٌ كَبِيرٌ

Yang dimaksudkan dengan pahala yang besar ialah **Syurga**, kerana tiada ganjaran yang lebih agung daripada syurga. Allah ﷻ berfirman:

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ كَانَتْ لَهُمْ جَنَّاتُ الْفِرْدَوْسِ نُزُلًا

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, bagi mereka syurga Firdaus sebagai tempat tinggal."

(Surah al-Kahf: 107)

Rasulullah ﷺ bersabda:

قَالَ اللَّهُ: أَعَدَدْتُ لِعِبَادِي الصَّالِحِينَ مَا لَا عَيْنٌ رَأَتْ، وَلَا أذنٌ سَمِعَتْ، وَلَا خَطَرَ عَلَى قَلْبِ بَشَرٍ

Allah berfirman: Aku telah sediakan untuk hamba-hamba-Ku yang soleh (di syurga) apa yang tidak pernah dilihat oleh mata, tidak pernah didengar oleh telinga, dan tidak pernah terlintas dalam hati manusia.

(Riwayat al-Bukhārī, no. 3244; Muslim, no. 2824)



3.13 AYAT 13

وَأَسْرُوا قَوْلَكُمْ أَوِ اجْهَرُوا بِهِ إِنَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ

“Dan tuturkanlah perkataan kamu dengan perlahan atau dengan nyaring, (sama sahaja keadaannya kepada Allah), kerana sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan segala (isi hati) yang terkandung di dalam dada.”

(Surah Al-Mulk: 13)

وَأَسْرُوا قَوْلَكُمْ

Kalimah **سِرٌّ** bererti **berbisik atau bercakap perlahan**. Allah ﷻ mencabar manusia untuk berkata-kata secara rahsia, kerana walaupun dibisikkan, Dia tetap mengetahuinya.

Walaupun ayat ini dalam bentuk perintah (*fi'il amr*), maksud sebenarnya ialah **khobar**, iaitu Allah ﷻ memberitahu ilmu-Nya yang meliputi segala sesuatu.

أَوِ اجْهَرُوا بِهِ

Perkataan **جهر** bermaksud **menyuarakan dengan kuat**. Sama ada sesuatu perkataan diucapkan secara berbisik atau dengan lantang, bagi Allah ﷻ kedua-duanya sama sahaja kerana Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui.

إِنَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ

Allah ﷻ mengetahui segala **lintasan hati, sama ada niat, bisikan, ataupun rahsia** yang belum diucapkan. Bahkan, sebelum lidah menuturkan sesuatu, Allah ﷻ sudah mengetahui isi hati hamba-Nya. Firman Allah ﷻ dalam surah lain menegaskan:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ وَنَعْلَمُ مَا تُوَسْوِسُ بِهِ نَفْسُهُ

“Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dan Kami mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya.”

(Surah Qaf: 16)

Demikian itu ikhlas dalam amal ibadah sangat penting disebabkan Allah mengetahui apa yang ada dalam isi hati dan apa yang kita niatkan. Jikalau tidak, ia akan menjadi sia-sia. Seperti firman Allah ﷻ:

وَقَدِمْنَا إِلَىٰ مَا عَمِلُوا مِنْ عَمَلٍ فَجَعَلْنَاهُ هَبَاءً مَّنْثُورًا

“Dan Kami hadapi segala amal yang mereka kerjakan, lalu Kami jadikan amal itu bagaikan debu yang berterbangan.”

(Surah Al-Furqan: 23)

Hadith Nabi ﷺ:

«إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَّا نَوَىٰ»

“Sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat, dan sesungguhnya setiap orang akan mendapat apa yang diniatkannya.”

(Riwayat al-Bukhari & Muslim)

Ayat ini juga mengajar bahawa doa dan zikir tidak perlu dilakukan dengan suara yang kuat. Allah ﷻ Maha Mendengar walaupun doa itu hanya dalam lintasan hati. Firman Allah ﷻ:

ادْعُوا رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً

“Berdoalah kepada Tuhanmu dengan rendah hati dan dengan suara yang lembut.”

(Surah al-A'raf: 55)

3.14 AYAT 14

أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ

"Tidakkah Allah yang menciptakan sekalian makhluk itu mengetahui (segala-galanya)? Sedang Dia Maha Halus urusan Pentadbiran-Nya, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya!"

(Surah Al-Mulk: 14)

أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ

Ayat ini berbentuk **soalan retorik** untuk mengajak manusia berfikir. Logiknya, pencipta tentu paling mengetahui ciptaannya. Jika manusia yang mencipta telefon tahu luar-dalam fungsinya, maka Allah ﷻ yang menciptakan manusia tentu lebih mengetahui setiap aspek diri kita (zahir dan batin). Firman Allah ﷻ: Firman Allah:

يَعْلَمُ السِّرَّ وَأَخْفَى

"Dia mengetahui rahsia dan yang lebih tersembunyi daripada itu."

(Surah Taha: 7)

وَهُوَ اللَّطِيفُ

Sifat Al-Latīf bermaksud **Allah Maha Halus** dalam urusan-Nya, Maha **Mengetahui perkara yang kecil-kecil**, yang tidak dapat dilihat mata kasar. Allah ﷻ mengatur perjalanan hidup hamba dengan penuh hikmah yang kadangkala tersembunyi.

Perjalanan hidup yang penuh ujian adalah sebahagian daripada perancangan-Nya yang halus. Kisah Nabi Yusuf عليه السلام menjadi contoh bahawa sabar membawa kepada kesudahan yang baik.

إِنَّ رَبِّي لَطِيفٌ لِّمَا يَشَاءُ إِنَّهُ هُوَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ

"Sesungguhnya Tuhanku Maha Lembut terhadap apa yang Dia kehendaki. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana."

(Surah Yusuf: 100)

Sifat Al-Khabīr bermaksud Allah bukan sekadar mengetahui, bahkan amat **memahami dengan mendalam segala sesuatu**. Berbeza dengan manusia yang kadangkala tahu tetapi tidak faham, Allah ﷻ mengetahui dan memahami setiap rahsia makhluk-Nya. Firman Allah ﷻ:

إِنَّ اللَّهَ كَانَ خَبِيرًا بَصِيرًا

"Sesungguhnya Allah itu Maha Mengetahui lagi Maha Melihat."

(Surah An-Nisa': 1)

Amalan baik tidak akan sia-sia. Manusia mungkin tidak menghargai kebaikan kita, tetapi Allah ﷻ pasti mengetahuinya dan membalas dengan lebih baik. Dalam satu (1) hadith qudsi menyatakan:

عَنْ أَبِي ذَرٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ فِيمَا يَرُوي عَنْ رَبِّهِ عَزَّ وَجَلَّ أَنَّهُ قَالَ: إِنَّ اللَّهَ لَا يَظْلِمُ مُؤْمِنًا حَسَنَةً، يُعْطِي بِهَا فِي الدُّنْيَا وَيَجْزِي بِهَا فِي الْآخِرَةِ، وَأَمَّا الْكَافِرُ فَيُطْعَمُ بِحَسَنَاتٍ مَا عَمِلَ بِهَا لِلَّهِ فِي الدُّنْيَا، حَتَّى إِذَا أَفْضَى إِلَى الْآخِرَةِ لَمْ تَكُنْ لَهُ حَسَنَةٌ يَجْزِي بِهَا.

"Sesungguhnya Allah tidak menzalimi seorang mukmin walau dengan satu kebaikan. Dia diberi balasan di dunia dan juga pahala di akhirat.

Adapun orang kafir diberi rezeki di dunia dengan sebab amal baik yang dilakukannya kerana Allah, sehingga apabila sampai ke akhirat, tidak ada lagi kebaikan baginya yang dapat diberi balasan."

(Riwayat Muslim, no. 2587)

Ayat ini mengingatkan bahawa Allah ﷻ Maha Mengetahui kerana Dialah Pencipta, serta mengatur dengan kelembutan dan kefahaman yang mendalam.

- Bagi orang yang **lalai**, ia adalah **peringatan** bahawa setiap amal dan lintasan hati akan dipertanggungjawabkan.
- Bagi orang **beriman**, ia adalah **janji** bahawa setiap kebaikan sekecil apa pun akan dihargai dan dibalas oleh Allah ﷻ.

Seterusnya menanamkan rasa **muraqabah** (kesedaran bahawa kita sentiasa dalam pengawasan Allah) sekali gus memupuk keikhlasan, kesabaran, dan keyakinan penuh kepada perancangan-Nya.

3.15 AYAT 15

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذَلُولًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِنْ رِزْقِهِ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ

"Dia lah yang menjadikan bumi bagi kamu mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah daripada rezeki-Nya; dan kepada Allah jualah dibangkitkan hidup semula."

(Surah Al-Mulk: 15)

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذَلُولًا

Allah ﷻ menyebut bumi sebagai ذَلُولًا iaitu **"mudah diuruskan"** atau **"ditundukkan"** untuk manusia. Bumi **tidak terlalu keras** (seperti batu semata-mata), dan **tidak pula terlalu lembut** (seperti lumpur paya). Ia sesuai untuk berjalan, bermusafir, bercucuk tanam, membina rumah dan bangunan, serta menjalani kehidupan dengan selesa. Firman Allah ﷻ:

اللَّهُ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ قَرَارًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً

"Allah yang menjadikan bumi bagi kamu sebagai tempat menetap, dan langit sebagai atap."

(Surah Ghafir: 64)

Bayangkan jika bumi seluruhnya:

- berpayau → manusia hanya boleh bergerak dengan perahu.
- berbukit bukau sahaja → amat sukar didiami.
- berbatu keras sepenuhnya → mustahil bercucuk tanam dan tidak tahan perubahan suhu.

Sebaliknya, Allah ﷻ menjadikannya sederhana, lembut untuk tanaman dan cukup kukuh untuk didirikan binaan. Firman Allah ﷻ:

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ بِسَاطًا () لَتَسْلُكُوا مِنْهَا سُبُلًا فِجَاجًا

"Dan Allah menjadikan bumi untuk kamu sebagai hamparan, supaya kamu dapat melalui padanya jalan-jalan yang luas."

(Surah Nuh: 19-20)

Selain itu, bumi juga bukan sekadar tempat tinggal, bahkan juga **nikmat untuk ibadah**. Ia boleh menjadi **masjid (tempat solat)** dan juga sumber **bersuci (tanah untuk tayammum)**. Rasulullah ﷺ bersabda:

«جُعِلَتْ لِي الْأَرْضُ مَسْجِدًا وَطَهُورًا»

"Dijadikan bagiku bumi ini sebagai masjid dan sebagai alat bersuci."

(Riwayat al-Bukhari & Muslim)

Bumi ini sebagai amanah kepada kita. Nikmat keselesaan bumi sepatutnya menjadikan manusia bersyukur dan tidak merosakkannya dengan kezaliman atau kerosakan. Firman Allah:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا

"Dan janganlah kamu melakukan kerosakan di bumi setelah ia diperbaiki."

(Surah al-A'raf: 56)

فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا

Allah ﷻ setelah menjadikan bumi ini mudah dilalui, menyeru manusia untuk **berjalan, bermusafir, dan menerokainya**. Segala yang ada di bumi ini disediakan sebagai sumber rezeki dan tanda kekuasaan-Nya. Oleh itu, manusia diperintahkan berusaha, **bukan bermalas-malas atau sekadar menunggu pemberian orang lain**.

Perkataan مَنَاكِبٍ secara bahasa bermaksud "**bahu**". Ulama tafsir seperti **Ibn 'Abbas, Mujahid, Qatadah, dan As-Suddi** menjelaskan ia membawa maksud:

- **Tepi bumi atau daerah-daerahnya** – termasuk kawasan pedalaman dan jauh.
- **Gunung-ganang** – kerana bentuknya menonjol seperti bahu.
- **Bahu binatang tunggangan** – kiasan bahawa sebagaimana Allah ﷻ menundukkan bumi, begitu juga Dia menundukkan haiwan tunggangan untuk dimanfaatkan manusia.

3.15.1 Perbezaan Gaya "Berjalan" dalam al-Qur'an

Al-Qur'an menggunakan beberapa istilah berbeza berkaitan berjalan, dengan konotasi yang khusus:

- **إِمْشُوا** (berjalan dengan tenang) – berkaitan kehidupan dunia.

فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا

"Maka berjalanlah kamu di setiap pelusuk bumi itu"

(Surah al-Mulk: 15)

- فَسِيرُوا (berjalan sambil merenung) – untuk mengambil pengajaran, seperti firman Allah ﷻ:

فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ

“Maka berjalanlah kamu di muka bumi dan perhatikanlah bagaimana kesudahan orang-orang yang mendustakan (rasul).”

(Surah an-Nahl: 36)

- وَسَارِعُوا (bergegas) – untuk beramal soleh dan mengejar syurga.

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ

“Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan daripada Tuhanmu, dan (mendapat) syurga yang luasnya seluas langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa.”

(Surah Ali ‘Imran: 133)

- فَفِرُّوا إِلَى اللَّهِ (lari segera) – kembali taat kepada Allah.

فَفِرُّوا إِلَى اللَّهِ إِنِّي لَكُم مِّنْهُ نَذِيرٌ مُّبِينٌ

“Maka larilah kamu kepada (mentaati) Allah; sesungguhnya aku bagi kamu dari-Nya adalah seorang pemberi peringatan yang nyata.”

(Surah az-Zariyat: 50)

- فَاسْعَوْا (bersegera) – menghadiri solat Jumaat

فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ

“maka segeralah kamu kepada mengingati Allah dan tinggalkanlah jual beli. Yang demikian itu lebih baik bagimu jika kamu mengetahui.”

(Surah al-Jumu‘ah: 9)

- فَاسْتَبِقُوا / سَابِقُوا (berlumba-lumba) – untuk melakukan kebaikan.

سَابِقُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ

“berlumba menuju keampunan”

(Surah al-Hadid: 21)

فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ

“Maka berlumba-lumbalah kamu dalam mengerjakan kebaikan.”

(Surah al-Baqarah: 148, Surah al-Ma‘idah: 48)

- **فانتشروا** (bertebaran) – mencari rezeki setelah solat Jumaat.

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ
 “Maka apabila telah selesai solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi dan carilah kurnia Allah, serta ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu berjaya.”
 (Surah al-Jumu'ah: 10)

Dapat dilihat, apabila berkaitan **akhirat**, Allah ﷻ perintahkan kita **bergegas**, tetapi berkaitan **rezeki dunia**, Allah ﷻ hanya suruh kita **berjalan dengan tenang**, kerana rezeki sudah dijamin oleh-Nya.

Allah ﷻ telah menetapkan rezeki setiap hamba. Oleh itu, dalam hal dunia, kita diperintahkan berusaha dengan penuh keyakinan kepada janji Allah. Nabi ﷺ bersabda:

عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ إِنَّهُ سَمِعَ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: لَوْ أَنَّكُمْ تَتَوَكَّلُونَ عَلَى اللَّهِ حَقَّ تَوَكُّلِهِ، لَرَزَقَكُمْ كَمَا يَرْزُقُ الطَّيْرَ، تَغْدُو خِمَاصًا وَتَرُوحُ بِطَانًا

“Jika kalian bertawakal kepada Allah dengan sebenar-benar tawakal, nescaya Allah akan memberi rezeki kepada kalian sebagaimana Dia memberi rezeki kepada burung; pergi di pagi hari dalam keadaan lapar, lalu kembali petang dalam keadaan kenyang.”

(Riwayat Sunan Ibn Majah, no. 200)

Ayat lain juga mengingatkan kita supaya yakin dengan kurniaan Allah:

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا • وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

“Barang siapa bertakwa kepada Allah, nescaya Dia akan menjadikan baginya jalan keluar, dan memberinya rezeki dari arah yang tidak disangka-sangka.”

(Surah at-Talaq: 2-3)

وَكُلُوا مِنْ رِزْقِهِ

Allah ﷻ memerintahkan hamba-Nya untuk berusaha mencari rezeki di muka bumi dan memanfaatkan nikmat yang Dia sediakan.

Kalimah **كُلُوا** (makanlah) bukan sekadar makan makanan, tetapi mencakupi **segala bentuk rezeki sama ada harta, kesihatan, masa, atau ketenangan**.

Bahkan Allah menyuruh semua manusia mencari rezeki daripada sumber yang halal:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطَوَاتِ الشَّيْطَانِ

"Wahai manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut langkah-langkah syaitan."

(Surah al-Baqarah: 168)

Saidina Umar رضي الله عنه pernah menegur ahli ibadah yang hanya duduk di masjid menunggu pemberian orang tanpa berusaha, lalu berkata:

"Janganlah seorang dari kamu duduk sahaja, tidak berusaha mencari rezeki, lalu berdoa: Ya Allah, berilah aku rezeki! Bukankah kamu tahu bahawa langit tidak menurunkan hujan emas dan perak?"

(Riwayat al-Khatib al-Baghdadi dalam Tarikh Baghdad)

Hadith Rasulullah ﷺ:

سُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: أَيُّ الْكَسْبِ أَطْيَبُ؟
قَالَ: عَمَلُ الرَّجُلِ بِيَدِهِ، وَكُلُّ بَيْعٍ مَبْرُورٍ

"Rasulullah ﷺ pernah ditanya: Apakah pekerjaan yang paling baik? Baginda menjawab: Pekerjaan seseorang dengan tangannya sendiri dan setiap jual beli yang mabrur (jujur dan halal)."

(Riwayat al-Bazzār dan Ahmad – sahih)

Demikian itu, kita **dilarang mengharamkan rezeki telah dihalalkan oleh Allah ﷻ**, maka jangan diharamkan tanpa *dalil* (bukti). Amalan pantang larang tanpa ilmu yang diwarisi dari orang tua atau adat semata-mata adalah tercela.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَحْرِمُوا طَيِّبَاتِ مَا أَحَلَّ اللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik yang telah Allah halalkan bagi kamu, dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas."

(Surah al-Mā'idah: 87)

Ulama *fiqh* juga menyebut satu (1) kaedah:

الأصلُ في الأشياءِ الإباحةُ حتى يدلَّ الدليلُ على التحريمِ

"Hukum asal bagi sesuatu perkara adalah harus (halal), sehingga ada dalil yang menunjukkan kepada pengharamannya."



Semua nikmat dunia akan ditanya di akhirat, sama ada digunakan untuk taat atau maksiat. Firman Allah ﷻ:

ثُمَّ لَتَسْأَلُنَّ يَوْمَئِذٍ عَنِ النَّعِيمِ

"Kemudian kamu pasti akan ditanyai pada hari itu tentang segala nikmat"

(Surah at-Takāthur: 8)

Terdapat juga Hadith sahih tentang Rasulullah ﷺ bersama Abu Bakar dan Umar ketika lapar lalu dijamu oleh seorang Ansar (Abu Haitsam). Setelah mereka makan, Rasulullah ﷺ bersabda:

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَتَسْأَلَنَّ عَنْ هَذَا النَّعِيمِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُيُوتِكُمُ الْجُوعُ، ثُمَّ لَمْ تَرْجِعُوا حَتَّى أَصَابَكُمْ هَذَا النَّعِيمُ

"Demi Allah yang jiwaku di tangan-Nya, kamu pasti akan ditanya pada hari kiamat tentang nikmat ini. Kamu keluar dari rumah kerana lapar, lalu kamu tidak pulang hingga Allah beri nikmat ini kepada kamu."

(Sahih Muslim, no. 3799)

وَالِيهِ النُّشُورُ

Setelah perintah mencari rezeki, Allah ﷻ mengingatkan bahawa akhirnya semua **manusia akan dikembalikan** kepada-Nya.

فَإِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

"Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, lalu Dia akan memberitahu kamu apa yang kamu lakukan."

(Surah al-Mā'idah: 105)

Imam Ibn Kathir dalam tafsirnya berkata "Ayat ini peringatan bahawa walau manusia mencari rezeki dan menikmati nikmat di dunia, akhirnya mereka akan kembali kepada Allah untuk dihisab tentang cara mereka memanfaatkannya." Rasulullah ﷺ berkata:

لَا تَزُولُ قَدَمَا عَبْدٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يُسْأَلَ عَنْ خَمْسٍ: عَنْ عُمُرِهِ فِيمَا أَفْنَاهُ، وَعَنْ شَبَابِهِ فِيمَا أَبْلَاهُ، وَمَالِهِ مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ وَفِيمَا أَنْفَقَهُ، وَعَنْ مَاذَا عَمِلَ فِيمَا عِلِمَ

"Tidak akan berganjak kaki seorang hamba pada hari kiamat sehingga dia ditanya tentang lima perkara iaitu 1. tentang umurnya bagaimana ia dihabiskan, 2. tentang masa mudanya bagaimana ia digunakan, 3. tentang hartanya dari mana ia diperoleh, 4. tentang hartanya ke mana ia dibelanjakan, 5. tentang ilmunya apakah yang diamalkan dengan ilmunya."

(Riwayat al-Tirmidzi, no. 2417 - hasan sahih)



3.16 AYAT 16

ءَأَمِنْتُمْ مِّنْ فِي السَّمَاءِ أَن يَخْسِفَ بِكُمْ الْأَرْضَ فَإِذَا هِيَ تَمُورُ

“Adakah kamu merasa aman (tidak takut) kepada Dia yang berada di langit itu: yang boleh menyebabkan bumi menimbus kamu, lalu bergegarlah bumi itu dengan serta-merta?”

(Surah al-Mulk: 16)

ءَأَمِنْتُمْ

Ayat ini membawa maksud sindiran dan peringatan keras. Allah ﷻ **menegur** mereka yang merasa selesa, aman dan tidak takut walaupun melakukan dosa. Padahal, segala **keamanan dan keselesaan yang kita rasakan hanyalah kerana jaminan Allah ﷻ** semata-mata.

Jika Allah ﷻ berkehendak, sekelip mata bumi ini boleh digoncangkan, seperti yang pernah terjadi kepada kaum-kaum terdahulu yang diazab kerana kedegilan mereka:

أَفَأَمِنَ أَهْلُ الْقُرَىٰ أَن يَأْتِيَهُمْ بَأْسُنَا بَيَاتًا وَهُمْ نَائِمُونَ ۚ
أَوْ أَمِنَ أَهْلُ الْقُرَىٰ أَن يَأْتِيَهُمْ بَأْسُنَا ضُحًى وَهُمْ يَلْعَبُونَ

“Maka apakah penduduk negeri itu merasa aman dari kedatangan azab Kami pada malam hari ketika mereka sedang tidur? Atau apakah penduduk negeri itu merasa aman dari kedatangan azab Kami pada pagi hari ketika mereka sedang bermain-main?”

(Surah al-A'raf: 97-98)

Merasa aman ketika berbuat dosa merupakan satu dosa batin. Melakukan maksiat itu sendiri sudah berdosa, tetapi apabila seseorang berbuat dosa dengan penuh ketenangan tanpa rasa takut kepada Allah ﷻ, ia menambahkan lagi kejahatan dalam dirinya. Hasan al-Basri رحمه الله pernah berkata:

“Orang beriman, walaupun telah melakukan kebaikan, tetap takut kalau-kalau amalnya tidak diterima. Sedangkan orang yang tidak beriman, ketika melakukan dosa pun masih merasa aman dan tenang.”

مَنْ فِي السَّمَاءِ

Yang dimaksudkan dengan 'siapa' ialah Allah ﷻ, **Tuhan yang Maha Berkuasa**. Bukan bererti Allah berada "di dalam langit", tetapi di atas seluruh makhluk, **lebih tinggi daripada langit, di luar alam ini**. Penggunaan perkataan فِي dalam bahasa Arab boleh bermakna "di atas" sebagaimana disebut oleh ahli bahasa.

Ini menjadi dalil bahawa Allah ﷻ berada di atas, sebagaimana yang difahami oleh generasi salaf tanpa takwil yang memalingkan maksud sebenar. Hadith Mu'awiyah bin al-Hakam as-Sulami رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bertanya kepada seorang hamba wanita:

أَيْنَ اللهُ؟

"Dia menjawab: "Di atas langit." Baginda bertanya lagi: مَنْ أَنَا؟ Dia menjawab: "Engkau Rasulullah." Lalu Baginda bersabda: "Bebaskanlah dia, kerana sesungguhnya dia seorang yang beriman." (Riwayat Muslim, no. 537)

Imam az-Dzahabi رحمه الله menegaskan:

"Setiap orang yang ditanya 'Di mana Allah?', nescaya akan menjawab dengan fitrahnya: 'Di atas langit.' Dalam hadith ini terdapat dua pelajaran: Pertama, bolehnya bertanya 'Di mana Allah?'; Kedua, jawapan yang benar ialah: 'Allah di atas langit'. Maka sesiapa yang menolak kedua-duanya, bererti dia menolak Rasulullah ﷺ sendiri."

أَنْ يَخْسِفَ بِكُمْ الْأَرْضَ

Ayat ini menjadi amaran bahawa bila-bila masa sahaja Allah ﷻ mampu membenamkan manusia ke dalam bumi. Walaupun sebelumnya Allah ﷻ telah berfirman (rujuk al-Mulk: 15)

Perkataan خَسَفَ pada asalnya bermaksud **menghilangkan sesuatu**. Gerhana bulan dinamakan khusuf kerana bulan menutupi cahaya. Dalam konteks ini, ia bermaksud **bumi boleh menarik manusia masuk ke dalam perutnya** hingga hilang tanpa jejak. Fenomena tanah jerlus yang menelan manusia hanyalah gambaran kecil daripada azab sebenar. Allah ﷻ telah menghukum Qarun dengan cara ini:

فَخَسَفْنَا بِهِ وَبِدَارِهِ الْأَرْضَ

"Maka Kami benamkan Qarun bersama rumahnya ke dalam bumi." (Surah al-Qasas: 81)



Banyak kaum terdahulu telah dibinasakan dengan cara ini. Kajian arkeologi menemukan kota-kota purba yang tertimbus jauh dalam tanah.

فَإِذَا هِيَ تَمُورُ

Setelah bumi membenamkan manusia, ia **digoncangkan pula, seakan-akan menelan mereka sepenuhnya**. Ibarat guli yang digoncang dalam bekas gula supaya benar-benar masuk ke dalamnya, begitulah gambaran jelas yang diberikan oleh Allah ﷻ.

Ayat ini bukan sekadar ancaman, tetapi satu **peringatan penuh kasih sayang**. Allah ﷻ berkuasa menghukum serta-merta, namun Dia menangguhkannya agar hamba-Nya sempat kembali bertaubat. Firman-Nya:

وَلَوْ يُؤَاخِذُ اللَّهُ النَّاسَ بِمَا كَسَبُوا مَا تَرَكَ عَلَى ظَهْرِهَا مِنْ دَابَّةٍ

"Dan kalau Allah menyiksa manusia disebabkan apa yang mereka usahakan, nescaya Dia tidak akan meninggalkan di atas permukaan bumi suatu makhluk yang melata pun. Tetapi Allah menangguhkan mereka sampai waktu yang tertentu."

(Surah Fāṭir: 45)

Rasulullah ﷺ juga bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لِيَمْلِكُ لِلظَّالِمِ، فَإِذَا أَخَذَهُ لَمْ يَفْلِتْهُ
فَتَلَّا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: وَكَذَلِكَ أَخَذُ رَبِّكَ إِذَا أَخَذَ الْقُرَىٰ وَهِيَ ظَالِمَةٌ إِنَّ أَخَذَهُ أَلِيمٌ شَدِيدٌ (هود: 102)

"Sesungguhnya Allah memberi tempoh (tangguh) kepada orang zalim. Tetapi apabila Allah menyiksanya, Dia tidak akan melepaskannya."
(Riwayat al-Bukhari, no. 4686 & Muslim, no. 2583)

3.17 AYAT 17

أَمْ أَمِنْتُمْ مِّنْ فِي السَّمَاءِ أَنْ يُرْسِلَ عَلَيْكُمْ حَاصِبًا ۗ فَسَتَعْلَمُونَ كَيْفَ نَذِيرِ

"Atau adakah kamu merasa aman (tidak takut) kepada Yang berada di langit itu: menghantarkan kepada kamu angin ribut yang menghujani kamu dengan batu; maka dengan itu, kamu akan mengetahui kelak bagaimana buruknya kesan amaranKu?"
(Surah al-Mulk: 17)

أَمْ أَمِنْتُمْ مِّنْ فِي السَّمَاءِ

Allah ﷻ memberi peringatan keras bahawa manusia tidak boleh merasa selamat daripada azab-Nya. Dalam ayat sebelumnya, ancaman datang dari bumi (gempa, benam ke perut bumi), sedangkan dalam ayat ini **ancaman datang dari langit**.

Perkataan "أَمْ" bermaksud "atau", sebagai kesinambungan hujah, tetapi lebih keras dan menambahkan kesan ancaman.

"مِّنْ فِي السَّمَاءِ" bukan bermakna Allah ﷻ duduk secara fizikal di langit, tetapi menegaskan ketinggian, kekuasaan, dan keagungan Allah di atas segala makhluk. (Ibn Kathir, Tafsir al-Qur'an al-'Azim)

أَنْ يُرْسِلَ عَلَيْكُمْ حَاصِبًا

حَاصِبًا bermaksud **ribut atau angin kencang yang membawa batu**. Contohnya: Tentera Abrahah yang mahu meruntuhkan Ka'bah telah dibinasakan dengan batu yang dilemparkan oleh burung Ababil:

وَأَرْسَلَ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ (۳) تَرْمِيهِمْ بِحِجَارَةٍ مِّنْ سِجِّيلٍ (۴)

"Dan Dia telah menghantarkan kepada mereka (tentera Abrahah) burung berbondong-bondong (3), yang melemparkan mereka dengan batu-batu daripada tanah yang terbakar keras (4)."

(Surah al-Fil: 3-4)

Kaum Nabi Luth juga dihujani batu sebagai azab:

إِنَّا أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ حَاصِبًا إِلَّا آلَ لُوطٍ نَّجَّيْنَاهُمْ بِسَحْرِ

"Sesungguhnya Kami menghujani mereka dengan batu (sebagai azab), kecuali keluarga Luth yang Kami selamatkan pada waktu sebelum subuh."

(Surah al-Qamar: 34)



Allah ﷻ juga mengingatkan dalam firman-Nya bahawa azab Allah boleh datang dari bawah bumi mahupun dari langit:

أَفَأَمِنْتُمْ أَنْ يَخْسِفَ بِكُمْ جَانِبَ الْبَرِّ أَوْ يُرْسِلَ عَلَيْكُمْ حَاصِبًا ثُمَّ لَا تَجِدُوا لَكُمْ وَكِيلًا

"Apakah kamu merasa aman bahawa Dia tidak akan membenamkan kamu ke dalam daratan atau menghujani kamu dengan batu-batu, kemudian kamu tidak akan mendapat seorang pelindung bagi kamu."

(Surah al-Isra': 68)

Rasulullah ﷺ sangat takut akan azab langit. Bahkan diriwayatkan bahawa apabila Rasulullah ﷺ melihat awan mendung, baginda merasa gelisah kerana khawatir azab Allah turun. Hadith Aisyah RA:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، إِذَا رَأَى مَخِيلَةً فِي السَّمَاءِ، أَقْبَلَ وَأَدْبَرَ، وَدَخَلَ وَخَرَجَ، وَتَغَيَّرَ وَجْهَهُ، فَإِذَا أَمَطَرَتِ السَّمَاءُ سَرِي عَنْهُ، فَعَرَفْتَهُ عَائِشَةُ ذَلِكَ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ «مَا أَدْرِي لَعَلَّهُ كَمَا قَالَ قَوْمٌ: هَذَا عَارِضٌ مَمْطَرُنَا»

"Sesungguhnya Rasulullah ﷺ apabila melihat awan mendung di langit, baginda akan keluar masuk rumah, wajah baginda berubah kerana gelisah. Namun apabila hujan turun, kegelisahan itu hilang.

Lalu Aisyah bertanya, maka baginda bersabda: Aku tidak tahu, jangan-jangan awan ini seperti yang dikatakan oleh kaum terdahulu:

'Ini awan yang akan menurunkan hujan kepada kita,' padahal ia adalah azab."

(Riwayat al-Bukhari, no. 4829)

فَسَتَعْلَمُونَ كَيْفَ نَذِيرٍ

Ayat ini memberi amaran bahawa **manusia yang ingkar akan menyaksikan sendiri kebenaran ancaman Allah ﷻ**. Pada saat itu, mereka akan sedar bahawa peringatan Allah bukanlah mainan atau sesuatu yang boleh dipandang ringan.

نَذِيرٍ boleh difahami dalam dua bentuk:

- **Ancaman azab itu sendiri**, yang bakal menimpa orang yang ingkar.
- **Pemberi peringatan (Rasulullah ﷺ)**, yang diejek kaum musyrikin Mekah, tetapi akhirnya terbukti benar.

Sejarah **Perang Badar** membuktikan janji Allah iaitu *kaum musyrikin* yang kelihatan kuat akhirnya dikalahkan oleh umat Islam yang dianggap lemah.

3.18 AYAT 18

وَلَقَدْ كَذَّبَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ

"Dan demi sesungguhnya! orang-orang (kafir) yang terdahulu daripada mereka telah mendustakan (rasul-rasulnya lalu mereka dibinasakan); dengan yang demikian, (perhatikanlah) bagaimana buruknya kesan kemurkaan-Ku."

(Surah al-Mulk: 18)

وَلَقَدْ كَذَّبَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ

Ayat ini menjadi **tasliyah (penghibur)** buat Rasulullah ﷺ. Allah ﷻ mengingatkan baginda bahawa penentangan dan pendustaan kaum Quraisy bukanlah sesuatu yang baru. Bahkan, umat-umat terdahulu seperti kaum Nuh, 'Ad, Tsamud, Luth dan Firaun juga menolak seruan para Nabi mereka:

وَإِن يَكذَّبُوكَ فَقَدْ كَذَّبَتْ قَوْمُ نُوحٍ وَعَادُ وَثَمُودُ ﴿٤٢﴾ وَقَوْمُ إِبْرَاهِيمَ وَقَوْمُ لُوطٍ ﴿٤٣﴾ وَأَصْحَابُ مَدْيَنَ وَكَذَّبَ مُوسَىٰ فَأَمَلْنَا لِلْكَافِرِينَ ثُمَّ أَخَذْتَهُمْ فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ ﴿٤٤﴾

"Dan jika mereka mendustakanmu (wahai Muhammad), maka sesungguhnya sebelum mereka telah mendustakan juga kaum Nuh, kaum 'Ad, kaum Tsamud, kaum Ibrahim, kaum Luth, dan penduduk Madyan; dan Musa pun telah didustakan. Maka Aku tangguhkan orang-orang kafir itu (dengan memberi mereka tempoh), kemudian Aku timpakan azab-Ku kepada mereka. Maka alangkah dahsyatnya kemurkaan-Ku itu."

(Surah al-Hajj: 42-44)

Ini memberi isyarat bahawa penentangan terhadap dakwah tauhid adalah **sunnatullah** dan akan terus berlaku sepanjang zaman. Allah ﷻ menegaskan bahawa kaum Quraisy tidak terkecuali daripada sunnatullah tersebut dan boleh menerima nasib yang sama. Firman Allah ﷻ:

فَكُلًّا أَخَذْنَا بِذَنبِهِ

"Maka masing-masing (umat terdahulu) Kami binasakan disebabkan dosanya."

(Surah al-'Ankabut, 29:40)

فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ

Perkataan نَكِيرِ berasal daripada kata dasar نَكَر yang bermaksud **ingkar, benci, menolak, atau sesuatu yang mengerikan**. Ulama tafsir menjelaskan bahawa ia merujuk kepada **celaan Allah ﷻ yang disusuli dengan azab yang dahsyat** sama ada di dunia mahupun di akhirat. Bahkan kita melihat sebahagian peninggalan azab mereka di dunia kaum ('Ad, Tsamud, Luth dan Firaun):

وَأَمَّا عَادٌ فَأُهْلِكُوا بِرِيحٍ صَرْصَرٍ عَاتِيَةٍ ﴿٦﴾

"Adapun kaum 'Ad, maka mereka dibinasakan dengan angin yang sangat kencang lagi amat dingin."

(Surah al-Haqqah: 6)

وَأَخَذَ الَّذِينَ ظَلَمُوا الصَّيْحَةَ فَأَصْبَحُوا فِي دِيَارِهِمْ جَاثِمِينَ ﴿٦٧﴾

"Maka mereka yang zalim itu dibinasakan oleh satu suara keras yang mengguntur, lalu mereka mati bergelimpangan di rumah-rumah mereka."

(Surah Hud:67)

فَلَمَّا جَاءَ أَمْرُنَا جَعَلْنَا عَالِيَهَا سَافِلَهَا وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهَا حِجَارَةً مِّن سِجِّيلٍ مَّنضُودٍ ﴿٨٢﴾

"Maka ketika datang azab Kami, Kami jadikan negeri kaum Luth itu yang di atas ke bawah (diterbalikkan), dan Kami hujani mereka dengan batu-batu dari tanah yang terbakar, yang menimpa berturut-turut."

(Surah Hud: 82)

وَجَاوَزْنَا بِبَنِي إِسْرَائِيلَ الْبَحْرَ فَأَتَبَعَهُمْ فِرْعَوْنُ وَجُنُودُهُ بَغْيًا وَعَدُوًّا حَتَّى إِذَا أَدْرَكَهُ الْغَرَقُ قَالَ آمَنْتُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا الَّذِي آمَنْتُ بِهِ بَنُو إِسْرَائِيلَ وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٩٠﴾

"Dan Kami selamatkan Bani Israil menyeberangi laut, kemudian Firaun bersama tenteranya mengejar mereka dengan zalim dan aniaya; sehingga apabila Firaun hampir tenggelam, dia berkata: Aku beriman bahawa tiada tuhan melainkan Tuhan yang dipercayai oleh Bani Israil, dan aku termasuk orang-orang yang berserah diri."

(Surah Yunus: 90)

Allah masih memberi amaran dengan kisah-kisah ini, bukan terus menurunkan azab. Ini selari dengan firman-Nya:

وَمَا كَانَ رَبُّكَ لِيُهْلِكَ الْقُرَىٰ بِظُلْمٍ وَأَهْلِهَا مُصْلِحُونَ

"Dan tidaklah Tuhanmu membinasakan negeri-negeri dengan zalim, sedang penduduknya masih orang-orang yang melakukan kebaikan."

(Surah Hud: 117)



3.19 AYAT 19

أَوَلَمْ يَرَوْا إِلَى الطَّيْرِ فَوْقَهُمْ صَفْتٍ وَيَقْبِضْنَ مَا يُمَسِّكُهُنَّ إِلَّا الرَّحْمَنُ إِنَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ بَصِيرٌ

“Tidakkah mereka memerhatikan burung-burung yang terbang di atas mereka, burung-burung itu mengembang dan menutupkan sayapnya? Tidak ada yang menahannya (daripada jatuh) melainkan (kekuasaan) Allah Yang Maha Pemurah. Sesungguhnya Dia Maha Melihat serta mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

(Surah Al-Mulk: 19)

أَوَلَمْ يَرَوْا إِلَى الطَّيْرِ فَوْقَهُمْ

Allah ﷻ mengajak manusia untuk **memerhatikan burung-burung yang terbang di langit**. Seruan ini sangat mudah difahami kerana ia dapat dilihat dengan mata kasar tanpa perlu penelitian yang rumit. Keajaiban kemampuan burung untuk terbang adalah tanda kekuasaan Allah ﷻ yang jelas, sebagaimana firman-Nya:

أَلَمْ يَرَوْا إِلَى الطَّيْرِ مُسَخَّرَاتٍ فِي جَوِّ السَّمَاءِ مَا يُمَسِّكُهُنَّ إِلَّا اللَّهُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

“Tidakkah mereka memperhatikan burung yang dimudahkan terbang di angkasa lepas? Tidak ada yang menahannya (di udara) selain Allah. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang beriman.”

(Surah al-Nahl: 79)

Manusia tidak dikurniakan kemampuan untuk terbang seperti burung. Kita hanya mampu **melakukannya dengan perantaraan teknologi, seperti kapal terbang atau helikopter**, sedangkan **burung memiliki kebolehan itu secara fitrah**. Keistimewaan ini adalah bukti bahawa setiap makhluk diberikan kelebihan tertentu yang sesuai dengan kehendak Allah ﷻ. Rasulullah ﷺ juga pernah menyebut burung sebagai contoh **makhluk yang hidup dengan penuh tawakal**, sabdanya:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: لَوْ أَنْكُمْ تَتَوَكَّلُونَ عَلَى اللَّهِ حَقَّ تَوَكُّلِهِ لَرَزَقْتُمْ كَمَا تَرْزُقُ الطَّيْرُ، تَغْدُو خِمَاصًا وَتَرُوحُ بِطَانًا

“Sekiranya kamu bertawakal kepada Allah dengan sebenar-benar tawakal, nescaya Allah akan memberi rezeki kepada kamu sebagaimana Dia memberi rezeki kepada burung; ia keluar pada pagi hari dalam keadaan lapar dan pulang pada petang hari dalam keadaan kenyang.”

(Riwayat al-Tirmidzi, no. 2344 – hasan sahih)



Selain itu, peringatan tentang burung juga menjadi **isyarat kepada azab Allah** yang pernah menimpa umat terdahulu. Kaum Musyrikin Mekah pasti mengingat peristiwa tentera Abraham yang binasa kerana diserang burung-burung yang membawa batu panas daripada neraka. Allah ﷻ berfirman:

وَأَرْسَلَ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ ﴿٣﴾ تَرْمِيهِمْ بِحِجَارَةٍ مِّن سِجِّيلٍ ﴿٤﴾ فَجَعَلَهُمْ كَعَصْفٍ مَّأْكُولٍ ﴿٥﴾

“Dan Dia mengirinkan kepada mereka burung yang berbondong-bondong, yang melemparkan mereka dengan batu-batu daripada tanah yang terbakar, lalu mereka dijadikan-Nya seperti daun-daun yang dimakan ulat.”

(Surah al-Fil :3-5)

صَفَّتْ وَيَقْبِضْنَ

- **صَفَّتْ** (ṣāffātin) → menggambarkan **burung yang mengembangkan sayapnya**. Susunan bulu burung yang terbentang membentuk barisan yang indah seperti saf.
- **يَقْبِضْنَ** (yaqbiḍna) → bermaksud **menguncupkan sayap**. Ia berlaku sesekali, seperti ketika burung ingin mengubah arah.

Penggunaan **kata nama/ isim (ṣāffāt)** untuk menggambarkan sesuatu yang **sering** berlaku, manakala **kata kerja/ fi'il (yaqbiḍna)** untuk sesuatu yang berlaku **sekali-sekala**, menunjukkan ketepatan bahasa al-Qur'an.

Imam al-Zamakhsyārī رحمه الله berkata:

“ini adalah sebahagian daripada rahsia keindahan al-Qur'an yang menggabungkan bentuk isim dan fi'il dalam satu ayat, sesuai dengan realiti keadaan burung.”

مَا يُمْسِكُهُنَّ إِلَّا الرَّحْمَنُ

Ayat ini mengingatkan bahawa setiap kejadian di alam ini adalah **bukti kekuasaan Allah** ﷻ. Burung mampu terbang dengan sayap, angin, dan hukum aerodinamik (*lift & drag*). Namun hakikatnya, semua itu hanya berfungsi kerana izin Allah ﷻ. Jika Dia tidak mengizinkan, burung itu tidak mampu terbang walau sesaat. Rujuk (surah al-Nahl :79) di atas.

Ayat ini menolak tanggapan bahawa alam bergerak dengan sendirinya. **Ilmu sains** itu sendiri adalah **sunnatullah** yang Allah tetapkan. Maka, mempelajarinya sepatutnya membawa kita lebih mengenal Allah, bukan menafikan-Nya.

Dalam Surah al-Mulk, Allah menggunakan nama-Nya **ar-Rahman** (Yang Maha Pemurah) ketika menceritakan burung. Ini menunjukkan bahawa kebolehan **burung terbang** adalah sebahagian daripada **rahmat Allah**.

Seolah-olah Allah ﷻ bertanya kepada manusia *“nikmat dan rahmat yang engkau terima, masih layakkah engkau kufur kepada-Ku dan mengambil selain-Ku sebagai ilah?”*

إِنَّ الَّذِينَ تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ لَا يَمْلِكُونَ لَكُمْ رِزْقًا فَابْتَغُوا عِنْدَ اللَّهِ الرِّزْقَ وَاعْبُدُوهُ وَاشْكُرُوا لَهُ إِلَيْهِ
ترجعون

“Sesungguhnya apa yang kamu sembah selain daripada Allah itu tidak dapat memberikan rezeki kepada kamu; oleh itu mintalah rezeki itu pada sisi Allah, dan sembahlah Dia, serta bersyukurlah kepada-Nya. Kepada-Nyalah kamu semua akan dikembalikan.”

(Surah al-‘Ankabut:17)

إِنَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ بَصِيرٌ

Ini menegaskan bahawa **segala sesuatu** berlaku dalam **pengetahuan Allah** ﷻ. Tiada satu pun yang terlepas daripada pengawasan-Nya. Allah ﷻ berfirman:

لَا تُدْرِكُهُ الْأَبْصَارُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَارَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ

“Penglihatan (mata) tidak dapat mencapai-Nya, tetapi Dia dapat melihat segala penglihatan. Dialah Yang Maha Halus lagi Maha Mengetahui.”

(Surah al-An‘ām: 103)

3.20 AYAT 20

أَمَّنْ هَذَا الَّذِي هُوَ جُنْدٌ لَكُمْ يَنْصُرُكُمْ مِّنْ دُونِ الرَّحْمَنِ ^ج إِنَّ الْكُفْرَانَ إِلَّا فِي غُرُورٍ

“Bahkan siapa dia yang menjadi tentera bagi kamu, yang akan menolong kamu selain daripada Allah Yang Maha Pemurah? (Sebenarnya) orang-orang yang kafir tidak lain hanyalah berada dalam keadaan terpedaya.”

(Surah al-Mulk: 20)

أَمَّنْ هَذَا

Ayat ini adalah bentuk **pertanyaan sinis dan ejekan** daripada Allah ﷻ kepada mereka yang memuja selain-Nya. Siapakah sebenarnya yang dipuja oleh manusia? Antaranya ialah:

- **Berhala-berhala** yang disembah oleh kaum musyrikin.
- **Roh Nabi dan wali** yang diagungkan, seperti golongan Kristian yang memuja Nabi Isa عليه السلام.
- **Malaikat-malaikat atau bahkan Nabi Muhammad ﷺ** yang dijadikan perantara dalam doa dan ibadah.

Sedangkan Allah ﷻ menegaskan:

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ ^ج إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ

“Dan Tuhanmu berfirman: Berdoalah kepada-Ku, nescaya Aku perkenankan bagi kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong daripada menyembah-Ku akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina.”

(Surah Ghāfir: 60)

وَلَا تَدْعُ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُكَ وَلَا يَضُرُّكَ فَإِنْ فَعَلْتَ فَإِنَّكَ إِذَا مِنَ الظَّالِمِينَ ^ص

“Dan janganlah engkau menyeru selain Allah sesuatu yang tidak dapat memberi manfaat kepadamu dan tidak pula mendatangkan mudarat kepadamu. Jika engkau berbuat demikian, maka sesungguhnya engkau termasuk orang-orang yang zalim.”

(Surah Yunus:106)

Rasulullah ﷺ juga bersabda:

إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللَّهَ، وَإِذَا اسْتَعَنْتَ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ

“Apabila engkau meminta, mintalah daripada Allah. Dan apabila engkau memohon pertolongan, pohonlah pertolongan daripada Allah.”

(Riwayat al-Tirmidzi, no. 2516, sahih)



الَّذِي هُوَ جُنْدٌ لَكُمْ

Allah ﷻ meneruskan ejekan-Nya, adakah makhluk-makhluk itu benar-benar mampu **menjadi penolong dan tentera kamu?** Hakikatnya, mereka **langsung tidak berkuasa**. Bahkan, mereka sendiri tidak mampu menyelamatkan diri mereka. Firman Allah ﷻ:

وَاتَّخَذُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ ءَالِهَةً لِيَكُونُوا لَهُمْ عِزًّا ۗ كَلَّا سَيَكْفُرُونَ بِعِبَادَتِهِمْ وَيَكُونُونَ عَلَيْهِمْ ضِدًّا

"Dan mereka mengambil sembahhan-sembahhan selain Allah, agar mereka menjadi pelindung bagi mereka. Sekali-kali tidak! Sembahan-sembahhan itu akan mengingkari penyembahan mereka, dan mereka akan menjadi penentang terhadap mereka."

(Surah Maryam: 81-82)

إِنَّ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ عِبَادٌ أَمْثَلُكُمْ ۖ فَادْعُوهُمْ فَلْيَسْتَجِيبُوا لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

"Sesungguhnya sembahhan-sembahhan yang kamu seru selain Allah itu hanyalah hamba-hamba (makhluk) seperti kamu. Maka serulah mereka, lalu biarlah mereka memperkenankan permintaanmu jika kamu orang-orang yang benar."

(Surah al-A'raf :194)

يَنْصُرُكُمْ مِنْ دُونِ الرَّحْمَنِ

Tiada siapa pun mampu tolong daripada azab Allah ﷻ. Sama ada Nabi, wali, malaikat, roh yang dipuja, **semuanya tidak berkuasa** untuk menyelamatkan penyembah mereka di akhirat kelak.

وَمَا أَنْتُمْ بِمُعْجِزِينَ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ ۗ وَمَا لَكُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ

"Kamu sekali-kali tidak dapat melepaskan diri (dari kekuasaan Allah) di bumi mahupun di langit, dan kamu tidak mempunyai selain Allah seorang pun pelindung dan tidak pula seorang penolong."

(Surah al-Ankabut: 22)

مَثَلُ الَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ أَوْلِيَاءَ كَمَثَلِ الْعَنْكَبُوتِ اتَّخَذَتْ بَيْتًا ۗ وَإِنَّ أَوْهَنَ الْبُيُوتِ لَبَيْتُ الْعَنْكَبُوتِ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ

"Perumpamaan orang yang mengambil pelindung selain Allah seperti labah-labah yang membuat rumah. Dan sesungguhnya rumah yang paling lemah ialah rumah labah-labah, kalau mereka mengetahui."

(Surah al-'Ankabūt: 41)

Allah tidak menyebut "Allah" dalam ayat ini, tetapi **memilih Ar-Rahmān** untuk mengingatkan manusia bahawa **Dialah yang sentiasa mencurahkan rahmat dan nikmat**.



إِنَّ الْكَافِرُونَ إِلَّا فِي غُرُورٍ

Mereka **tertipu dengan kekayaan, teknologi dan kekuatan duniawi**, lalu menyangka mereka tidak lagi memerlukan Allah ﷻ. Padahal, segala apa yang mereka miliki tetap bergantung kepada izin Allah ﷻ. Firman-Nya:

اعْلَمُوا أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ وَلَهُوٌ وَزِينَةٌ وَتَفَاخُرٌ بَيْنَكُمْ وَتَكَاثُرٌ فِي الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ كَمَثَلِ غَيْثٍ
أَعْجَبَ الْكُفَّارَ نَبَاتُهُ ثُمَّ يَهِيجُ فَتْرَاهُ مَصْفُورًا ثُمَّ يَكُونُ حُطَامًا وَفِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ شَدِيدٌ وَمَغْفِرَةٌ مِنَ اللَّهِ
وَرِضْوَانٌ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ

"Ketahuilah, sesungguhnya kehidupan dunia hanyalah permainan, hiburan, perhiasan, bermegah-megah antara kamu, dan berlumba-lumba memperbanyakkan harta dan anak. Ia bagaikan hujan yang tanam-tanamannya mengagumkan para petani, kemudian ia kering lalu engkau melihatnya kuning, lalu hancur menjadi debu. Di akhirat ada azab yang keras, ada pula keampunan dan keredhaan dari Allah.

Dan tiadalah kehidupan dunia ini melainkan kesenangan yang memperdayakan (ghurūr)."

(Surah Al-Ḥadīd : 20)

Ibn al-Qayyim berkata dalam *al-Fawā'id*:

"الدنيا مثل الظل إن طلبته تباعد، وإن تركته تتابع"

"Dunia ini seperti bayangan. Jika engkau mengejarnya, ia akan menjauh. Tetapi jika engkau berpaling darinya, ia akan mengikutimu."

Ramai juga yang tertipu dengan amalan mereka, **menyangkakan amalan mereka benar** dan mendekati diri kepada Allah, tetapi hakikatnya ia **menyesatkan** rujuk (surah al-Kahf : 103-104 pada ayat 2 surah al-Mulk). Bahkan Allah ﷻ bertanya kepada mereka yang reka cipta amalan:

أَمْ لَهُمْ شُرَكَاءُ شَرَعُوا لَهُمْ مِنَ الدِّينِ مَا لَمْ يَأْذَنَ بِهِ اللَّهُ

"Apakah mereka mempunyai sekutu-sekutu yang mensyariatkan untuk mereka agama yang tidak diizinkan Allah?"

(Surah Ash-Shūrā : 21)

Dek kerana itu Rasulullah ﷺ memberi amaran:

«مَنْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ فِيهِ فَهُوَ رَدٌّ»

"Barangsiapa yang mengada-adakan dalam urusan agama kami ini sesuatu yang bukan daripadanya, maka ia tertolak."

(Riwayat al-Bukhārī & Muslim)



3.21 AYAT 21

أَمَّنْ هَذَا الَّذِي يَرْزُقُكُمْ إِنْ أَمْسَكَ رِزْقَهُ بَلْ لَجُّوا فِي عُتُوٍّ وَنُفُورٍ

“Atau siapa dia yang dapat memberi rezeki kepada kamu jika Allah menahan rezeki-Nya? (Tidak ada sesiapaupun), bahkan mereka (yang musyrik itu) kekal terus dalam keadaan sombong angkuh serta melarikan diri (daripada kebenaran).”

(Surah al-Mulk: 21)

أَمَّنْ هَذَا الَّذِي يَرْزُقُكُمْ

Allah ﷻ menegaskan bahawa **hanya Dia yang memberi rezeki**.
Firman Allah ﷻ:

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا

“Dan tidak ada suatu makhluk melata pun di bumi melainkan Allah-lah yang memberi rezekinya.”

(Surah Hud: 6)

Kebanyakan manusia menyempitkan maksud rezeki hanya kepada wang, makanan, pakaian atau harta benda. **Imam al-Ghazali** menegaskan bahawa *“rezeki bukan sekadar yang nampak di tangan, tetapi segala nikmat yang mendekatkan hamba kepada Allah”*.

- Makanan & minuman
- Kesihatan & udara untuk bernafas
- Ketenangan jiwa
- Anak & pasangan yang soleh
- Sahabat dan jiran yang baik

Al-Qur'an banyak menyamakan rezeki dengan turunnya hujan kerana persamaan sifatnya:

- **Tidak dapat dijangka:** tiada siapa tahu bila turunnya hujan atau datangnya rezeki.
- **Tidak boleh dikawal:** manusia tidak mampu menentukan kadar hujan, begitu juga rezeki.
- **Ada manfaat dan ujian:** hujan boleh menjadi rahmat, tetapi juga musibah.

وَهُوَ الَّذِي يَنْزِلُ الْغَيْثَ مِنْ بَعْدِ مَا قَنَطُوا وَيَنْشُرُ رَحْمَتَهُ وَهُوَ الْوَلِيُّ الْحَمِيدُ

“Dialah yang menurunkan hujan setelah mereka berputus asa dan menyebarkan rahmat-Nya. Dialah Pelindung, lagi Maha Terpuji.”

(Surah ash-Shura: 28)



Malaikat Mikail ditugaskan untuk menyampaikan rezeki, namun **kuasa itu tetap milik Allah** ﷻ. Maka, berdoalah hanya kepada-Nya.

إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ

“Sesungguhnya Allah, Dialah Pemberi rezeki yang mempunyai kekuatan lagi sangat kukuh.”

(Surah az-Zhariyat: 58)

إِنْ أَمْسَكَ رِزْقَهُ

Jika Allah menahan rezeki-Nya, tiada siapa pun mampu memberikannya. **Makhluk hanyalah perantara**, sedang kuasa mutlak **rezeki hanya milik Allah** ﷻ.

اللَّهُ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَقْدِرُ لَهُ إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

“Allah melapangkan rezeki bagi sesiapa yang Dia kehendaki di antara hamba-hamba-Nya, dan Dia juga menyempitkannya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.”

(Surah al-‘Ankabut: 62)

مَا يَفْتَحُ اللَّهُ لِلنَّاسِ مِنْ رَحْمَةٍ فَلَا مُمْسِكَ لَهَا وَمَا يُمْسِكُ فَلَا مُرْسِلَ لَهُ مِنْ بَعْدِهِ

“Apa saja rahmat yang Allah berikan kepada manusia, maka tiada siapa yang dapat menahannya. Dan apa saja yang Allah tahan, maka tiada siapa yang sanggup melepaskannya sesudah itu.”

(Surah Fathir: 2)

Rasulullah ﷺ berdoa selepas solat:

اللَّهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ، وَلَا مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ

“Ya Allah, tiada siapa yang dapat menahan apa yang Engkau berikan, dan tiada siapa yang dapat memberi apa yang Engkau tahan.”

(Riwayat al-Bukhari & Muslim)

بَلَّ لَجْوًا فِي عَتْوٍ وَنُفُورٍ

- **لَجُّوا** berterusan dalam kesalahan, degil walau tahu kebenaran.
- **عُتُّوا** sombong, melampau batas, menolak kebenaran kerana angkuh.
- **نُفُورٍ** lari daripada kebenaran, menjauh dari hujah Al-Qur'an dan Sunnah.

Allah ﷻ berfirman:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ اتَّبِعُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ قَالُوا بَلْ نَتَّبِعُ مَا آفَيْنَا عَلَيْهِ آبَاءَنَا أَوْ لَوْ كَانُوا آبَاءَهُمْ لَآ يَعْقِلُونَ شَيْئًا وَلَا يَهْتَدُونَ

"Dan apabila dikatakan kepada mereka: Ikutilah apa yang diturunkan Allah, mereka menjawab: (Tidak!) Bahkan kami hanya mengikuti apa yang kami dapati dari nenek moyang kami. Patutkah mereka mengikuti nenek moyang mereka walaupun nenek moyang itu tidak mengetahui apa-apa dan tidak mendapat petunjuk?"

(Surah al-Baqarah: 170)

وَجَحَدُوا بِهَا وَاسْتَيْقَنَتْهَا أَنفُسُهُمْ ظُلْمًا وَعُلُوًّا

"Mereka mengetahui kebenaran, tetapi mereka tetap menolaknya sedangkan jiwa mereka meyakinkannya, kerana kezaliman dan kesombongan."

(Surah al-Naml: 14)

فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى الْأَبْصَارُ وَلَكِن تَعْمَى الْقُلُوبُ الَّتِي فِي الصُّدُورِ

"Sesungguhnya bukanlah mata itu yang buta, tetapi yang buta ialah hati yang ada dalam dada."

(Surah al-Hajj: 46)

فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ ذُكِّرَ بِآيَاتِ رَبِّهِ فَأَعْرَضَ عَنْهَا

"Maka siapakah yang lebih zalim daripada orang yang telah diperingatkan dengan ayat-ayat Tuhannya, lalu dia berpaling daripadanya?"

(Surah al-Sajdah: 22)

Nabi ﷺ bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ كِبَرٍ

"Tidak akan masuk syurga orang yang ada dalam hatinya sebesar zarah sifat sombong."

(Riwayat Muslim)

Ibn al-Qayyim رحمه الله berkata di dalam al-Fawā'id:

"Sombong itu adalah penghalang terbesar daripada menerima kebenaran dan tunduk kepada-Nya."

3.22 AYAT 22

أَفَمَنْ يَمْشِي مُكَبًّا عَلَىٰ وَجْهِهِ أَهْدَىٰ أَمَّنْ يَمْشِي سَوِيًّا عَلَىٰ صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

“Maka adakah orang yang berjalan tersungkur di atas mukanya boleh mendapat hidayah – atau orang yang berjalan tegak melalui jalan yang lurus rata?”

(Surah al-Mulk: 22)

أَفَمَنْ يَمْشِي مُكَبًّا عَلَىٰ وَجْهِهِ

Perkataan **مُكَبًّا** berasal daripada kata **كَبَّ** yang bermaksud **jatuh atau tersembam**. Ia menggambarkan orang yang **berjalan dengan muka di tanah**, tidak nampak arah dan sukar bergerak.

Ini merupakan simbolik bagi orang yang **buta hati di dunia**, menolak al-Qur’an sebagai petunjuk. Balasan di akhirat, mereka akan dihimpunkan dalam keadaan **diseret dengan muka mereka di tanah**. Firman Allah ﷻ:

وَنَحْشُرُهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَىٰ وُجُوهِهِمْ عُمِيَآ وَبِكَمَا وَصَّمَا مَاوَلَهُمْ جَهَنَّمَ كَلَّمَا خَبَت زِدْنَهُمْ سَعِيرًا

“Dan Kami akan kumpulkan mereka pada hari kiamat (diseret) atas muka mereka dalam keadaan buta, bisu dan pekak. Tempat tinggal mereka adalah neraka Jahannam...”

(Surah al-Isrā’: 97)

Para sahabat bertanya bagaimana manusia boleh berjalan dengan muka mereka. Rasulullah ﷺ menjawab:

“أَلَيْسَ الَّذِي أَمْشَاهُمْ عَلَىٰ أَرْجُلِهِمْ قَادِرًا عَلَىٰ أَنْ يَمْشِيَهُمْ عَلَىٰ وُجُوهِهِمْ؟”

“Bukankah Tuhan yang menjadikan mereka berjalan dengan kaki mampu juga menjadikan mereka berjalan dengan muka mereka?”

(Riwayat Ahmad, no. 11367 – sahih)

Jika Allah ﷻ mampu menjadikan ular berjalan tanpa kaki, atau makhluk berjalan di atas perut sebagaimana firman-Nya dalam (Surah al-Nūr: 45), maka tidak mustahil Allah ﷻ memperjalankan manusia dengan muka mereka.

وَاللَّهُ خَلَقَ كُلَّ دَابَّةٍ مِّن مَّاءٍ فَمِنْهُمْ مَّن يَمْشِي عَلَىٰ سَطْبِهِ وَمِنْهُمْ مَّن يَمْشِي عَلَىٰ رِجْلَيْنِ وَمِنْهُمْ مَّن يَمْشِي عَلَىٰ أَرْبَعٍ يَخْلُقُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

"Dan Allah menciptakan semua jenis makhluk yang bergerak dari air; maka ada di antaranya yang berjalan di atas perutnya, dan ada yang berjalan dengan dua kaki, dan ada yang berjalan dengan empat kaki. Allah menciptakan apa yang Dia kehendaki. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu."

(Surah an-Nūr: 45)

Ada ulama menafsirkan bahawa maksud "berjalan dengan muka" juga **melambangkan kehidupan penuh kejatuhan** iaitu jatuh, bangun, jatuh semula, kerana **hidup tanpa panduan wahyu**. Mereka ini sentiasa memandang ke bawah (kepada dunia), hanya mengejar kesenangan sementara. Firman Allah ﷻ:

...وَلَوْ شِئْنَا لَرَفَعْنَاهُ بِهَا وَلَكِنَّهُ أَخْلَدَ إِلَى الْأَرْضِ وَاتَّبَعَ هَوَاهُ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ الْكَلْبِ

"Kalau Kami kehendaki nescaya Kami tinggikan darjatnya dengan ayat-ayat itu, tetapi dia cenderung kepada dunia dan menurut hawa nafsunya. Maka perumpamaannya adalah seperti anjing..."

(Surah al-A'rāf: 176)

Sebaliknya, orang **beriman** digambarkan **berjalan tegak di atas jalan yang lurus**. Mereka berpandukan al-Qur'an dan sunnah dalam hidup. Allah ﷻ berfirman:

فَمَنْ اتَّبَعَ هُدَايَ فَلَا يَضِلُّ وَلَا يَشْقَى

"Maka sesiapa yang mengikuti petunjuk-Ku, dia tidak akan sesat dan tidak akan celaka."

(Surah Ṭā-Hā: 123)

أَهْدَى

Allah memberi perbandingan antara orang kafir dan orang beriman sememangnya orang beriman itu diberi cahaya untuk memandu mereka:

- **Orang kafir** diumpamakan seperti **berjalan dengan mukanya diseret** – hina, sesat, dan tidak terpimpin.
- **Orang beriman** pula **berjalan tegak di atas jalan lurus** – penuh panduan dan cahaya.

يَوْمَ يَقُولُ الْمُنْفِقُونَ وَالْمُنْفِقَاتُ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا انظُرُونَا نَقْتَبِسْ مِنْ نُورِكُمْ

"Pada hari ketika orang-orang munafik lelaki dan perempuan berkata kepada orang-orang yang beriman: Tunggulah kami supaya kami dapat mengambil sebahagian daripada cahaya kalian."

(Surah al-Hadīd: 13)



Dalam hadith hasan sahih juga menyebut bahawa cahaya orang beriman akan memancar sejauh mana amalannya:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «يُؤْتَى الْمُؤْمِنُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ نُورَهُمْ عَلَى قَدْرِ أَعْمَالِهِمْ، فَمِنْهُمْ مَنْ يُؤْتَى نُورَهُ مِثْلَ الْجَبَلِ بَيْنَ يَدَيْهِ، وَمِنْهُمْ مَنْ يُؤْتَى نُورَهُ أَصْغَرَ مِنْ ذَلِكَ، وَمِنْهُمْ مَنْ يُؤْتَى نُورَهُ مِثْلَ النَّخْلَةِ بِيَمِينِهِ، وَمِنْهُمْ مَنْ يُؤْتَى نُورَهُ «أَصْغَرَ مِنْ ذَلِكَ، حَتَّى يَكُونَ آخِرَهُمْ مَنْ يُؤْتَى نُورَهُ عَلَى إِبْهَامِ قَدَمِهِ يَضِيءُ مَرَّةً وَيُطْفَأُ مَرَّةً»

"Pada hari kiamat, orang-orang beriman akan diberikan cahaya mereka menurut kadar amalan masing-masing. Ada di antara mereka yang diberi cahaya sebesar gunung di hadapan mereka, ada yang diberi cahaya seperti pohon kurma di tangan kanan mereka, ada pula yang diberi cahaya lebih kecil daripada itu, hinggalah ada yang hanya diberi cahaya sekadar pada ibu jari kakinya; cahaya itu menyala sekali lalu padam sekali."

(Riwayat Ahmad, no. 3948 , al-Tirmidzi, no.2433).

أَمَّنْ يَمْشِي سَوِيًّا عَلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

Perkataan سَوِيًّا (sawiyyan) bermaksud **tegak, lurus dan seimbang, tidak bengkok-bengkok**. Inilah perumpamaan orang beriman yang berjalan atas jalan agama yang jelas iaitu al-Qur'an dan sunnah.

Allah ﷻ menegaskan perbezaan ini juga dalam firman-Nya:

ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا رَجُلًا فِيهِ شُرَكَاءُ مُتَشَاكِسُونَ وَرَجُلًا سَلَمًا لِرَجُلٍ هَلْ يَسْتَوِيَانِ مَثَلًا

"Allah membuat perumpamaan seorang hamba lelaki yang dimiliki oleh beberapa tuan yang berselisih, dengan seorang hamba lelaki lain yang hanya dimiliki oleh seorang sahaja; adakah keduanya sama keadaan mereka? (Tentulah tidak sama)."

(Surah az-Zumar: 29)

3.23 AYAT 23

قُلْ هُوَ الَّذِي أَنْشَأَكُمْ وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ

“Katakanlah (wahai Muhammad): “Allah yang menciptakan kamu (daripada tiada kepada ada), dan mengadakan bagi kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (untuk kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur”.”

(Surah al-Mulk: 23)

قُلْ

Perkataan قُلْ (Katakanlah) menunjukkan bahawa Allah ﷻ memerintahkan Nabi Muhammad ﷺ untuk **menyampaikan mesej ini secara langsung kepada orang kafir**. Hal ini mengandungi beberapa pengajaran penting:

1. Tanda Kemurkaan Allah ﷻ

Allah ﷻ terlalu **murka** terhadap orang kafir sehingga **tidak mahu lagi berbicara langsung dengan mereka**, sebaliknya memerintahkan **Rasul-Nya sebagai perantara**. Ini menggambarkan betapa besarnya dosa mereka. Firman Allah ﷻ:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ اتَّبِعُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ قَالُوا بَلْ نَتَّبِعُ مَا أَلْفَيْنَا عَلَيْهِ آبَاءَنَا

“Dan apabila dikatakan kepada mereka: ‘Ikutlah apa yang telah diturunkan oleh Allah.’ Mereka menjawab: ‘(Tidak), bahkan kami (hanya) mengikuti apa yang kami dapati dari nenek moyang kami.’”

(Surah al-Baqarah: 170)

2. Kedudukan Tinggi Nabi Muhammad ﷺ

Arahan dengan lafaz قُلْ menegaskan **peranan Baginda sebagai utusan yang wajib menyampaikan wahyu**. Baginda bukan sekadar manusia biasa, bahkan insan terpilih untuk menyampaikan kalam Allah. Firman Allah ﷻ:

يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ

“Wahai Rasul, sampaikanlah apa yang diturunkan kepadamu daripada Tuhanmu.”

(Surah al-Mā'idah: 67)

3. Kaedah Dakwah yang Sesuai dengan Fitrah Manusia

Allah ﷻ mengutus Nabi Muhammad ﷺ (seorang manusia) untuk menyampaikan risalah kepada manusia. Ini menunjukkan rahmat Allah ﷻ kerana **manusia lebih mudah menerima dakwah daripada sesama manusia** berbanding malaikat. Nabi ﷺ bersabda:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ

“Sesungguhnya aku hanyalah manusia seperti kamu, hanya sahaja aku menerima wahyu bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan Yang Satu.”

(Riwayat Muslim, no. 183)

هُوَ الَّذِي أَنشَأَكُمْ

Allah ﷻ mengingatkan manusia bahawa **Dialah yang menciptakan mereka daripada tiada kepada ada**. Proses kejadian manusia disebutkan dengan terperinci dalam hadith Abdullah bin Mas'ud رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, Rasulullah ﷺ bersabda:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ قَالَ: حَدَّثَنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ وَهُوَ الصَّادِقُ الْمَصْدُوقُ: إِنَّ أَحَدَكُمْ يَجْمَعُ خَلْقَهُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا نَظْفَةً، ثُمَّ يَكُونُ عِلْقَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يَكُونُ مُضْغَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يَرْسَلُ إِلَيْهِ الْمَلَكُ فَيَنْفَخُ فِيهِ الرُّوحَ، وَيُؤَمِّرُ بِأَرْبَعِ كَلِمَاتٍ: بِكُتْبِ رِزْقِهِ، وَأَجَلِهِ، وَعَمَلِهِ، وَوَشْقِي أَوْ سَعِيدٍ

“Sesungguhnya kejadian setiap seorang daripada kamu dikumpulkan dalam perut ibunya selama 40 hari berupa setitik air mani, kemudian menjadi segumpal darah selama itu juga, kemudian seketul daging selama itu juga. Setelah itu, diutuskan malaikat lalu meniupkan roh, dan diperintahkan menulis empat perkara: rezekinya, ajalnya, amalannya, dan sama ada dia bahagia atau celaka...”

(Riwayat Bukhari, no. 6594; Muslim, no. 2643)

Makna kata **أَنْشَأَكُمْ** Bukan sekadar **خَلَقَ** (mencipta), tetapi juga bermaksud **membangunkan, menumbuhkan, membesarkan dan membiakkan**. Allah ﷻ bukan hanya menciptakan manusia, bahkan menumbuhkan mereka sejak kecil, memberi rezeki, dan menjadikan mereka berkembang biak hingga memenuhi bumi. Firman Allah ﷻ:

وَاللَّهُ أَنْبَتَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ نَبَاتًا

“Dan Allah telah menumbuhkan kamu dari tanah dengan sebaik-baiknya.”

(Surah Nūh: 17)

Ayat ini mula-mula ditujukan kepada orang Musyrikin Mekah. Allah ﷻ mengingatkan mereka bahawa kedudukan dan kemajuan mereka di Mekah adalah hasil nikmat Allah, bukan usaha mereka semata-mata.

- Tanah Mekah asalnya gersang.
- Allah ﷻ mengutus Hajar dan Nabi Ismail عليهما السلام, lalu terpancarlah air zamzam.
- Dari sumber itu, Mekah berkembang menjadi tempat tinggal yang ramai, kemudian dibangunkan Ka'bah sebagai pusat ibadah.

Namun mereka kufur nikmat dengan menyekutukan Allah ﷻ.

أَوَلَمْ نُمْكِن لَهُمْ حَرَمًا آمِنًا يُجْبَىٰ إِلَيْهِ ثَمَرَاتُ كُلِّ شَيْءٍ رِّزْقًا مِّن لَّدُنَّا وَلَكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ

“Dan apakah Kami tidak meneguhkan kedudukan mereka pada Tanah Haram yang aman, yang didatangkan ke situ hasil-hasil segala macam (buah-buahan) sebagai rezeki dari sisi Kami? Tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui.”

(Surah al-Qasas: 57)

وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ

Allah ﷻ menyebut pendengaran (السَّمْعَ) dahulu menunjukkan bahawa Dia menjadikan pendengaran sebagai salah satu **nikmat utama** manusia.

- Kepentingan Pendengaran dalam Menuntut Ilmu

Ugama ini diperoleh dengan mendengar. Justeru, pendengaran adalah pintu utama bagi masuknya ilmu. Bahkan, Allah ﷻ sering mendahulukan **penyebutan pendengaran berbanding penglihatan** kerana ia **lebih penting dalam proses memahami ilmu**.

- Perbandingan dengan Deria Penglihatan

Orang yang **cacat penglihatan** masih boleh **menguasai ilmu dan berfikir dengan baik**, berbeza dengan mereka yang cacat pendengaran, kerana banyak maklumat masuk melalui telinga.

- Pendengaran Tidak Pernah Tidur

Antara keistimewaannya, **pendengaran tidak berhenti berfungsi** walaupun ketika tidur. Sebab itu seseorang mudah terjaga apabila terdengar bunyi yang kuat. Allah berfirman tentang Ashab al-Kahf:



فَضَرَبْنَا عَلَى آذَانِهِمْ فِي الْكَهْفِ سِنِينَ عَدَدًا

“Lalu Kami tutup telinga mereka di dalam gua itu, selama bertahun-tahun yang banyak bilangannya.”

(Surah al-Kahf: 11)

الْأَبْصَارَ

Penglihatan juga adalah saluran penting ilmu. Melalui penglihatan, **manusia dapat melihat kebenaran yang ada di hadapan mereka.**

- *Singular vs. Plural*

Allah ﷻ menyebut pendengaran dalam bentuk *mufrad* (*singular*) dan penglihatan dalam bentuk *jamak* (*plural*). Ulama menjelaskan bahawa semua manusia **mendengar perkara yang sama, tetapi pandangan** mereka terhadap sesuatu boleh **berbeza-beza.**

- Kawalan Penglihatan

Berbeza dengan pendengaran, **penglihatan boleh dikawal.** Manusia boleh memilih untuk melihat atau mengalihkan pandangan mereka. Firman Allah ﷻ:

أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَتَكُونَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا أَوْ آذَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى الْأَبْصَارُ وَلَكِن تَعْمَى الْقُلُوبَ الَّتِي فِي الصُّدُورِ

“Maka apakah mereka tidak berjalan di muka bumi, lalu mereka mempunyai hati yang dengan itu mereka dapat memahami, atau telinga yang dengan itu mereka dapat mendengar? Sesungguhnya bukan mata itu yang buta, tetapi yang buta ialah hati yang di dalam dada.”

(Surah al-Hajj: 46)

الْأَفئِدَةَ

Selain pendengaran dan penglihatan, Allah ﷻ menyebut **hati kerana ia adalah pusat pertimbangan dan keputusan.**

3.23.1 Beza antara قَلْبٌ dan فُؤَادٌ

قَلْبٌ merujuk kepada **hati yang hidup, aktif, beremosi dan berfungsi membuat keputusan**, manakala فُؤَادٌ digunakan dalam makna umum. Penggunaan lafaz الْأَفئِدَةَ di sini memberi penekanan bahawa ilmu yang masuk melalui telinga dan mata perlu memberi kesan kepada hati sehingga melahirkan amal.

- Hati sebagai Panduan Perbuatan

Ilmu yang hanya sampai ke akal tetapi tidak menyentuh hati tidak akan memberi kesan kepada perbuatan. Nabi ﷺ bersabda:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

“Ketahuilah, sesungguhnya dalam tubuh manusia ada segumpal daging. Jika ia baik, baiklah seluruh tubuh. Jika ia rosak, rosaklah seluruh tubuh. Ketahuilah, itulah hati.”

(Riwayat Bukhari no. 52, Muslim no. 1599)

Ibn Kathir رَحِمَهُ اللهُ menjelaskan bahawa **الأَبْصَارُ** membawa makna **akal**, manakala **الأَفْئِدَةُ** bermaksud **pemahaman**. Dengan itu, elemen **hati membezakan manusia dengan haiwan** kerana haiwan juga mempunyai pendengaran dan penglihatan, tetapi tidak memiliki pemahaman yang menggerakkan mereka kepada kebenaran.

Allah ﷻ mencela golongan yang tidak menggunakan anugerah ini:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالإِنسِ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ آذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ أُولَئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ

“Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka Jahanam banyak daripada jin dan manusia yang mempunyai hati tetapi tidak digunakan untuk memahami, mempunyai mata tetapi tidak digunakan untuk melihat, mempunyai telinga tetapi tidak digunakan untuk mendengar. Mereka itu seperti binatang ternak, bahkan lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai.”

(Surah al-A'raf: 179)

Allah ﷻ menyebut tiga **nikmat agung** iaitu **pendengaran, penglihatan, dan hati (akal/perasaan)**. Inilah asas yang membezakan manusia daripada makhluk lain, dan dengannya kita mampu menerima ilmu, mengenal kebenaran, dan mendekatkan diri kepada Allah ﷻ. Namun, walaupun nikmat itu besar, Allah ﷻ menegaskan:

قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ

Perkataan قَلِيلًا di sini bukan sekadar “sedikit”, tetapi **“sangat sedikit hingga hampir tiada”**. Ditambah pula dengan kalimah مَّا yang memberi makna *ta'jub* (kehairanan/teruknya keadaan manusia), seolah-olah Allah ﷻ menegur: *“Sudah banyak diberi, tetapi mengapa tidak banyak yang bersyukur?”*



Jika disebut قَلِيلًا تَشْكُرُونَ sudah cukup untuk menggambarkan sedikit, tetapi **penambahan مَا menegaskan betapa parahnya manusia dalam mengabaikan syukur.** Bandingkan pula dengan ungkapan lain dalam al-Qur'an:

وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ

"...tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur."

(Surah al-Baqarah: 243)

Ayat ini menunjukkan **kebanyakan manusia tidak bersyukur,** sedangkan dalam ayat yang kita bincang, **seolah-olah tiada langsung syukur yang layak dikira.**

Bersyukur bukan hanya dengan ucapan "*alhamdulillah*", tetapi dengan **menggunakan nikmat pada tempat yang benar.**

Nikmat telinga: digunakan untuk mendengar al-Qur'an dan ilmu yang bermanfaat, bukan perkara sia-sia.

Nikmat mata: digunakan untuk melihat ayat-ayat Allah ﷻ, bukan untuk maksiat.

Nikmat hati: digunakan untuk memahami dan merenung, bukan lalai daripada kebenaran.

Jika nikmat ini tidak digunakan dengan betul, manusia disamakan dengan binatang, bahkan lebih sesat (rujuk surah al-A'raf: 179)

Ulama membincangkan siapa lebih utama: *orang miskin yang sabar atau orang kaya yang bersyukur?*

Jawapannya adalah **orang kaya yang bersyukur,** kerana ramai orang miskin mampu bersabar, tetapi amat sedikit orang kaya yang benar-benar bersyukur. Allah ﷻ berjanji menambah nikmat kepada mereka yang bersyukur:

لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ

"Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu."

(Surah Ibrahim: 7)



Imam al-Ghazali menyebut bahawa syukur itu merangkumi tiga perkara:

Hati – meyakini semua nikmat datang daripada Allah.

Lidah – memuji Allah dengan ucapan.

Anggota – menggunakan nikmat pada jalan ketaatan.

Rasulullah ﷺ adalah contoh terbaik dalam hal ini. Walaupun baginda telah diampuni dosa, baginda tetap beribadah sehingga kakinya bengkok. Apabila ditanya Aisyah, baginda menjawab:

أَفَلَا أَكُونُ عَبْدًا شَكُورًا

“Tidakkah aku ingin menjadi hamba yang banyak bersyukur?”

(Riwayat Muslim, no. 5046)

Allah ﷻ menegaskan dalam al-Qur’an syukur bermakna taat, dan kufur bermakna ingkar dan tidak taat.:

وَأَشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُوا

“...bersyukurlah kamu kepada-Ku dan janganlah kamu kufur.”

(Surah al-Baqarah: 152)

Allah ﷻ juga mengajar kita untuk berdoa agar sentiasa bersyukur, khususnya apabila mencapai kematangan usia:

رَبِّ أَوْزِعْنِي أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ وِلْدَانِي

“Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmat-Mu yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapaku.”

(Surah al-Ahqaf: 15)

3.24 AYAT 24

قُلْ هُوَ الَّذِي ذَرَأَكُمْ فِي الْأَرْضِ وَإِلَيْهِ تُحْشَرُونَ

“Katakanlah lagi: “Dia lah yang mengembangkan kamu di bumi, dan kepada-Nyalah kamu akan dihimpunkan.”

(Surah al-Mulk: 24)

قُلْ هُوَ الَّذِي ذَرَأَكُمْ فِي الْأَرْضِ

Perkataan ذَرَأَ bermaksud **mengembangbiakkan** makhluk di muka bumi. Dari sinilah **wujudnya istilah zuriat** yang kita gunakan. Manusia seluruhnya berasal daripada Nabi Adam عليه السلام dan Hawa. Kemudian pada zaman Nabi Nuh عليه السلام, Allah ﷻ membinasakan kebanyakan manusia yang kufur, lalu hanya yang beriman bersama baginda di dalam bahtera sahaja yang terselamat. Dari **keturunan merekalah manusia berkembang biak ke seluruh pelosok bumi.**

Seiring dengan perubahan iklim dan persekitaran, **lahirlah pelbagai warna kulit (putih, hitam, kuning, sawo matang serta ratusan bahkan ribuan bahasa)** yang berbeza. Semua ini menunjukkan kekuasaan Allah ﷻ dalam mengatur kehidupan manusia. Allah ﷻ berfirman:

وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافُ أَلْسِنَتِكُمْ وَأَلْوَانِكُمْ

“Dan antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah penciptaan langit dan bumi, juga perbezaan bahasa dan warna kulitmu.”

(Surah ar-Rūm: 22)

Allah ﷻ menegaskan bahawa bumi ini adalah tempat ujian, bukan sekadar tempat tinggal. Firman-Nya:

إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى الْأَرْضِ زِينَةً لَهَا لِنَبْلُوهُمْ أَيُّهُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا

“Sesungguhnya Kami jadikan apa yang ada di muka bumi sebagai perhiasan baginya, untuk Kami menguji mereka: siapakah di antara mereka yang lebih baik amalnya.”

(Surah al-Kahf: 7)

Ibn Kathir menjelaskan bahawa maksud “أَحْسَنُ عَمَلًا” ialah amalan yang paling ikhlas kerana Allah dan paling tepat mengikuti sunnah Rasulullah ﷺ.

وَالِيهِ تُحْشَرُونَ

Perkataan تُحْشَرُونَ digunakan di sini kerana ia membawa maksud **dikumpulkan seperti binatang ternak**. Ini isyarat keras kepada orang kafir yang mendustakan hari kebangkitan; mereka akan dikumpulkan dengan hina, tidak mampu melarikan diri.

Struktur ayat juga menekankan perkataan إِلَيْهِ (kepada-Nya), mendahulukannya daripada biasa (تُحْشَرُونَ إِلَيْهِ) **sebagai penegasan bahawa tidak ada tempat kembali selain kepada Allah ﷻ**. Firman-Nya lagi:

ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

"Kemudian Dia mematikan kamu, lalu menghidupkan kamu semula, kemudian kepada-Nyalah kamu dikembalikan."

(Surah al-Baqarah: 28)

Walaupun ayat ini asalnya ditujukan kepada kaum kafir Quraisy yang menolak kebangkitan, ia juga merupakan **peringatan besar kepada umat Islam**. Ramai yang mengaku beriman kepada akhirat, tetapi cara hidup mereka seolah-olah tidak percaya akan adanya perhitungan. Kita sering lalai daripada membuat persediaan untuk hari perhimpunan itu. Allah ﷻ juga mengingatkan dalam al-Qur'an:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah, dan hendaklah setiap diri melihat apa yang telah dia sediakan untuk hari esok (akhirat); dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan."

(Surah al-Hashr: 18)

3.25 AYAT 25

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَذَا الْوَعْدِ ۖ إِن كُنتُمْ صَادِقِينَ

“Katakanlah lagi: “Dia lah yang mengembangkan kamu di bumi, dan kepada-Nyalah kamu akan dihimpunkan.”

(Surah Al-Mulk: 25)

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَذَا الْوَعْدِ

Soalan ini adalah **ejekan kaum Musyrikin**. Orang-orang kafir Mekah sering bertanya dengan nada mengejek: *“Bila azab yang kamu janjikan itu akan berlaku?”* Soalan ini bukanlah permintaan ikhlas untuk tahu kebenaran, tetapi ejekan dan penghinaan terhadap Nabi ﷺ dan para sahabat. Allah gambarkan perkara sama dalam al-Quran:

وَضَرَبَ لَنَا مَثَلًا وَنَسِيَ خَلْقَهُ ۖ قَالَ مَنْ يُحْيِي الْعِظَامَ وَهِيَ رَمِيمٌ

“Dan dia mengemukakan satu misalan kepada Kami, sedang dia melupakan kejadiannya; lalu dia berkata: Siapakah yang dapat menghidupkan tulang yang telah hancur luluh?”

(Surah Yasin : 78)

Makna Perkataan "الْوَعْدُ":

- **الْوَعْدُ** biasanya bermaksud **janji kebaikan**.
- **الْوَعِيدُ** pula bermaksud **janji ancaman**.

Namun, dalam ayat ini Allah menggunakan lafaz **الْوَعْدُ** (janji baik) untuk merujuk azab, **seakan-akan sindiran buat mereka**. Apa yang mereka **sangka** sebagai **“janji baik”** akhirnya menjadi **kebinasaan** bagi mereka.

Sebahagian mufassir menjelaskan, yang mereka maksudkan dengan “janji” itu ialah sama ada:

- janji kemenangan Islam, atau
- janji azab di dunia dan akhirat.

Ini sama seperti orang yang tiada hujah lalu menggunakan logik dangkal. Allah ﷻ telah mengingatkan tentang sikap seperti ini:

وَيَسْتَعْجِلُونَكَ بِالْعَذَابِ وَلَنْ يُخْلِفَ اللَّهُ وَعْدَهُ

“Dan mereka meminta kepadamu supaya segera didatangkan azab, padahal Allah sekali-kali tidak akan memungkirkan janji-Nya.”

(Surah al-Hajj: 47)

Surah Al-Mulk

Kalimah **يَقُولُونَ** (mereka berkata) berbentuk *fi'il mudhari'*, menunjukkan perbuatan berulang (**dulu kaum kafir Quraisy bertanya, sekarang pun ada manusia bertanya, pada masa depan pun akan ada yang mengulanginya**).

Inilah **sunnatullah** pada orang yang ingkar, mereka akan terus memperlekeh janji Allah.

إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

Perkataan **كُنْتُمْ** ("kamu semua") menunjukkan sindiran/ejekan mereka **bukan hanya kepada azab Nabi ﷺ, tetapi juga para sahabat**. Mereka cuba menafikan kebenaran dakwah Nabi ﷺ.

Padahal, Nabi ﷺ terkenal sebagai **al-Amīn (yang amanah)** sejak sebelum kenabian. Bahkan, mereka sendiri menyerahkan amanah kepada baginda. Maka tidak logik untuk baginda menipu dalam urusan sebesar ini.

Sikap memperlekeh janji Allah ini, menunjukkan **salah satu tanda kiamat**. Manusia semakin memperlekeh kebenaran dan lalai terhadap janji Allah. Rasulullah ﷺ bersabda:

«لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يُقْبَضَ الْعِلْمُ، وَتَكْثُرَ الزَّلَازِلُ، وَيَتَقَارَبَ الزَّمَانُ، وَتَظْهَرَ الْفِتْنُ، وَيَكْثُرَ الْهَرْجُ»
«قِيلَ: وَمَا الْهَرْجُ؟ قَالَ: «الْقَتْلُ الْقَتْلُ»
«وَحَتَّى يَكْثُرَ فِيكُمْ الْمَالُ فِيْفَيْضٍ»

"Kiamat tidak akan berlaku sehinggalah ilmu agama dicabut (dengan wafatnya para ulama), dan gempa bumi banyak berlaku, dan masa terasa semakin singkat, dan fitnah berleluasa, serta banyaknya berlaku al-harj (iaitu pembunuhan)."

Para sahabat bertanya: "Apakah al-harj itu?" Baginda menjawab:

"Pembunuhan, pembunuhan."

Baginda menambah: "Dan sehingga harta menjadi banyak di kalangan kamu, lalu ia melimpah-ruah."

(Riwayat al-Bukhārī no. 1036, 7061, Muslim no. 2902)

Ibn al-Qayyim menyebut dalam *al-Fawā'id*:

"Orang yang mendustakan janji Allah sebenarnya menipu dirinya sendiri, kerana janji Allah itu pasti berlaku, sama ada cepat atau lambat."

3.26 AYAT 26

قُلْ إِنَّمَا الْعِلْمُ عِنْدَ اللَّهِ وَإِنَّمَا أَنَا نَذِيرٌ مُّبِينٌ

Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya ilmu pengetahuan (tentang masa kedatangannya) hanya ada pada sisi Allah, dan sesungguhnya aku hanyalah seorang Rasul pemberi ingatan dan amaran yang terang nyata".

(Surah Al-Mulk: 26)

قُلْ إِنَّمَا الْعِلْمُ عِنْدَ اللَّهِ

Allah ﷻ memerintahkan Nabi ﷺ supaya **menjawab pertanyaan orang kafir** yang mengejek tentang azab dan hari kiamat. Jawabannya jelas. Ini menunjukkan bahawa **tidak seorang pun, termasuk Nabi ﷺ, mengetahui** bilakah azab atau kiamat itu berlaku. Hadith Jibril yang masyhur:

«قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ السَّاعَةِ، قَالَ: «مَا الْمَسْئُولُ عَنْهَا بِأَعْلَمَ مِنَ السَّائِلِ»

Orang itu (Jibril) bertanya: "Beritahukan kepadaku tentang kiamat."

Nabi ﷺ menjawab: "Orang yang ditanya tidak lebih tahu daripada orang yang bertanya."

(Riwayat Muslim, no. 8)

Ayat ini mengajar kita:

- Jika tidak tahu, **katakan "tidak tahu"**. Jangan mereka-reka jawapan.
- **Ilmu sebenar hanya milik Allah**. Manusia hanya tahu apa yang Allah izinkan.

Atsar Ibn Mas'ud رضي الله عنه

عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: يَا أَيُّهَا النَّاسُ، مَنْ عِلِمَ شَيْئًا فليقل به، ومن لم يعلم فليقل: الله أعلم، فإن من العلم أن يقول لما لا يعلم: الله أعلم

"Wahai manusia, sesiapa yang tahu hendaklah dia berkata, dan sesiapa yang tidak tahu, katakanlah: 'Allah lebih mengetahui.'"

Sesungguhnya sebahagian daripada ilmu ialah apabila seseorang berkata tentang perkara yang dia tidak tahu: 'Allah lebih mengetahui.'"

Penggunaan **إِنَّمَا** menunjukkan penafian mutlak:

- **Hanya Allah** ﷻ sahaja yang tahu bila kiamat berlaku.
- **Tidak ada sesiapa pun selain-Nya** yang mengetahuinya.

يَسْأَلُكَ النَّاسُ عَنِ السَّاعَةِ ^ط قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ اللَّهِ

“Mereka bertanya kepadamu tentang kiamat. Katakanlah: Sesungguhnya pengetahuan tentangnya hanyalah di sisi Allah.”
(Surah al-Ahzab: 63)

Manusia sering bertanya *“bila kiamat?”*, sedangkan yang **lebih penting** ialah *“Apa **persediaan kita** untuk menghadapinya?”*. Hadith Anas bin Malik رضي الله عنه:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ:
بَيْنَمَا نَحْنُ جُلُوسٌ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ إِذْ قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَتَى السَّاعَةُ؟ قَالَ: مَاذَا أَعَدَدْتَ لَهَا؟
قَالَ: لَا شَيْءَ، إِلَّا أَنِّي أَحِبُّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ. فَقَالَ: أَنْتَ مَعَ مَنْ أَحَبَبْتَ

“Ketika kami duduk bersama Rasulullah ﷺ, seorang lelaki berkata: ‘Wahai Rasulullah, bilakah kiamat?’ Baginda bersabda: ‘Apa yang telah engkau siapkan untuknya?’ Lelaki itu menjawab: ‘Aku tidak menyiapkan apa-apa, hanya aku mencintai Allah dan Rasul-Nya.’ Maka Baginda bersabda: ‘Engkau akan bersama orang yang engkau cintai.’”

(Riwayat Muslim, no. 4777)

Walaupun tarikh sebenar tidak diketahui, Nabi ﷺ mengingatkan bahawa kiamat sangat hampir:

«بُعِثْتُ أَنَا وَالسَّاعَةُ كَهَاتَيْنِ»

“Aku diutuskan bersama Kiamat seperti dua jari ini.”
Baginda merapatkan jari telunjuk dan jari tengah.

(Riwayat al-Bukhari, no. 6022)

Doa daripada Nabi ﷺ yang **mengajar kita agar tidak mencari ilmu ghaib yang tidak perlu**, tetapi fokus kepada ilmu yang bermanfaat untuk kehidupan dunia dan akhirat.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا، وَرِزْقًا طَيِّبًا، وَعَمَلًا مُتَقَبَّلًا

“Ya Allah, aku memohon kepada-Mu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang baik, dan amalan yang diterima.”

(Riwayat Ibn Mājah, no. 925 – sahih)

وَإِنَّمَا أَنَا نَذِيرٌ مُّبِينٌ

Ayat ini menegaskan bahawa **tugas utama Nabi Muhammad ﷺ** hanyalah **menyampaikan wahyu** dengan jelas, tanpa menambah atau mengurangnya.

Kalimah **إِنَّمَا** menekankan peranan baginda sebagai **pemberi peringatan (نَذِيرٌ)**, bukan pencipta hukum atau penentu balasan.

إِن أَنَا إِلَّا نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

“Aku tidak lain hanyalah pemberi amaran bagi orang-orang yang ingkar dan pembawa berita gembira bagi kaum yang beriman.”

(Surah al-A'rāf: 188)

Nabi ﷺ memberi **amaran dengan kasih sayang** agar umat tidak lalai dan terjerumus dalam azab Allah ﷻ. Namun dakwah tidak hanya ancaman, tetapi seimbang dengan berita gembira supaya manusia takut dan cinta kepada Allah. Allah ﷻ berfirman:

وَمَا عَلَيْنَا إِلَّا الْبَلَاغُ الْمُبِينُ

“Dan kewajiban kami hanyalah menyampaikan dengan jelas.”

(Surah Yā-Sīn: 17)

Nabi ﷺ bukan sahaja memberi amaran, tetapi juga **menjelaskan agama dengan sempurna tanpa ada yang tertinggal**. Baginda bersabda:

«...تَرَكْتُكُمْ عَلَى الْبَيْضَاءِ لَيْلَهَا كَنَهَارَهَا»

“Aku tinggalkan kamu di atas jalan yang putih bersih, malamnya seperti siangnya. Tidak ada yang menyimpang daripadanya selepas aku melainkan binasa.”

(Riwayat Ibn Mājah, no. 43)

Nabi ﷺ berkata: *“Aku hanyalah pemberi peringatan.”* Baginda **tidak meninggikan diri** dan **merendah diri**, kerana hidayah dan balasan ditentukan oleh Allah ﷻ.

إِن عَلَيْكَ إِلَّا الْبَلَاغُ

“Tidak ada kewajiban ke atasmu (wahai Muhammad) melainkan menyampaikan.”

(Surah al-Syūrā: 48)

3.27 AYAT 27

فَلَمَّا رَأَوْهُ زُلْفَةً سَيِّئَتْ وُجُوهُ الَّذِينَ كَفَرُوا وَقِيلَ هَذَا الَّذِي كُنْتُمْ بِهِ تَدْعُونَ

Kemudian apabila (datang kiamat dan) mereka melihat (azab) yang dijanjikan itu secara dekat, muramlah muka orang-orang yang kafir itu, serta dikatakan (kepada mereka): “Inilah dia yang dahulu kamu kerap kali minta disegerakan kedatangannya!”.

(Surah al-Mulk: 27)

فَلَمَّا رَأَوْهُ زُلْفَةً

Perkataan رَأَوْهُ (telah melihat) digunakan dalam bentuk *past tense*, walaupun peristiwa ini akan berlaku pada masa hadapan. Ini adalah gaya bahasa Arab untuk menunjukkan bahawa ia **pasti berlaku**. Allah ﷻ menegaskan:

إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ

“Sesungguhnya janji Allah itu benar.”

(Surah Luqmān: 33)

Perkataan زُلْفَةً bermaksud **sesuatu yang semakin dekat**. Ia memberi gambaran bahawa azab akhirat akan datang secara berperingkat, dari alam kubur hingga ke neraka. Setiap fasa adalah janji Allah ﷻ yang pasti berlaku. Mereka yang dahulu mendustakan kebenaran akan menyaksikannya satu persatu, tanpa mampu lari. Rasulullah ﷺ bersabda:

«الْقَبْرِ أَوْلُ مَنَازِلِ الْآخِرَةِ»

“Sesungguhnya kubur adalah permulaan daripada perjalanan akhirat.”

(Riwayat at-Tirmidzi, no. 2308 – sahih)

Apabila semua janji Allah ﷻ terbukti, barulah mereka menyesal. Namun penyesalan itu sia-sia, kerana pintu taubat sudah tertutup.

حَتَّىٰ إِذَا جَاءَ أَحَدَهُمُ الْمَوْتُ قَالَ يُدِّبُ أَرْجَعُونِ • لَعَلِّي أَعْمَلُ صَالِحًا فِيمَا تَرَكْتُ كَلَّا إِنَّهَا كَلِمَةٌ هُوَ قَائِلُهَا وَمِنْ وَرَائِهِمْ بَرْزَخٌ إِلَىٰ يَوْمِ يُبْعَثُونَ

“Apabila datang kematian kepada salah seorang antara mereka, dia berkata: ‘Ya Tuhanku, kembalikanlah aku (ke dunia), agar aku dapat beramal soleh terhadap yang telah aku tinggalkan.’ Sekali-kali tidak! Sesungguhnya itu hanyalah perkataan yang dia ucapkan sahaja. Di hadapan mereka ada barzakh hingga hari mereka dibangkitkan.”

(Surah al-Mu’minūn: 99–100)



سَيِّئَتْ وُجُوهُ الَّذِينَ كَفَرُوا

Perkataan سَيِّئَتْ bermaksud **menjadi jelek, hodoh, hilang seri**. Wajah mereka berubah kerana terlalu takut dengan azab yang menanti. Dari saat mereka mati lagi wajah mereka sudah muram, kerana mereka mula melihat kebenaran yang selama ini mereka dustakan. Allah ﷻ berfirman:

وَبَدَأَ لَهُمْ سَيِّئَاتُ مَا كَسَبُوا وَحَاقَ بِهِمْ مَا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ

“Dan nyata bagi mereka akibat buruk daripada apa yang mereka telah lakukan, dan mereka diliputi oleh azab yang dahulu mereka perolok-olokkan.”

(Surah az-Zumar: 48)

Para *mufassir* menggambarkan wajah mereka seperti orang yang dibawa ke tali gantung (pucat, suram, ketakutan, dan hilang seri).

Ibn Kathīr rahimahullāh berkata:

“Wajah mereka menjadi hitam dan muram, kerana menyedari bahawa kebinasaan menanti.”

(Tafsīr Ibn Kathīr, 6/320)

Allah ﷻ menggambarkan keadaan wajah manusia di akhirat:

وَجُوهٌ يَوْمَئِذٍ مُّسْفِرَةٌ ضَاحِكَةٌ مُّسْتَبْشِرَةٌ • وَوُجُوهُ يُومِئِدٌ عَلَيْهَا غُبْرَةٌ تَرْهَقُهَا قَتَرَةٌ

“Pada hari itu, ada wajah yang berseri-seri, tertawa lagi gembira. Dan ada pula wajah yang pada hari itu diliputi debu, dan ditutupi oleh kegelapan.”

(Surah ‘Abasa: 38-41)

وَقِيلَ

Kata-kata ini **ditujukan kepada orang kafir**. Ada ulama mengatakan ia diucapkan oleh **Malaikat Zabaniyah** (penjaga neraka). Namun **Al-Qur’an tidak menyebut secara jelas siapa** yang berkata, kerana yang penting bukan siapa yang berkata, tetapi **mesej yang menusuk hati** itu. Ia menjadi sebahagian daripada azab emosi di samping azab fizikal, menambah kesakitan mereka di akhirat.

هَذَا الَّذِي كُنْتُمْ بِهِ تَدْعُونَ

Mereka dahulu selalu mengejek para Nabi dan para pendakwah:
"Mana dia azab yang kau janjikan itu? Bila datangnya kiamat?"

وَإِذْ قَالُوا اللَّهُمَّ إِنْ كَانَ هَذَا هُوَ الْحَقُّ مِنْ عِنْدِكَ فَأَمْطِرْ عَلَيْنَا حِجَارَةً مِّنَ السَّمَاءِ أَوْ ائْتِنَا بِعَذَابٍ أَلِيمٍ
"Dan (ingatlah) ketika mereka berkata: 'Ya Allah! Jika (agama Islam) ini benar daripada sisi-Mu, maka hujanilah kami dengan batu dari langit, atau datangkanlah kepada kami azab yang pedih.'"

(Surah al-Anfāl: 32)

Perkataan تَدْعُونَ dengan **shaddah** menunjukkan ejekan itu dilakukan **berulang kali dengan nada keras dan sombong**. Kini azab yang mereka perolok-olokkan itu benar-benar hadir di depan mata mereka.

وَيَسْتَعْجِلُونَكَ بِالْعَذَابِ وَلَوْ لَّا أَجَلٌ مُّسَمًّى لَّجَاءَهُمُ الْعَذَابُ

"Mereka meminta kepadamu (wahai Muhammad) agar disegerakan azab. Kalau tidak kerana tempoh yang telah ditetapkan, pasti azab itu datang kepada mereka."

(Surah al-'Ankabūt: 53)

Bahkan sabda Nabi ﷺ ini menegaskan bahawa **perkataan yang dilontarkan tanpa iman dan adab** boleh menjadi sebab manusia terhumban ke neraka.

«إِنَّ الْعَبْدَ لَيَتَكَلَّمُ بِالْكَلِمَةِ مِنْ سَخَطِ اللَّهِ لَا يُلْقِي لَهَا بَالًا يَهْوِي بِهَا فِي جَهَنَّمَ»

"Sesungguhnya seseorang itu boleh bercakap dengan satu kalimah yang dimurkai Allah, tanpa dia peduli, tetapi dengannya dia akan terjerumus jauh ke dalam neraka."

(Riwayat al-Bukhārī, no. 6478)

3.28 AYAT 28

قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَهْلَكَنِیَ اللَّهُ وَمَنْ مَعِيَ أَوْ رَحِمَنَا فَمَنْ یُجِیرُ الْکَافِرِینَ مِنْ عَذَابِ أَلِیمٍ

“Tanyalah (wahai Muhammad, kepada mereka): “Bagaimana fikiran kamu, jika Allah binasakan daku dan orang-orang yang bersama-sama denganku (sebagaimana yang kamu harap-harapkan), atau Dia memberi rahmat kepada kami, – maka siapakah yang dapat melindungi orang-orang yang kafir daripada azab seksa yang tidak terperi sakitnya?”.

(Surah Al-Mulk: 28)

قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَهْلَكَنِیَ اللَّهُ

Perkataan *أَرَأَيْتُمْ* bermaksud “Tidakkah kamu fikirkan?”. Allah ﷻ **mengajak mereka berfikir** menggunakan akal.

Maksud *أَهْلَكَنِیَ* ialah “mematikan aku”. Orang Quraisy sering mengharap Nabi ﷺ mati agar dakwahnya berakhir. Namun Allah ﷻ menegaskan bahawa **kuasa mematikan hanyalah miliknya**. Sebab itu ayat tidak menyebut *إِنْ قَتَلْتُمُونِي* (jika kamu membunuhku), tetapi *إِنْ أَهْلَكَنِیَ اللَّهُ*, kerana kematian hanya di tangan Allah ﷻ.

وَمَنْ مَعِيَ

Mereka ialah **para sahabat رضي الله عنهم** yang turut menyampaikan dakwah. Quraisy juga memusuhi sahabat kerana mereka menyeru kepada tauhid.

أَوْ رَحِمَنَا

“Rahmat” di sini bermaksud **kehidupan**. Hidup adalah nikmat besar daripada Allah ﷻ. Sebab itu Allah **melarang membunuh diri atau orang lain tanpa hak**:

وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ

“Dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah kecuali dengan alasan yang benar.”

(Surah al-Isrā': 33)

Rasulullah ﷺ juga memberi ancaman keras terhadap perbuatan bunuh diri:

مَنْ قَتَلَ نَفْسَهُ بِحَدِيدَةٍ، فَحَدِيدَتُهُ فِي يَدِهِ يَتَوَجَّأُ بِهَا فِي بَطْنِهِ فِي نَارِ جَهَنَّمَ خَالِدًا مُخَلَّدًا فِيهَا أَبَدًا، وَمَنْ قَتَلَ نَفْسَهُ بِسِمْ فَسَمُهُ فِي يَدِهِ يَتَحْسَاهُ فِي نَارِ جَهَنَّمَ خَالِدًا مُخَلَّدًا فِيهَا أَبَدًا، وَمَنْ تَرَدَّى مِنْ جَبَلٍ فَقَتَلَ نَفْسَهُ، فَهُوَ يَتَرَدَّى فِي نَارِ جَهَنَّمَ خَالِدًا مُخَلَّدًا فِيهَا أَبَدًا

“Sesiapa yang membunuh diri dengan besi, maka di neraka jahanam nanti besi itu selalu di tangannya, dia menusuk-nusukkannya ke perutnya selama-lamanya. Dan barangsiapa bunuh diri dengan meminum racun, maka di neraka jahanam nanti dia akan terus meminumnya selama-lamanya. Dan barangsiapa bunuh diri dengan menjatuhkan diri dari gunung, maka di neraka jahanam nanti, dia akan menjatuhkan (dirinya) selama-lamanya.”

(Riwayat Muslim, no. 109)

Selagi kita hidup, selagi itu rahmat Allah ﷻ terbuka. Umur panjang memberi peluang menambah amal soleh. Rasulullah ﷺ bersabda:

«خَيْرُ النَّاسِ مَنْ طَالَ عَمْرُهُ وَحَسَنَ عَمَلُهُ، وَشَرُّ النَّاسِ مَنْ طَالَ عَمْرُهُ وَسَاءَ عَمَلُهُ»

“Manusia yang terbaik ialah yang panjang umurnya dan baik amalnya. Dan manusia yang paling buruk ialah yang panjang umurnya tetapi buruk amalnya.”

(Riwayat Tirmidzi, Ahmad, al-Hakim – sahih menurut al-Albani)

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ شَدَّادٍ، أَنَّ نَفَرًا مِنْ بَنِي عُذْرَةَ ثَلَاثَةٌ أَتَوْا النَّبِيَّ ﷺ فَأَسْلَمُوا، فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: «مَنْ يَكْفِينِيهِمْ؟» فَقَالَ طَلْحَةُ: أَنَا. فَكَانُوا عِنْدَ طَلْحَةَ. فَبَعَثَ النَّبِيُّ ﷺ بَعْثًا، فَخَرَجَ فِيهِ أَحَدُهُمْ فَاسْتَشْهَدَ، ثُمَّ بَعَثَ بَعْثًا فَخَرَجَ فِيهِ آخَرُ فَاسْتَشْهَدَ، ثُمَّ مَاتَ الثَّلَاثُ عَلَى فِرَاشِهِ. قَالَ طَلْحَةُ: فَرَأَيْتَ هَؤُلَاءِ الثَّلَاثَةَ الَّذِينَ كَانُوا عِنْدِي فِي الْجَنَّةِ، فَرَأَيْتَ الْمَيِّتَ عَلَى فِرَاشِهِ أَمَامَهُمْ، وَرَأَيْتُ الَّذِي اسْتَشْهَدَ آخِرًا يَلِيهِ، وَرَأَيْتُ الَّذِي اسْتَشْهَدَ أَوَّلَهُمْ آخِرَهُمْ. فَدَخَلَنِي مِنْ ذَلِكَ، فَأَتَيْتُ النَّبِيَّ ﷺ فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لَهُ، فَقَالَ: «وَمَا أَنْكَرْتَ مِنْ ذَلِكَ؟ لَيْسَ أَحَدٌ أَفْضَلَ عِنْدَ اللَّهِ مِنْ مُؤْمِنٍ يَعْمُرُ فِي الْإِسْلَامِ لِتَسْبِيحِهِ وَتَكْبِيرِهِ وَتَهْلِيلِهِ»

Daripada Abdullah bin Syaddad, bahawa tiga orang dari Bani ‘Udzrah datang menemui Nabi ﷺ lalu mereka masuk Islam. Nabi ﷺ bersabda: Siapakah yang mahu menanggung mereka? Maka Thalhaf berkata:

“Aku.” Lalu mereka tinggal bersamanya. Kemudian Nabi ﷺ mengutuskan satu pasukan, lalu salah seorang daripada mereka ikut serta dan mati syahid. Selepas itu baginda mengutuskan pasukan lain, lalu seorang lagi daripada mereka ikut serta dan mati syahid.

Akhirnya yang ketiga meninggal dunia di atas tempat tidurnya.

Thalhah berkata: “Aku bermimpi melihat mereka bertiga berada di syurga. Aku melihat orang yang mati di atas tempat tidurnya berada di depan mereka, kemudian yang mati syahid terakhir mengikutinya, dan yang mati syahid pertama berada paling belakang. Hal itu menimbulkan persoalan dalam hatiku, lalu aku menceritakan kepada

Nabi ﷺ. Baginda ﷺ bersabda:



“Apa yang membuatmu hairan tentang hal itu? Tidak ada seorang pun yang lebih utama di sisi Allah daripada seorang mukmin yang dipanjangkan umurnya dalam Islam, kerana tasbihnya, takbirnya, dan tahlilnya.”

(Riwayat Ahmad dan Abu Ya’la – disahihkan oleh al-Albani)

Saidina Ali رضي الله عنه juga berkata:

«مَوْتُ الْإِنْسَانِ بَعْدَ أَنْ كَبَرَ وَعَرَفَ رَبَّهُ خَيْرٌ مِنْ مَوْتِهِ طِفْلاً بِلَا حِسَابٍ فِي الْآخِرَةِ»

“Kematian seseorang setelah panjang usianya dalam keadaan mengenal Tuhannya adalah lebih baik daripada kematian kanak-kanak kecil walaupun masuk syurga tanpa hisab.”

(al-Tibi, Syarh al-Mishkah)

فَمَنْ يُجِيرُ الْكَافِرِينَ مِنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ

Ayat ini **menyindir kaum Musyrikin Mekah** yang menyangka kematian Nabi ﷺ dan para sahabat akan menghentikan dakwah. Hakikatnya, wafatnya Nabi ﷺ **tidak menyelamatkan mereka daripada azab**, kerana para nabi hanyalah penyampai risalah, bukan pemberi keselamatan atau hidayah.

إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ

“Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) tidak dapat memberi hidayah kepada orang yang engkau kasihi, tetapi Allah memberi hidayah kepada siapa yang Dia kehendaki.”

(Surah al-Qaṣaṣ: 56)

Dalam ayat ini terdapat **iltifāt** (peralihan gaya bahasa), dari *khitab* (pihak kedua) kepada ghaib (pihak ketiga) dengan lafaz الْكَافِرِينَ, menunjukkan **betapa jijik dan hinanya kedegilan mereka** sehingga Nabi ﷺ **berpaling daripada berbicara** dengan mereka.

Lafaz الْكَافِرِينَ digunakan secara khusus untuk **golongan yang menentang Islam dengan keras**, bukan sekadar orang yang bukan Islam secara umum.

Tidak ada sesiapa mampu menyelamatkan orang kafir daripada azab Allah walaupun melalui **keturunan, hubungan darah, atau sekadar bergantung pada tokoh agama**. Yang menyelamatkan hanyalah iman dan amal soleh. Contohnya:

قَالَ يَا نُوحُ إِنَّهُ لَيْسَ مِنْ أَهْلِكَ إِنَّهُ عَمَلٌ غَيْرُ صَالِحٍ فَلَا تَسْأَلْنِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنِّي أَعِظُكَ أَنْ تَكُونَ
مِنَ الْجَاهِلِينَ

Allah berfirman: "Wahai Nūḥ! Sesungguhnya dia bukanlah dari keluargamu (yang dijanjikan selamat), sesungguhnya perbuatannya tidak baik. Maka janganlah engkau memohon kepada-Ku sesuatu yang engkau tidak mengetahui hakikatnya. Sesungguhnya Aku menasihatimu supaya engkau jangan menjadi dari orang yang jahil."
(Surah Hūd: 46)

وَمَا كَانَ اسْتِغْفَارُ إِبْرَاهِيمَ لِأَبِيهِ إِلَّا عَنْ مَوْعِدَةٍ وَعَدَّهَا إِيَّاهُ فَلَمَّا تَبَيَّنَ لَهُ أَنَّهُ عَدُوٌّ لِلَّهِ تَبَرَّأَ مِنْهُ إِنَّ إِبْرَاهِيمَ
لَأَوَّاهٌ حَلِيمٌ

"Dan permintaan ampun dari Ibrāhīm untuk bapanya itu tidak lain hanyalah kerana suatu janji yang telah diikrarkannya kepada bapanya. Maka setelah jelas kepadanya bahawa bapanya adalah musuh Allah, ia pun berlepas diri daripadanya. Sesungguhnya Ibrāhīm seorang yang lembut hati lagi penyabar."
(Surah at-Tawbah: 114)

عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيْبِ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ: لَمَّا حَضَرَتْ أَبَا طَالِبٍ الْوَفَاةُ جَاءَهُ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ فَوَجَدَ عِنْدَهُ
أَبَا جَهْلٍ وَعَبْدَ اللَّهِ بْنَ أَبِي أُمِيَةَ بْنِ الْمُغِيرَةِ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «يَا عَمَّ قُل: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ كَلِمَةً أَحَاجُ
لَكَ بِهَا عِنْدَ اللَّهِ» فَقَالَ أَبُو جَهْلٍ وَعَبْدُ اللَّهِ بْنُ أُمِيَةَ: أترغب عن ملة عبد المطلب؟ فلم يزل رسول الله
ﷺ يعرضها عليه، ويعيدانه بتلك المقالة، حتى كان آخر ما قال: هو على ملة عبد المطلب، وأبى أن
يقول: لا إله إلا الله، فقال رسول الله ﷺ: «والله لأستغفرن لك ما لم أنه عنك» فأنزل الله عز وجل:
﴿مَا كَانَ لِلنَّبِيِّ وَالَّذِينَ آمَنُوا أَنْ يَسْتَغْفِرُوا لِلْمُشْرِكِينَ وَلَوْ كَانُوا أُولِي قُرْبَىٰ﴾ (التوبة: 113)

"Daripada Sa'īd bin al-Musayyib, daripada bapanya, beliau berkata: Ketika Abu Ṭālib hampir wafat, Rasulullah ﷺ datang kepadanya, dan ketika itu Abu Jahl serta 'Abdullāh bin Abī Umayyah turut hadir.

Rasulullah ﷺ bersabda: "Wahai bapa saudaraku! Ucapkanlah: Lā ilāha illā Allāh, satu kalimah yang aku akan jadikan hujah untukmu di sisi Allah." Namun Abu Jahl dan 'Abdullāh bin Abī Umayyah berkata: "Apakah engkau benci kepada agama 'Abdul-Muṭṭalib?" Mereka terus memujuknya dengan kata-kata itu, sedangkan Rasulullah ﷺ tetap mengulang-ulangnya. Hingga akhirnya Abu Ṭālib berkata: "Dia tetap di atas agama 'Abdul-Muṭṭalib." Maka dia enggan mengucapkan: Lā ilāha illā Allāh. Rasulullah ﷺ pun bersabda: "**Demi Allah, aku akan tetap memohon ampun untukmu selama aku tidak dilarang.**"

Lalu Allah menurunkan ayat:

"Tidaklah sepatutnya bagi Nabi dan orang-orang beriman memohon ampun bagi orang-orang musyrik, sekalipun mereka kaum kerabat." (at-Tawbah: 113)

(Riwayat Muslim, no. 36)



«يَا فَاطِمَةُ بِنْتُ مُحَمَّدٍ سَلِّينِي مَا شِئْتِ مِنْ مَالِي، لَا أُغْنِي عَنْكَ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا»

“Wahai Fāṭimah binti Muhammad! Mintalah apa sahaja daripadaku (di dunia ini) tentang hartaku, tetapi aku tidak dapat menyelamatkanmu sedikit pun daripada (azab) Allah.”
(Riwayat al-Bukhārī, no. 4771, Muslim, no. 204)

Ayat ini menegaskan bahawa azab Allah ﷻ pasti menimpa orang kafir, dan tiada siapa pun yang dapat menyelamatkan mereka. Keselamatan hanya dengan **iman, amal soleh, taubat, serta berpegang kepada ajaran al-Qur’an dan Sunnah.** Allah ﷻ berfirman:

يَوْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ • إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ

“Pada hari (kiamat) harta dan anak-anak tidak berguna, kecuali orang yang datang kepada Allah dengan hati yang sejahtera.”
(Surah as-Shu‘arā’: 88–89)

3.29 AYAT 29

قُلْ هُوَ الرَّحْمَنُ ءَامَنَّا بِهِ وَعَلَيْهِ تَوَكَّلْنَا فَسَتَعْلَمُونَ مَنْ هُوَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ط

“Tegaskan (wahai Muhammad, kepada mereka): “Allah, Dia lah Yang Maha Pemurah, yang kami beriman kepada-Nya, dan yang kepada-Nya kami berserah diri; oleh itu kamu akan mengetahui kelak siapakah yang berada dalam kesesatan yang nyata”.

(Surah al-Mulk: 29)

قُلْ هُوَ الرَّحْمَنُ ءَامَنَّا بِهِ وَعَلَيْهِ تَوَكَّلْنَا

Ayat ini datang sebagai **jawapan daripada Nabi ﷺ** kepada kaum musyrikin yang menolak hujah tentang Allah ﷻ. Rasulullah ﷺ menyatakan bahawa hanya Allah ﷻ yang layak disembah.

Dalam surah al-Mulk, **nama Ar-Rahmān** diulang beberapa kali (ayat 3, 19, 20, dan 29). Walaupun surah ini banyak menyebut azab dan neraka, Allah ﷻ menegaskan bahawa **azab itu juga tanda rahmat-Nya**. Kata **Imam al-Qurṭubī**:

“Penyebutan ancaman dalam al-Qur’an adalah sebahagian daripada rahmat Allah kepada hamba-Nya, kerana jika tidak diperingatkan, mereka akan terus lalai lalu binasa.”

Susunan ayat juga memberi **penekanan beriman kepada-Nya** kemudian **bertawakkal hanya kepada-Nya**:

- ءَامَنَّا بِهِ → kami beriman kepada Allah ﷻ, termasuk beriman dengan malaikat, kitab dan para nabi.
- وَعَلَيْهِ تَوَكَّلْنَا → hanya kepada Allah ﷻ tempat bergantung.

فَاعْبُدْهُ وَتَوَكَّلْ عَلَيْهِ

Maka sembahlah Dia, dan bertawakallah kepada-Nya.

(Surah Hūd: 123)

Tawakal bukan bererti menyerah tanpa usaha. Ia bermaksud:

1. Usaha dengan ikhtiar terbaik.
2. Serahkan hasilnya kepada Allah ﷻ.
3. Redha dengan keputusan Allah ﷻ.

Rasulullah ﷺ bersabda:

لَوْ أَنَّكُمْ تَتَوَكَّلُونَ عَلَى اللَّهِ حَقَّ تَوَكُّلِهِ لَرَزَقْتُمْ كَمَا تُرْزَقُ الطَّيْرُ تَغْدُو خِمَاصًا وَتَرُوحُ بِطَانًا

“Jika kamu bertawakal kepada Allah dengan sebenar-benar tawakal, nescaya kamu diberi rezeki seperti burung – ia keluar pagi hari dalam keadaan lapar, dan pulang petang dalam keadaan kenyang.”

(Riwayat al-Tirmidzi, no. 2344)

أَعْقِلْهَا وَتَوَكَّلْ

“Ikatlah (untamu) kemudian bertawakallah.”

(Riwayat al-Tirmidzi, no. 2157)

Contoh Tawakal Rasulullah ﷺ

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: أَقْبَلْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ حَتَّى نَزَلْنَا وَادِيًا أَفِيحًا، فَنَزَلَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ تَحْتَ شَجَرَةٍ، فَعَلَقَ سَيْفَهُ بِغُصْنٍ مِنْ أَغْصَانِهَا، وَتَفَرَّقَ النَّاسُ فِي الْوَادِي يَسْتِظِلُّونَ بِالشَّجَرِ. فَقَالَ جَابِرٌ: فَبَيْنَمَا نَحْنُ كَذَلِكَ، إِذْ دَعَانَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ، فَجِئْنَا، فَإِذَا عِنْدَهُ أَعْرَابِيٌّ جَالِسٌ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «إِنَّ هَذَا اعْتَرَضَنِي وَأَنَا نَائِمٌ، فَأَخَذَ سَيْفِي، فَاسْتَيْقِظْتُ وَهُوَ قَائِمٌ عَلَى رَأْسِي، وَهُوَ يَقُولُ: مَنْ يَمْنَعُكَ مِنِّي؟ قُلْتُ: اللَّهُ، ثَلَاثًا». قَالَ: «فَلَمْ يَعِجْزِهِ اللَّهُ، فَتَقَعَدُ

Daripada Jābir bin ‘Abdillāh رضي الله عنه, beliau berkata: “Kami pernah keluar bersama Rasulullah ﷺ sehingga baginda singgah di sebuah lembah yang luas. Baginda pun berehat di bawah sebatang pohon dan menggantung pedangnya pada salah satu dahan. Orang ramai pun bertebaran mencari tempat berteduh. Tiba-tiba seorang Arab Badwi datang, lalu mengambil pedang baginda ketika baginda sedang tidur. Ketika baginda terjaga, **pedang sudah berada di tangannya dan dia berdiri di atas kepala baginda** sambil berkata:

‘Siapa yang akan melindungimu daripadaku?’ Rasulullah ﷺ menjawab: **‘Allah.’ (Baginda mengulangnya tiga kali)**. Akhirnya Allah melemahkan lelaki itu, lalu dia pun duduk (tidak berdaya).”

(Riwayat al-Bukhārī, no. 2694; Muslim, no. 843)

Rasulullah ﷺ mengajarkan doa ketika keluar rumah:

بِسْمِ اللَّهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

“Dengan nama Allah, aku bertawakal kepada Allah, tiada daya dan kekuatan kecuali dengan-Nya.”

(Riwayat Abu Dawud, no. 4431 – sahih)

فَسَتَعْلَمُونَ مَنْ هُوَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

- Ayat ini mengingatkan bahawa di akhirat kelak segala **kebenaran hanya dapat dikenali dan diukur melalui wahyu.** Firman Allah ﷻ dan sabda Rasulullah ﷺ:

اللَّهُ وَلِيُّ الَّذِينَ آمَنُوا يُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ

“Allah adalah Pelindung orang-orang yang beriman; Dia mengeluarkan mereka dari kegelapan kepada cahaya.”
(Surah al-Baqarah: 257)

«تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا: كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّتِي»

“Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selama berpegang dengan keduanya: Kitab Allah dan Sunnahku.”
(Riwayat Imam Mālik dalam al-Muwaṭṭaʿ, no. 1594; hasan sahih)

Mereka yang menolak wahyu akan menyedari bahawa **merekalah sebenarnya berada dalam kesesatan**, tetapi ketika itu sudah **terlambat untuk menyesal.**

رُبَّمَا يَوَدُّ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْ كَانُوا مُسْلِمِينَ

“Boleh jadi orang-orang kafir itu pada akhirnya berharap, kalaulah dahulu mereka menjadi orang Islam.”
(Surah al-Hijr: 2)

وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكًا

“Barangsiapa berpaling daripada peringatan-Ku, maka baginya kehidupan yang sempit.”
(Surah Ṭāhā: 124)

3.30 AYAT 30

قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَصْبَحَ مَاؤُكُمْ غَوْرًا فَمَنْ يَأْتِيكُمْ بِمَاءٍ مَّعِينٍ

“Katakanlah lagi: “Bagaimana fikiran kamu, sekiranya air kamu hilang lenyap (ditelan bumi), maka siapakah (selain Allah) yang dapat mendatangkan kepada kamu air yang sentiasa terpancar mengalir?”.

(Surah Al-Mulk: 30)

قُلْ أَرَأَيْتُمْ

Allah ﷻ memerintahkan Nabi ﷺ agar **menyoal manusia sekali lagi supaya mereka berfikir**. Al-Qur’an banyak kali mengulang **kalimah “Qul”** (katakanlah), namun tidak pernah menjemukan, bahkan setiap kali dibaca ia **menambah kekuatan hujah dan pengajaran**.

إِنْ أَصْبَحَ مَاؤُكُمْ غَوْرًا

Allah ﷻ mengingatkan bahawa Dia berkuasa **menenggelamkan atau menghilangkan air ke dalam bumi** sehingga tidak dapat dicapai walaupun digali sedalam mana pun. Sekiranya itu terjadi, kehidupan manusia akan musnah dalam masa yang singkat.

Air disebut kerana **bangsa Arab amat bergantung padanya**, khususnya telaga **Zamzam**. Namun mesejnya bersifat sejagat iaitu tiada kehidupan di dunia ini tanpa air. Allah ﷻ berfirman:

وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ

“Dan Kami jadikan daripada air itu segala sesuatu yang hidup.”

(Surah al-Anbiyā’: 30)

Nama surah ini sendiri bermaksud **kerajaan**. Kuasa Allah tidak terbatas. Dia tidak perlu meruntuhkan gunung atau menghancurkan langit untuk mengazab manusia. **Cukuplah jika Dia memutuskan bekalan air** beberapa hari sahaja, nescaya seluruh **manusia akan binasa**.

Arasy Allah yang agung pula disebut berada di atas air (rujuk surah Hud: 7), mengingatkan kita bahawa **sumber kehidupan itu asalnya datang daripada Allah semata**.

وَكَانَ عَرْشُهُ عَلَى الْمَاءِ

“...sedang Arasy-Nya, berada di atas air...”

(Surah Hud: 7)



Air adalah **nikmat besar dan keberkatan sebenar** daripada Allah ﷻ. Namun ramai lalai, mencari “berkat” pada perkara tanpa dalil, sedangkan keberkatan hakiki sudah ada pada nikmat harian seperti air, kesihatan dan rezeki. Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ أَصْبَحَ مِنْكُمْ آمِنًا فِي سِرْبِهِ، مُعَافَى فِي جَسَدِهِ، عِنْدَهُ قُوَّةٌ يَوْمَهُ، فَكَأَنَّمَا حِيزَتْ لَهُ الدُّنْيَا

“Sesiapa yang berada di pagi hari dalam keadaan aman, sihat tubuhnya, dan memiliki makanan untuk hari itu, maka seakan-akan dunia telah diberikan kepadanya.”

(Riwayat al-Tirmidzī, no. 2346)

فَمَنْ يَأْتِيكُمْ بِمَاءٍ مَعِينٍ

Perkataan مَعِينٍ bermaksud **air yang mengalir dengan tenang**, merujuk kepada mata air yang menjadi sumber kehidupan manusia. Allah ﷻ mengingatkan kita bahawa **jika Dia menarik balik nikmat air, tiada siapa yang mampu mengembalikannya.**

وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً بِقَدَرٍ فَأَسْكَنَّاهُ فِي الْأَرْضِ وَإِنَّا عَلَىٰ ذَهَابٍ بِهِ لَقَادِرُونَ

“Dan Kami turunkan air dari langit menurut kadar, lalu Kami simpankannya di bumi; dan sesungguhnya Kami berkuasa untuk melenyapkannya.”

(Surah al-Mu’minūn: 18)

Air adalah hak bersama manusia, **bukan milik individu.** Ini menunjukkan ia adalah rahmat besar daripada Allah ﷻ.

«ثَلَاثٌ لَا يُمْنَعَنَّ: الْمَاءُ وَالْكَأُ وَالنَّارُ»

“Tiga perkara yang tidak boleh dihalang (daripada orang ramai): air, padang rumput, dan api.”

(Riwayat Ibn Mājah, no. 2472 – sahih)

«سِبَابُ الْمَاءِ سِبَابٌ مُحَرَّمٌ»

“Memutuskan bekalan air (kepada orang lain) adalah perbuatan haram.”

(Riwayat Ibn Mājah, no. 2473 – dinilai sahih oleh al-Albani)

Imam al-Qurtubi berkata dalam *al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’ān*:

“Allah menutup surah ini dengan menyebut nikmat air, kerana kehidupan tidak akan tegak tanpanya. Dengan hilangnya air, maka hilanglah kehidupan seluruh makhluk.”



4. KESIMPULAN

Surah al-Mulk menegaskan bahawa seluruh kekuasaan dan kerajaan adalah milik Allah ﷻ. Hidup dan mati diciptakan untuk menguji manusia, sama ada mereka benar-benar beriman dan beramal soleh. Keindahan dan ketelitian ciptaan langit serta alam semesta menjadi bukti kebesaran-Nya.

Surah ini juga memberi peringatan tegas tentang azab neraka bagi orang kafir yang mendustakan kebenaran, serta menjanjikan ganjaran besar bagi orang yang bertakwa dan takut kepada Allah walaupun tanpa melihat-Nya. Pada masa yang sama, ia mengingatkan manusia tentang kelemahan mereka bahawa tiada siapa mampu mendatangkan rezeki atau menolak musibah selain Allah.

Akhirnya, Surah al-Mulk menutup dengan pengajaran mendalam bahawa kehidupan dunia hanyalah sementara. Kekuasaan, rezeki, keselamatan dan bahkan air yang menjadi sumber hidup semuanya berada dalam genggamannya Allah ﷻ. Dialah Raja yang sebenar, Pemilik kekuasaan mutlak, dan kepada-Nyalah manusia kembali untuk dihisab.

والله أعلم بالصواب

RINGKASAN KESELURUHAN SURAH AL-MULK



Ayat 1-5

**KEAGUNGAN ALLAH
MENCIPTA ALAM SEMESTA**



Ayat 6-11

**AZAB NERAKA BAGI
ORANG KAFIR**



Ayat 15-18

**KEKUASAAN ALLAH DI
MUKA BUMI**



Ayat 12-14

**GANJARAN BAGI ORANG
YANG BERIMAN**



Ayat 19-23

BUKTI KEKUASAAN ALLAH



Ayat 24-30

**PERINGATAN TENTANG
HARI KIAMAT**